

# PROSPEKTUS

## FTSE4Good Bursa Malaysia etf (dahulunya dikenali sebagai FTSE Bursa Malaysia KLCI etf)

*(dana didagang bursa yang dibentuk di Malaysia pada 18 Januari 2007 dan ditubuhkan pada 7 Jun 2007)*

**PROSPEKTUS INI BERTARIKH 1 OKTOBER 2025 MENGGANTIKAN PROSPEKTUS BERTARIKH 16 APRIL 2021, PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 31 MAC 2022 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2023**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaraian dan sebut harga unit-unit FTSE4Good Bursa Malaysia etf (“Dana”) pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan satu salinan prospektus ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus ini, tidak harus diambil sebagai petunjuk bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana dan menerima tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pandangan yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menpertimbangkan merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketakdedahan di pihak AmFunds Management Berhad, syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara jelas menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami daripada atau dalam bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus ini.

Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unit Dana.

### Pengurus



AmFunds Management Berhad  
198601005272 (154432-A)

### Pemegang Amanah



HSBC (Malaysia) Trustee Berhad  
193701000084 (1281-T)

**FTSE4GOOD BURSA MALAYSIA ETF ADALAH DANA PELABURAN MAMPAH DAN BERTANGGUNGJAWAB LAYAK DI BAWAH GARIS PANDUAN DANA PELABURAN MAMPAH DAN BERTANGGUNGJAWAB.**

**PELABUR-PELABUR DINASIHATKAN SUPAYA MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INI. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.**

**UNTUK MAKLUMAT MENGENAI FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL-BAKAL PELABUR, SILA RUJUK “FAKTOR-FAKTOR RISIKO” YANG BERMULA DI MUKA SURAT 22.**

**Prospektus ini bertarikh 1 Oktober 2025.**

**Semua terma yang digunakan ditakrifkan dalam seksyen “Definisi” yang bermula pada muka surat ix Prospektus ini.**

## **PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para pengarah Pengurus telah membaca dan meluluskan Prospektus ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus ini palsu atau mengelirukan.

## **PENYATA TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka boleh memohon rekursa di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti, termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau yang dalamnya terdapat peninggalan material; atau bagi mana-mana perbuatan mengelirukan atau memperdaya berhubung dengan Prospektus ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

## **DATA PERIBADI**

Sebagai sebahagian daripada perniagaan hari ke hari kami, kami mengumpulkan maklumat peribadi anda apabila anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melangan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami boleh menggunakan maklumat ini bagi menyediakan untuk anda produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kami, menyelenggara rekod kami atau menghantar maklumat relevan kepada anda. Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda, termasuk maklumat mengenai mana-mana urus niaga yang dilaksanakan dengan kami, untuk satu atau lebih tujuan berikut, sama ada di Malaysia atau selainnya:

- a. Menilai kelayakan atau kesesuaian anda untuk produk kami yang anda telah pilih dan untuk mengesahkan identiti atau kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan kredit;
- b. Untuk memaklumkan anda mengenai maklumat tambahan dan terkini seperti penambahbaikan dan ciri-ciri baharu kepada produk dan perkhidmatan sedia ada, pembangunan produk, perkhidmatan dan promosi baharu yang mungkin menarik minat anda;
- c. Mengurus dan menyelenggara akaun(-akaun) anda melalui kemas kini berkala, penyatuan dan penambahbaikan ketepatan rekod kami. Dengan cara ini, kami dapat memberikan maklum balas kepada pertanyaan dan aduan anda dan untuk umumnya menyelesaikan pertikaian dengan cepat agar kami dapat menambah baik perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- d. Menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis, perlombongan data dan menganalisis urus niaga anda/ penggunaan produk dan perkhidmatan untuk lebih memahami kedudukan kewangan / pelaburan semasa dan keperluan masa hadapan anda. Kami juga akan menjana data, laporan dan statistik dari masa ke masa; walau bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregat untuk memastikan identiti anda kekal rahsia;
- e. Mematuhi keperluan mana-mana undang-undang dan peraturan yang mengikat kami seperti melaksanakan semakan anti pengubahan wang haram, pengesanan / pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan dan keselamatan;
- f. Penguatkuasaan hak kami untuk mendapatkan kembali apa-apa hutang kepada kami termasuk memindahkan atau menyerahkan hak, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- g. Dalam perjalanan biasa perancangan perniagaan am, fungsi pengawasan, perumusan strategi dan membuat keputusan dalam Kumpulan AmBank;
- h. Untuk mentadbir dan membangunkan syarikat-syarikat Pengurus dan/atau syarikat-syarikat bersekutu Pengurus dalam hubungan perniagaan Kumpulan AmBank dengan anda;
- i. Menyumber luar operasi perniagaan dan bilik belakang dalam Kumpulan AmBank dan/atau lain-lain penyedia perkhidmatan; dan
- j. Apa-apa tujuan(-tujuan) lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, standard, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia, termasuk dengan pemegang amanah Dana.

Pelabur-pelabur dinasihatkan supaya membaca Notis Privasi terkini atau kemas kini kami (notis diberikan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2020) yang terdapat di laman web kami di [www.aminvest.com](http://www.aminvest.com). Notis Privasi kami mungkin disemak semula dari masa ke masa dan sekiranya ada atau terdapat apa-apa semakan, ia akan disiarkan di laman web kami dan/atau kaedah komunikasi lain yang kami berpendapat adalah sesuai. Walau bagaimanapun, apa-apa semakan(-semakan) akan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

## **PROSPEKTUS ELEKTRONIK**

Kandungan salinan elektronik Prospektus ini dan salinan Prospektus ini yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah sama. Bakal-bakal pelabur boleh mendapatkan salinan Prospektus Elektronik daripada laman web Dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my).

Internet bukan medium yang dijamin selamat sepenuhnya. Sekiranya pelabur-pelabur ragu-ragu mengenai keesahan atau integriti Prospektus Elektronik, pelabur-pelabur mesti dengan segera meminta daripada Pengurus salinan kertas atau bercetak Prospektus ini. Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara kandungan Prospektus Elektronik dan salinan kertas atau bercetak Prospektus ini, kandungan salinan kertas atau bercetak Prospektus ini yang sama dengan salinan Prospektus ini yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan mengatasi.

Berhubung dengan sebarang rujukan dalam Prospektus ini kepada laman Internet pihak ketiga ("Laman Internet Pihak Ketiga"), sama ada melalui hiperpautan atau melalui huriahan Laman Internet Pihak Ketiga, pelabur-pelabur mengakui dan bersetuju bahawa:

- (i) setiap daripada Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak mengendors dan tidak bersekutu dalam sebarang cara dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Selaras dengan itu, setiap daripada Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak bertanggungjawab bagi ketersediaan, atau kandungan mana-mana data, fail atau bahan lain yang disediakan di Laman Internet Pihak Ketiga. Pelabur-pelabur menanggung semua risiko yang berkait dengan capaian kepada atau penggunaan Laman Internet Pihak Ketiga;
- (ii) setiap daripada Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan beranggungjawab bagi kualiti produk atau perkhidmatan Laman Internet Pihak Ketiga, khususnya dalam memenuhi mana-mana terma perjanjian dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Setiap daripada Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian juga tidak bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau kerugian yang kos yang pelabur-pelabur mungkin alami atau tanggung berhubung dengan atau akibat daripada berurusan dengan Laman Internet Pihak Ketiga atau penggunaan atau pergantungan pada mana-mana data, fail atau bahan lain yang disediakan pihak pihak tersebut; dan
- (iii) apa-apa data, fail atau bahan lain yang dimuat turun daripada Laman Internet Pihak Ketiga dibuat atas budi bicara dan risiko pelabur-pelabur sendiri. Setiap daripada Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak bertanggungjawab, menanggung liabiliti atau mempunyai sebarang obligasi bagi apa-apa kerosakan kepada sistem komputer pelabur-pelabur atau kehilangan data akibat daripada muat turun mana-mana data, maklumat, fail atau bahan lain.

Apabila Prospektus Elektronik dihoskan pada laman web Dana (iaitu, [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my)) pelabur-pelabur dinasihatkan bahawa:

- (i) Pengurus hanya bertanggungjawab berhubung integriti kandungan Prospektus Elektronik setakat yang kandungan Prospektus Elektroik yang terdapat pada pelayan web AmFunds Management Berhad yang boleh dilihat melalui penyemak imbas web pelabur-pelabur atau perisian relevan lain. Pengurus tidak bertanggungjawab bagi integriti kandungan Prospektus Elektronik yang telah diperoleh daripada pelayan web AmFunds Management Berhad dan kemudiannya disampaikan atau disebarluar melalui apa-apa cara kepada pelabur-pelabur atau pihak-pihak lain; dan
- (ii) manakala semua langkah munasabah telah diambil untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Elektronik, ketepatan dan kebolehpercayaan Prospektus Elektronik tidak boleh dijamin memandangkan Internet bukan medium yang dijamin selamat sepenuhnya.

Pengurus tidak akan bertanggungjawab (sama ada dalam tort atau kontrak atau selainnya) ke atas sebarang kehilangan, kerugian, atau kos yang dialami atau ditanggung oleh pelabur-pelabur atau mana-mana orang lain disebabkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana ketakstetapan, perubahan, pengubahsuaian, penghapusan atau peninggalan berhubung dengan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Elektronik yang mungkin berlaku berhubung dengan atau akibat mana-mana kesilapan dengan penyemak imbas web atau lain-lain perisian berkaitan, apa-apa kesilapan pada komputer peribadi, sistem kendalian atau perisian lain pelabur-pelabur atau mana-mana pihak ketiga, virus atau ancaman keselamatan lain, capaian tanpa izin kepada maklumat atau sistem berkaitan dengan laman web AmFunds Management

Berhad, dan/atau masalah yang berlaku semasa penghantaran data yang mungkin mengakibatkan salinan maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap dimuat turun atau dipaparkan pada komputer peribadi pelabur-pelabur.

## **PENYATA PENDEDAHAN DAN SYARAT-SYARAT PELESENAN**

Berikut adalah keperluan penyata pendedahan pelesenan selaras dengan Perjanjian Lesen bertarikh 4 Ogos 2025 yang ditandatangani di antara Pemberi Lesen Indeks dan Pengurus:

FTSE4Good Bursa Malaysia etf tidak dalam apa cara sekalipun ditaja, diendors, dijual atau dianjurkan oleh FTSE International Limited (“FTSE”) atau oleh Bursa Malaysia Berhad (“BURSA MALAYSIA”) atau oleh syarikat-syarikat London Stock Exchange Group (“LSEG”) dan sama ada FTSE atau BURSA MALAYSIA atau LSEG tidak membuat apa-apa waranti atau representasi sama sekali, secara jelas atau tersirat, sama ada berhubung dengan hasil yang akan diperoleh daripada penggunaan FTSE4Good Bursa Malaysia Index (“Penanda Aras”), dan/atau angka pada mana Penanda Aras tersebut berada pada mana-mana masa tertentu pada mana-mana hari tertentu atau sebaliknya. Penanda Aras disusun dan dikira oleh FTSE. Walau bagaimanapun, FTSE atau BURSA MALAYSIA atau LGSE tidak akan menanggung liabiliti (sama ada dalam kecuaian atau selainnya) kepada mana-mana orang bagi apa-apa kesilapan dalam Penanda Aras dan sama ada FTSE atau BURSA MALAYSIA atau FTSE tidak akan mempunyai sebarang kewajipan untuk memberitahu mana-mana orang mengenai apa-apa kesilapannya.

“FTSE®”, “FT-SE®”, “Footsie®” dan “FTSE4GOOD®” adalah cap dagangan LSEG dan digunakan oleh FTSE di bawah lesen. “BURSA MALAYSIA” adalah cap dagangan BURSA MALAYSIA.

# JADUAL KANDUNGAN

<b>DEFINISI</b>	<b>ix</b>
<b>PANDUAN KORPORAT</b>	<b>xviii</b>
<b>1. RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>1</b>
1.1 Butir-butir Ringkas Dana	1
1.2 Yuran, Caj dan Perbelanjaan	5
1.3 Maklumat Lain	8
<b>2. FTSE4GOOD BURSA MALAYSIA ETF</b>	<b>9</b>
2.1 Penyenaraian Dana pada Bursa Securities	9
2.2 Objektif Pelaburan	9
2.3 Strategi Pelaburan	9
2.4 Opsyen Panggilan <i>Zero Strike</i>	10
2.5 Strategi dan Teknik Pengurusan Risiko yang akan Digunakan oleh Pengurus Dana	11
2.6 Polisi Pengagihan	12
2.7 Korelasi dan Pengimbangan Semula	12
2.8 Keterangan Penanda Aras	13
2.9 Skop dan Sekatan Pelaburan	17
2.10 Penilaian Aset-aset Dana	20
2.11 Asas Penilaian bagi Semua Sekuriti dan Instrumen Dana yang Berkaitan	21
2.12 Polisi Berhubung Masa(-masa) Penilaian untuk Menentukan NAV Dana	21
<b>3. FAKTOR-FAKTOR RISIKO</b>	<b>22</b>
3.1 Faktor-faktor Risiko Khusus Pelaburan dalam Dana Amanah Saham	22
3.2 Faktor-faktor Risiko Khusus Melabur dalam Dana Amanah Saham yang Diuruskan Secara Pasif	23
3.3 Faktor-faktor Risiko Khusus Melabur dalam ETF	24
3.4 Faktor-faktor Risiko Khusus yang Berkait dengan Pelaburan dalam Derivatif	26
3.5 Faktor-faktor Risiko Khusus Pelaburan dalam Dana SRI	27
<b>4. YURAN &amp; CAJ</b>	<b>29</b>
4.1 Caj yang ditanggung secara langsung oleh pelabur	29
4.2 Yuran dan perbelanjaan yang ditanggung secara tidak langsung oleh pelabur	29
4.3 Yuran dan caj yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian	30

<b>5.</b>	<b>UNIT-UNIT FTSE4GOOD BURSA MALAYSIA ETF</b>	<b>34</b>
5.1	Pembentukan dan Penebusan Unit-unit	34
5.2	Prosedur untuk Pembentukan <i>In-Kind</i> , Penebusan <i>In-Kind</i> , Pembentukan Tunai dan Penebusan Tunai	34
5.3	Pengiraan Harga Terbitan, Harga Penebusan dan IOPV setiap Unit	45
5.4	Pencairan dan Caj Pencairan	46
5.5	Memperoleh maklumat mengenai Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> dan Penebusan <i>In-Kind Basket</i>	46
5.6	Perdagangan Unit	46
5.7	Penggantungan sementara penentuan NAV dan dagangan dalam Unit	48
<b>6.</b>	<b>MENGENAI PENGURUS</b>	<b>49</b>
6.1	Maklumat Korporat	49
6.2	Tugas dan Tanggungjawab	49
6.3	Pengarah dan Personel Penting	49
6.4	Jawatankuasa Pelaburan	51
6.5	Litigasi Material	53
6.6	Program Pengenalan Pelanggan	53
6.7	Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana	53
<b>7.</b>	<b>MENGENAI PEMEGANG AMANAH</b>	<b>54</b>
7.1	Maklumat Korporat	54
7.2	Tugas dan Tanggungjawab	54
7.3	Pengalaman	54
7.4	Wakil Pemegang Amanah	54
7.5	Litigasi Material	55
7.6	Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah	55
7.7	Peruntukan Anti Pengubahan Wang Haram dan Anti Pembiayaan Keganasan	55
7.8	Penyata Penafian	55
7.9	Persetujuan untuk Pendedahan	56
7.10	Urus Niaga Pihak Berkaitan / Percanggahan Kepentingan	56
<b>8.</b>	<b>TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN</b>	<b>57</b>
8.1	Meminda Surat Ikatan	57
8.2	Hak dan Batasan Pemegang-pemegang Unit	57

8.3	Liabiliti Pemegang-pemegang Unit	58
8.4	Yuran dan Caj yang Dibenarkan oleh Surat Ikatan	58
8.5	Persaraan atau Pemecatan atau Penggantian Pemegang Amanah	60
8.6	Persaraan atau Pemecatan atau Penggantian Pengurus	61
8.7	Penamatan Dana	62
8.8	Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit	64
<b>9.</b>	<b>KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT</b>	<b>67</b>
9.1	Kelulusan bagi Perubahan	67
<b>10.</b>	<b>PERCANGGAHAN KEPENTINGAN</b>	<b>68</b>
10.1	Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi	68
10.2	Percanggahan Kepentingan	68
10.3	Polisi bagi Menangani Keadaan Percanggahan Kepentingan	68
10.4	Perisyiharan Percanggahan Kepentingan	69
<b>11.</b>	<b>PERCUKAIAN</b>	<b>70</b>
<b>12.</b>	<b>MAKLUMAT LANJUT</b>	<b>81</b>
12.1	Kontrak Material	81
12.2	Persetujuan	81
12.3	Dokumen untuk Pemeriksaan	81
12.4	Saluran untuk Mendapatkan Nasihat	81
12.5	Perdagangan Bersilang	82

# DEFINISI

Dalam Prospektus ini, melainkan konteks memerlukan sebaliknya, perkataan dan singkatan berikut akan mempunyai maksud berikut:

- Permohonan : Permohonan Pembentukan dan/atau Permohonan Penebusan (mengikut keadaan)
- Yuran Pembatalan Permohonan : Yuran yang boleh, mengikut budi bicara Pengurus, dikenakan kepada setiap Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi pembatalan (i) setiap Permohonan Pembentukan dan/atau (ii) setiap Permohonan Penebusan, yang paras maksimumnya adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, dan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4.3 Prospektus ini
- Penanda Aras : FTSE4Good Bursa Malaysia Index dibekalkan oleh Pemberi Lesen Indeks atau sekiranya Perjanjian Lesen ditamatkan atas apa-apa sebab, indeks pilihan lain atau pengganti sebagaimana yang dipilih oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan. Penanda Aras mengukur prestasi harga agregat konstituen, diwajarkan selaras dengan strategi pengwajaran Penanda Aras. Penanda Aras tidak mengambil kira apa-apa pendapatan dividen yang terakru kepada konstituen-konstituen
- Bursa Depository : Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd [No. Pendaftaran: 198701006854 (165570-W)]
- Bursa Securities : Bursa Malaysia Securities Berhad [No. Pendaftaran: 200301033577 (635998-W)]
- Hari Perniagaan : (i) Hari (selain Sabtu, Ahad atau cuti umum) yang:  
(a) Institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur dan urus niaga pasaran wang dilaksanakan di Kuala Lumpur; dan  
(b) Bursa Securities dibuka untuk dagangan sekuriti; dan  
(c) Penanda Aras disusun dan disiarkan; atau  
(ii) hari lain tertentu sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke masa
- Komponen Tunai : (a) Jumlah tunai untuk dibayar bagi setiap Blok Unit Pembentukan dan yang membentuk sebahagian daripada Pembentukan *In-Kind Basket* yang dikira pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan berkaitan dan dimaklumkan oleh Pengurus; atau  
(b) jumlah tunai yang akan diterima setiap Blok Unit Penebusan dan yang membentuk sebahagian daripada Pembentukan *In-Kind Basket* yang dikira pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan berkaitan dan dimaklumkan oleh Pengurus,  
mengikut keadaan
- Pembentukan Tunai : Pembentukan Unit-unit dalam Blok(-blok) Unit Pembentukan sebagai tukaran bagi Jumlah Langganan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian
- Penebusan Tunai : Penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok(-blok) Unit Penebusan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian sebagai tukaran bagi Jumlah Penebusan

CDS	: Sistem Depositori Pusat
Akaun CDS	: Akaun yang dibuka di Bursa Depositori untuk pendeposit bagi merekodkan deposit sekuriti dan bagi urus niaga dalam sekuriti oleh pendeposit
Akta Depositori Pusat	: Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 sebagaimana yang mungkin dipinda dari masa ke masa
Rumah Penjelasan	: Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn. Bhd. [No. Pendaftaran: 198301014323 (109716-D)]
CMSA	: Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sebagaimana yang mungkin dipinda dari masa ke masa
Balasan	: Harga perlu dibayar bagi Unit-unit yang dipohon selaras dengan Permohonan Pembentukan yang adalah Harga Terbitan didarab dengan bilangan Unit yang dipohon selaras dengan Permohonan Pembentukan
korelasi	: Ukuran bagaimana dua (2) pelaburan atau penunjuk nilai pelaburan, seperti indeks, bergerak berbanding satu sama lain. Dalam konteks ini, korelasi adalah ukuran bagaimana NAV portfolio ini bergerak berbanding Penanda Aras
Permohonan Pembentukan	: Permohonan untuk membentuk Unit-unit baharu
Blok Unit Pembentukan	: Kuantiti Unit-unit yang akan diterbitkan selepas Permohonan Pembentukan yang berjaya berhubung dengan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i)     satu (1) Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> genap bagi Pembentukan <i>In-Kind</i>; dan</li> <li>(ii)    Jumlah Langganan bagi Pembentukan Tunai.</li> </ul> Saiz Blok Unit Pembentukan mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus, dan dimaklumkan sewajarnya kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian
Sekuriti Pembentukan	: Pelaburan yang Dibenarkan yang, bersama dengan Komponen Tunai (sekiranya ada), membentuk Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> atau gandaannya, yang perlu didepositkan dengan Pemegang Amanah (tetapi yang tidak akan membentuk sebahagian daripada Aset-aset Dana sehingga masa apabila Permohonan Pembentukan berjaya disempurnakan) oleh atau bagi akaun Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Pembentukan yang diluluskan dan berjaya yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian tersebut
Hari Urus Niaga	: Setiap Hari Perniagaan semasa kewujudan Dana apabila Permohonan Pembentukan atau Permohonan Penebusan boleh diserahkan atau dibuat
Tarikh Akhir Urus Niaga	: Berhubung dengan mana-mana Hari Urus Niaga tertentu, bermaksud masa tertentu pada Hari Urus Niaga tersebut, sebagaimana dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian atau lain-lain masa tertentu pada Hari Urus Niaga sebagaimana ditentukan oleh Pengurus (dengan kelulusan Pemegang Amanah) dari masa ke masa dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang menjelang masa itu Permohonan Pembentukan dan/atau Perhohonan Penebusan mesti diterima

Surat Ikatan	: Surat Ikatan bertarikh 18 Januari 2007 sebagaimana dipinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 14 Mei 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 4 Jun 2007, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 29 Jun 2009, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan kelima bertarikh 16 November 2020, surat ikatan tambahan keenam bertarikh 1 Ogos 2023 dan surat ikatan tambahan ketujuh bertarikh 21 Jun 2024 yang ditandatangani oleh Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit yang membentuk Dana sebagaimana yang dipinda oleh mana-mana surat ikatan tambahan lain kepadanya
Akaun Pengagihan	: Akaun (yang mungkin merupakan sub-akaun akaun bank) yang Keberhakan Pendapatan dikreditkan ke dalamnya
Prospektus Elektronik	: Salinan Prospektus ini yang dikeluarkan, diedarkan atau disebarluaskan melalui Internet, dan/atau medium penstoran elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada CD-ROM
ESG	: Alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ETF	: Dana didagang Bursa
Garis Panduan ETF	: Garis panduan Dana Didagang Bursa yang dikeluarkan oleh SC dan apa-apa pindaan selepas itu
Institusi Kewangan	: Sekiranya – <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) institusi tersebut adalah di Malaysia, mana-mana Bank Berlesen, Bank Pelaburan Berlesen atau Bank Islam Berlesen; atau</li> <li>(ii) institusi tersebut adalah di luar Malaysia, mana-mana institusi yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan atau dibenarkan oleh pengawal selia perbankan berkaitan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan</li> </ul>
Saham Indeks yang Lepas	: Saham yang dahulunya adalah Saham Indeks, tetapi kini bukan lagi Saham Indeks
FTSE4Good Bursa Malaysia etf atau Dana	: ETF sebagaimana yang ditubuhkan melalui Surat Ikatan sebagaimana dari masa ke masa diubah atau ditambah dan dipanggil " <b>FTSE4Good Bursa Malaysia etf</b> " atau dengan nama lain tertentu sebagaimana Pengurus akan tentukan selepas berunding dengan Pemegang Amanah
Aset-aset Dana	: Semua aset (termasuk tunai) yang buat masa ini dipegang atau dianggap dipegang sebagai amanah oleh Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan termasuk Pendapatan tetapi tidak termasuk mana-mana jumlah yang pada ketika ini berada pada kredit Akaun Pengagihan
Saham Indeks Masa Hadapan	: Saham tersenarai pada Bursa Securities yang Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, secara munasabah percaya akan dimasukkan dalam Penanda Aras
Kontrak Niagaan Hadapan	: Mempunyai maksud yang dinyatakan dalam CMSA
ICULS	: Stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh tebus
Pendapatan	: Pendapatan Dana yang terdiri daripada semua faedah, dividen dan lain-lain pengagihan atau pendapatan yang terakru berhubung dengan Aset-aset Dana termasuk semua atau mana-mana bahagian daripada laba modal direalisasi dan kerugian bagi jualan atau realisasi atau pelupusan Aset-aset Dana sebagaimana Pengurus mungkin (tanpa berkewajipan), dengan kebenaran Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa tentukan akan dianggap sebagai pendapatan Dana

Keberhakan Pendapatan	: Jumlah mana-mana pendapatan atau laba Dana yang dikira berhubung dengan Unit pada Hari Perniagaan dan diperuntukkan kepada Pemegang Unit bagi Unit tersebut
Pemberi Lesen Indeks	: FTSE International Limited, yang pejabat berdaftarnya ialah 10 Paternoster Square, London, EC4M 7LS United Kingdom, pemberi lesen Penanda Aras, yang mempunyai hak untuk memberikan kepada Pengurus penggunaan Penanda Aras
Saham Indeks	: Saham-saham atau kepentingan yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang dimasukkan dalam Penanda Aras dari masa ke masa atau resit depositori yang mungkin diterbitkan terhadap saham-saham atau kepentingan tersebut
Nilai Portfolio Dioptimum Indikatif (IOPV) setiap Unit	: NAV setiap Unit Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> , dikira oleh pengurus menggunakan kaedah yang dinyatakan dalam Seksyen 5.3 Prospektus ini
Pembentukan <i>In-Kind</i>	: Pembentukan Unit-unit baharu dalam Blok(-blok) Unit Pembentukan sebagai tukaran bagi Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian
Pembentukan <i>In-Kind Basket</i>	: Portfolio Sekuriti Pembentukan dan Komponen Tunai (sekiranya ada) ditentukan oleh Pengurus berhubung dengan setiap Hari Urus Niaga, yang mesti diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Pembentukan sebagai tukaran bagi satu (1) Blok Unit Pembentukan
Penebusan <i>In-Kind</i>	: Penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok(-blok) Unit Penebusan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian sebagai tukaran bagi Penebusan <i>In-Kind Basket</i>
Penebusan <i>In-Kind Basket</i>	: Portfolio Sekuriti Penebusan dan Komponen Tunai (sekiranya ada) ditentukan oleh Pengurus berhubung dengan setiap Hari Urus Niaga, yang akan diterima oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Penebusan sebagai tukaran bagi satu (1) Blok Unit Penebusan
Tarikh Terbitan	: Berhubung dengan Unit-unit yang dipohon, bermaksud Tarikh Dagangan yang padanya Permohonan bagi Unit-unit tersebut diterima / dianggap diterima atau hari lain tertentu sebagaimana dipersetujui di antara Pemegang Amanah dan Pengurus (sama ada secara am atau kes demi kes) dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian yang baginya Unit-unit akan diterbitkan / dibentuk
Harga Terbitan	: Harga setiap Unit yang Unit-unit diterbitkan atau akan diterbitkan dari masa ke masa dan akan ditentukan selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 5.3 Prospektus ini
Tarikh Terakhir Paling Munasabah atau LPD	: 1 April 2025, adalah tarikh terakhir paling munasabah bagi tujuan penentuan maklumat khusus yang terkandung dalam Prospektus ini
Liabiliti	: Liabiliti, kos dan perbelanjaan Dana yang belum dijelaskan termasuk tanpa had: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) yuran dan perbelanjaan pentadbiran belum dibayar termasuk Yuran Pengurus dan Yuran Pemegang Amanah;</li> <li>(b) semua yuran dan perbelanjaan dan semua duti, cukai, caj kerajaan, yuran pembrokeran, yuran pemindahan, atau lain-lain caj atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berkaitan dengan atau berhubung dengan mana-mana urus</li> </ul>

niaga, urusan atau instrumen atau akibat daripada urus niaga, urusan atau instrumen tersebut;

- (c) caj terakru berhubung dengan atau terhutang berkaitan dengan apa-apa Pelaburan yang Dibenarkan;
- (d) jumlah yang diperlukan untuk memenuhi semua liabiliti semasa dan peruntukan sesuai bagi mana-mana liabiliti kontingen;
- (e) apa-apa peruntukan bagi cukai yang pada pendapat Pengurus perlu diperitmbangkan dan jumlah tersebut (sekiranya ada) sebagaimana yang dianggarkan oleh Pengurus akan termasuk untuk dibayar atau dituntut balik berhubung dengan percukaian yang berkait dengan pendapatan dan urus niaga sebelum tarikh berkenaan;
- (f) jumlah yang belum dijelaskan berhubung dengan apa-apa pinjaman yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai dan jumlah apa-apa faedah dan perbelanjaan yang belum dibayar berhubung dengannya;
- (g) apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang perlu dibayar tetapi tidak dibayar yang secara jelas dibenarkan oleh mana-mana peruntukan Surat Ikatan sebagai perlu dibayar daripada Aset-aset Dana;
- (h) apa-apa jumlah lain yang diperlukan untuk menunaikan liabiliti atau lain-lain perbelanjaan yang pada pendapat Pengurus, dengan kelulusan Pemegang Amanah, perlu dipertimbangkan dan yang sebaliknya tidak diambil kira dalam menentukan jumlah liabiliti dalam mana-mana perenggan di atas bagi definisi ini; dan

liabiliti akan (apabila berkenaan) dianggap sebagai terakru dari hari ke hari

Perjanjian Lesen	: Perjanjian bertarikh 4 Ogos 2025 yang ditandatangani oleh Pemberi Lesen Indeks dan Pengurus
Bank Berlesen	: Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Bank Pelaburan Berlesen	: Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Bank Islam Berlesen	: Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
Penyenaraian	: Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit pada Pasaran Utama Bursa Securities
Syarat-syarat Penyenaraian	: Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama yang dikeluarkan oleh Bursa Securities dan apa-apa pindaan selepas itu
Pengurus	: AmFunds Management Berhad [No. Pendaftaran: 198601005272 (154432-A)]
Yuran Pengurus	: Caj berkala yang ditentukan selaras dengan Surat Ikatan dan perlu dibayar kepada Pengurus, sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4.2 Prospektus ini
NAV	: Nilai semua Aset-aset Dana tolak nilai semua Liabiliti pada Masa Penilaian
NAV setiap Unit	: NAV Dana pada Masa Penilaian tertentu dibahagi dengan bilangan Unit dalam terbitan pada Masa Penilaian yang sama

Saham Bukan Indeks	: Saham yang bukan Saham Indeks, tetapi yang adalah, pada pendapat Pengurus, sebanding dan berkemungkinan menunjukkan kelakuan serupa dan sejarah dengan semua atau sebahagian daripada Saham Indeks
Peniaga yang Mengambil Bahagian	: Mana-mana pihak yang menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam bentuk dan kandungan yang diterima oleh Pengurus dan Pemegang Amanah
Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian	: Perjanjian yang ditandatangani oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, Pengurus dan Pemegang Amanah yang menetapkan, antara lain:
	(a) pengaturan berhubung dengan pembentukan dan terbitan Unit-unit dan penebusan dan pembatalan Unit-unit; dan
	(b) kewajipan Peniaga yang Mengambil Bahagian sebagai penyedia kecairan
Pelaburan yang Dibenarkan	: Mana-mana atau semua daripada yang berikut:
	(a) Saham Indeks termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan Hadapan, keberhakan hak dan ICULS bagi Saham Indeks tersebut;
	(b) mana-mana Saham Indeks Masa Hadapan, termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan Hadapan, keberhakan hak dan ICULS bagi Saham Indeks Masa Hadapan tersebut;
	(c) mana-mana Saham Indeks yang Lepas, termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan Hadapan, keberhakan hak dan ICULS bagi Saham Indeks yang Lepas dengan syarat bahawa Saham Indeks yang Lepas hanya akan dipegang untuk tempoh tertentu yang selepas itu saham-saham tersebut bukan lagi merupakan Saham Indeks sebagaimana yang Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, tentukan bahawa Saham Indeks yang Lepas tersebut perlu untuk dilupuskan dan digantikan atau ditukar;
	(d) Kontrak Niagaan hadapan pada Penanda Aras atau indeks sebanding;
	(e) Saham Bukan Indeks, termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan Hadapan, keberhakan hak dan ICULS dalam Saham Bukan Indeks tersebut dengan syarat bahawa:
	(i) Nilai Saham Bukan Indeks tersebut tidak boleh, pada bila-bila masa, melebihi lima peratus (5%) daripada nilai Dana atau lain-lain peratus tertentu sebagaimana mungkin diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan;
	(ii) Saham Bukan Indeks tersebut mempunyai korelasi yang tinggi dengan satu atau lebih Saham Indeks yang ia gantikan; dan
	(iii) Pengurus menanggap bahawa Saham Bukan Indeks adalah pengganti yan sesuai dengan mengambil kira kekangan kecairan dengan Saham Indeks yang mungkin mempunyai kesan negatif ke atas aktiviti Pembentukan <i>In-Kind</i> atau Penebusan <i>In-Kind</i> ;
	(f) Apa-apa skim pelaburan kolektif pasaran wang;
	(g) bil pertukaran, nota janji yang lain-lain instrumen boleh niaga yang dikeluarkan, diterima atau diendors oleh kerajaan atau separa

kerajaan atau Institusi Kewangan, oleh syarikat yang ditentukan oleh Pengurus selepas berunding dengan Pemegang Amanah (“Syarikat yang Layak”) atau oleh mana-mana syarikat kewangan atau deposit dengan mana-mana Institusi Kewangan tersebut, Syarikat yang Layak atau syarikat kewangan berdaftar;

- (h) deposit dengan peniaga yang dibenarkan;
- (i) deposit dengan atau perolehan sijil deposit atau mana-mana sekuriti lain yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan;
- (j) perjanjian pembelian balik mana-mana sekuriti pendapatan tetap yang dinyatakan di atas; dan
- (k) mana-mana sekuriti atau pelaburan yang tidak termasuk dalam perenggan (a) – (j) definisi ini yang diterima oleh atau diagihkan kepada Dana melalui pengagihan modal, pengagihan dividen *in specie* atau mana-mana pengagihan lain yang berkait dengan pelaburan yang dinyatakan dalam perenggan (a) – (j) definisi ini dengan syarat sentiasa bahawa mana-mana sekuriti tersebut akan dilupuskan oleh Pengurus secepat mungkin yang munasabah

*Nota: Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau membuat perjanjian pembelian baik atau aktiviti pinjaman sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah mempunyai polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut*

Hasil	: Jumlah perlu dibayar bagi Unit-unit yang ditebus selaras dengan Permohonan Penebusan yang adalah Harga Penebusan didarab dengan bilangan Unit yang dinyatakan dalam Permohonan Penebusan
Prospektus	: Prospektus ini berhubung dengan Dana dan termasuk mana-mana tambahan dan/atau penggantian baginya
Jumlah Penebusan	: Jumlah tunai yang akan diserahkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Permohonan Penebusan yang bersamaan dengan Harga Penebusan didarab dengan bilangan Unit yang akan ditebus
Permohonan Penebusan	: Permohonan untuk menebus Unit-unit sedia ada
Tarikh Penebusan	: Berhubung dengan Unit-unit yang dipohon, bermaksud Tarikh Dagangan apabila Permohonan Penebusan bagi Unit-unit tersebut diterima atau dianggap diterima atau hari tertentu lain sebagaimana dipersetujui di antara Pemegang Amanah dan Pengurus (sama ada secara am atau kes demi kes) dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian mengenai Unit-unit yang akan ditebus / dibatalkan
Harga Penebusan	: Harga setiap Unit yang Unit-unit ditebus dari masa ke masa dan akan ditentukan selaras dengan peruntukan Seksyen 5.3 Prospektus ini
Sekuriti Penebusan	: Pelaburan yang Dibenarkan yang, bersama dengan Komponen Tunai (sekiranya ada), termasuk dalam Penebusan <i>In-Kind Basket</i> atau gandaannya, yang akan diagihkan daripada Dana kepada atau untuk akaun Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Penebusan yang diluluskan dan berjaya yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian itu selaras dengan peruntukan Surat Ikatan
Blok Unit Penebusan	: Kuantiti Unit yang perlu diserahkan kepada Pemegang Amanah apabila Permohonan Penebusan telah berjaya sebagai tukaran bagi: <ul style="list-style-type: none"><li>(i) satu (1) Penebusan <i>In-Kind Basket</i> genap bagi Penebusan <i>In-Kind</i>; dan</li></ul>

(ii) Jumlah Penebusan bagi Penebusan Tunai.

Saiz Blok Unit Penebusan mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, dan dimaklumkan kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian

Daftar	: Daftar Pemegang-pemegang Unit yang disimpan dan diselenggara oleh Pengurus atau ejen yang dilantiknya (setakat yang dikehendaki oleh undang-undang terpakai) atas dasar hanya (a) bilangan Unit yang diterbitkan kepada Pemegang-pemegang Unit; (b) tarikh yang nama setiap orang dimasukkan ke dalam Daftar sebagai Pemegang Unit; (c) Unit-unit yang ditebus oleh Pemegang-pemegang Unit; (d) tarikh yang mana-mana orang tidak lagi menjadi Pemegang Unit; dan (e) rekod yang diperoleh daripada Bursa Securities setiap tahun, atau pada tarikh lain sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa dan pada bila-bila masa
RM	: Ringgit Malaysia
SC	: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SRI	: Pelaburan mampan dan bertanggungjawab
Jumlah Langganan	: Balasan dalam tunai, yang akan diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Pembentukan Tunai
Tarikh Dagangan	: Hari Urus Niaga yang Pengurus menerima / dianggap telah menerima Permohonan sah selaras dengan peruntukan Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan syarat bahawa sekiranya Permohonan sah tersebut diterima selepas Tarikh Akhir Urus Niaga, Hari Urus Niaga berikutnya akan menjadi Tarikh Dagangan
Kos Urus Niaga	: Berhubung dengan mana-mana urus niaga atau urusan tertentu, bermaksud:  (a) semua duti setem dan lain-lain duti, cukai, caj kerajaan, yuran pembrokeran, caj bank, yuran pemindahan, yuran pendaftaran, levi urus niaga dan lain-lain duti dan caj, sama ada berhubung dengan pembentukan Aset-aset Dana atau pertambahan atau pengurangan Aset-aset Dana atau pembentukan, penerbitan, pemindahan, pembatalan atau penebusan Unit-unit atau perolehan atau pelupusan Aset-aset Dana atau selainnya yang mungkin telah atau mungkin perlu dibayar berhubung dengan (sama ada sebelum, pada atau selepas berlakunya) apa-apa urus niaga atau urusan; dan  (b) mungkin termasuk, berkaitan dengan terbitan Unit-unit dan penebusan Unit-unit, caj (sekiranya ada) jumlah tertentu atau pada kadar tertentu sebagaimana ditetapkan oleh Pengurus yang akan dibuat untuk tujuan (i) memampas atau membayar balik Dana untuk perbezaan di antara (aa) harga yang digunakan apabila menilai Aset-aset Dana dalam Dana untuk tujuan penerbitan atau penebusan Unit-unit tersebut dan (bb) (dalam kes penerbitan Unit-unit) harga yang akan dibayar apabila memperoleh Aset-aset Dana yang sama jika ia telah diperoleh oleh Dana dalam jumlah tunai yang diterima oleh Dana ketika penerbitan Unit-unit tersebut atau (dalam kes penebusan Unit-unit) harga yang akan diperoleh apabila menjual Aset-aset Dana sekiranya ia dijual oleh Dana untuk merealisasi jumlah tunai yang diperlukan untuk dibayar daripada Dana semasa penebusan Unit-unit tersebut dan/atau (ii) memampas atau membayar balik Dana bagi apa-apa pencairan NAV Dana akibat daripada perbezaan antara harga belian dan jualan sekuriti, nilai pasaran sekuriti ini dan lain-lain kos pencairan yang ditanggung oleh Dana, dalam Pembentukan Tunai

Pemegang Amanah	: HSBC (Malaysia) Trustee Berhad [No. Pendaftaran: 193701000084 (1281-T)]
Yuran Pemegang Amanah	: Caj berkala yang ditentukan selaras dengan Surat Ikatan dan perlu dibayar kepada Pemegang Amanah, sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 4.2 Prospektus ini
Unit	: Bahagian yang tidak dipecah bahagi dalam kepentingan benefisial dan/atau hak dalam Dana dan ukuran kepentingan dan/atau hak Pemegang Unit dalam Dana dan bermaksud Unit Dana
Pemegang(-pemegang) Unit	: Mana-mana orang yang didaftarkan sebagai pemegang Unit selaras dengan peruntukan Surat Ikatan
Masa Penilaian	: Masa atau masa-masa tertentu pada setiap Hari Urus Niaga sebagaimana ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa
Opsyen Panggilan <i>Zero Strike</i>	: Sekuriti yang dihuraikan dengan lebih terperinci dalam Seksyen 2.4 Prospektus ini

# PANDUAN KORPORAT

## PENGURUS

AmFunds Management Berhad  
[No. Pendaftaran: 198601005272 (154432-A)]  
*Pejabat Berdaftar:*  
Tingkat 22, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur  
No. Tel.: 03 – 2036 2633

*Pejabat Perniagaan:*  
Tingkat 9, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur  
No. Tel.: 03 – 2032 2888  
No. Faks: 03 – 2031 5210  
E-mel: [enquiries@aminvest.com](mailto:enquiries@aminvest.com)  
Laman web: [www.aminvest.com](http://www.aminvest.com)

## PEMEGANG AMANAH

HSBC (Malaysia) Trustee Berhad  
[No. Pendaftaran: 193701000084 (1281-T)]  
*Pejabat Berdaftar & Perniagaan*  
Aras 19, Menara IQ  
Lingkaran TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
No. Tel: 03 – 2075 7800  
No. Faks: 03 – 8894 2611  
E-mel: [fs.client.services.myh@hsbc.com.my](mailto:fs.client.services.myh@hsbc.com.my)

## WAKIL PEMEGANG AMANAH

Aset tempatan dan asing:  
The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian)  
6/F, Tower 1, HSBC Centre  
1 Sham Mong Road, Hong Kong  
No. Tel: (852) 2288 1111

Aset-aset tempatan (bagi pelaburan tempatan disebut harga dan tidak disebut harga Dana):

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad [No. Pendaftaran: 198401015221 (127776-V)]  
Aras 21  
Menara IQ  
Lingkaran TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
No. Tel.: 03 – 2075 3000  
No. Faks: 03 – 8894 2588  
Laman web: [www.hsbc.com.my](http://www.hsbc.com.my)

## JURUAUDIT DANA DAN PENGURUS

Ernst & Young PLT [202006000003 (LLP0022760-LCA & AF 0039)]  
Aras 23A 23A, Menara Milenium  
Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara  
50490 Kuala Lumpur

## PENASIHAT CUKAI

Deloitte Tax Services Sdn Bhd  
[No. Pendaftaran: 197701005407 (36421-T)]  
Aras 16, Menara LGB  
1 Jalan Wan Kadir  
Taman Tun Dr Ismail  
60000 Kuala Lumpur

## PENIAGA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN

AmBank (M) Berhad  
[No. Pendaftaran: 196901000166 (8515-D)]  
Tingkat 22, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

## PENGERAK PASARAN

Maklumat berhubung dengan penggerak pasaran boleh diperoleh daripada laman web Dana [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my).

## PENDAFTAR

AmFunds Management Berhad  
[No. Pendaftaran: 198601005272 (154432-A)]  
Tingkat 9, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

## PEMBERI LESEN INDEKS

FTSE International Limited  
10 Paternoster Square,  
London,  
EC4M 7LS United Kingdom

## PEGUAM CARA

Tetuan Wei Chien & Partners  
D-20-02, Menara Suezcap 1  
No. 2, Jalan Kerinchi  
Gerbang Kerinchi Lestari  
59200 Kuala Lumpur

## DISENARAIIKAN PADA

Pasaran Utama Bursa Securities

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd [No. Pendaftaran: 199301004117 (258854-D)]

Aras 21  
Menara IQ  
Lingkaran TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
No. Tel: 03 – 2075 3000  
No. Faks: 03 – 8894 2588  
Laman web: [www.hsbc.com.my](http://www.hsbc.com.my)

# 1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Maklumat yang disediakan dalam seksyen ini adalah ringkasan maklumat penting mengenai Dana sebagaimana yang diambil daripada teks penuh Prospektus ini. Anda harus membaca dan memahami seluruh Prospektus sebelum memutuskan sama ada untuk melabur. Walau bagaimanapun, perlu diingat, bahawa tidak ada dana yang harus dianggap sebagai program pelaburan lengkap.

## 1.1 Butir-butir Ringkas Dana

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
Nama Dana	: FTSE4Good Bursa Malaysia etf	2
Kategori Dana	: Dana didagang bursa	-
Jenis Dana	: Ekuiti	-
Mata Wang Asas	: RM	-
Akhir Tahun Kewangan Dana	: 31 Disember	-
Penanda Aras	: FTSE4Good Bursa Malaysia Index atau sekiranya Perjanjian Lesen ditamatkan atas apa-apa sebab, indeks gantian atau pengganti sebagaimana yang dipilih oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan.	2.8
Objektif Pelaburan	: Objektif Dana adalah untuk mencapai prestasi harga dan kadar hasil, sebelum yuran, perbelanjaan dan cukai, yang amnya adalah serupa dengan Penanda Aras, diimbangi dengan keperluan untuk memudahkan penyediaan kecairan. Sebarang perubahan material kepada objektif pelaburan Dana akan memerlukan kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada semua Pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil dan dijalankan sewajarnya selaras dengan Surat Ikatan.	2.2
Strategi Pelaburan	: Pengurus akan melakukan pengindeksan dengan menggunakan pereplikaan lengkap atau separa. Ini biasanya akan menyebabkan Dana melaburkan semua atau sebahagian besar asetnya dalam konstituen Penanda Aras. Dalam menguruskan Dana, Pengurus bermatlamat untuk mencapai prestasi, dari masa ke masa, dengan korelasi tinggi (iaitu, pekali korelasi positif sekurang-kurangnya 0.7) di antara NAV portfolio Dana dengan Penanda Aras. Pengurus akan bertanggungjawab untuk mengawasi korelasi dan sekiranya, pada pendapat Pengurus, portfolio Dana semasa tidak menjelak Penanda Aras, Pengurus boleh dengan bijak mengimbangkan semula portfolio Dana untuk memperbaiki korelasi atau membetulkan pencapaian. Kecuali perubahan indeks, apabila pengimbangan semula portfolio Dana mungkin perlu dilakukan sebelum, semasa atau selepas perubahan indeks, pengimbangan semula portfolio Dana akan	2.3

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	dilakukan, tidak lebih daripada sekali sebulan. Apabila Pengurus menganggapnya bersesuaian, Pengurus boleh membenarkan Peniaga yang Mengambil Bahagian yang telah diberikan kelulusan awal untuk membuat tawaran Opsyen Panggilan <i>Zero Strike</i> yang setara dalam nilai dengan Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> atau gandaannya, sebagai tukaran untuk Unit-unit, bagi memudahkan proses penyediaan kecairan.	
	Oleh sebab Dana ialah SRI layak, Dana akan mereplika semua atau sebahagian besar konstituen Penanda Aras yang adalah patuh ESG dengan menurut metodologi yang digunakan untuk membina Penanda Aras dalam wajaran yang sebahagian besarnya serupa dengan Penanda Aras.	
Skop Pelaburan	<p>: Semua Pelaburan yang Dibenarkan*. Sebagai peraturan am, Dana akan mematuhi peruntukan aset berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) sekurang-kurangnya 95% daripada NAV Dana dalam Saham Indeks, opsyen dan waran yang merujuk kepada Saham Indeks (termasuk Opsyen Panggilan <i>Zero Strike</i>); dan</li> <li>(ii) tidak lebih daripada 5% daripada NAV Dana dalam deposit dan instrumen pasaran wang.</li> </ul> <p><i>Nota: * Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau membuat perjanjian pembelian balik atau aktiviti-aktiviti pinjaman sekuriti sehingga dan kecuali jika Pengurus telah mempunyai polisi dan prosedur untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.</i></p>	2.9
Profil pelabur	: Dana direka bentuk untuk menjadi kaedah capaian pasaran kos rendah yang cair bagi pelabur-pelabur yang inginkan prestasi yang amnya serupa dengan Penanda Aras. Disebabkan sifat duaannya sebagai dana amanah saham dan disenaraikan dan didagangkan di Bursa Securities, Dana ini adalah sesuai untuk kedua-dua pelabur jangka sederhana hingga jangka panjang dan pedagang jangka pendek.	-
Saiz Dana yang Dibenarkan	: 500,000,000 Unit	2.1
Unit dalam Edaran	: Pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah, 3,344,000 Unit	-
Pembentukan/Penebusan Unit-unit	<p>: <b>Pembentukan Unit-unit</b></p> <p>Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada untuk akaunnya sendiri atau untuk akaun kliennya) boleh memohon untuk Unit-unit melalui kaedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembentukan <i>In-Kind</i> Unit-unit baharu melalui penyerahan Pembentukan <i>In-Kind Basket</i>;</li> <li>- Pembentukan Tunai Unit-unit baharu melalui penyerahan Jumlah Langganan; atau</li> </ul>	5.1

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penyerahan Opsyen Panggilan <i>Zero Strike</i> (hanya dengan persejutuan awal Pengurus).</li> </ul> <p><b>Penebusan Unit</b></p> <p>Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada untuk akaunnya sendiri atau untuk akaun kliennya) boleh memohon untuk menebus Unit-unit melalui kaedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penebusan <i>In-Kind</i> Unit-unit melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk Penebusan <i>In-Kind Basket</i>;</li> <li>- Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk Jumlah Penebusan; atau</li> <li>- penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk Opsyen Panggilan <i>Zero Strike</i> (hanya dengan persetujuan awal Pengurus).</li> </ul>	5.1
Saiz Blok Unit Pembentukan / Saiz Blok Unit Penebusan	<p>Saiz Blok Unit : Pada masa ini, 418,000 Unit</p> <p>Kuantiti Unit ini boleh berubah dari masa ke masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dan dimaklumkan sewajarnya kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian.</p>	5.2
Ringkasan Faktor-faktor Risiko	<p>Faktor-faktor Risiko : Berikut adalah senarai faktor-faktor risiko (yang mungkin tidak lengkap) yang perlu dipertimbangkan dengan teliti sebelum melabur dalam Dana:</p> <p>(a) Faktor-faktor Risiko Khusus Pelaburan dalam Dana Amanah Saham</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Risiko pasaran</li> <li>(ii) Risiko pelaburan</li> <li>(iii) Penamatan Dana</li> <li>(iv) Risiko berkaitan dengan pinjaman sekuriti</li> <li>(v) Risiko kecairan</li> <li>(vi) Risiko pengagihan</li> </ul> <p>(b) Faktor-faktor Risiko Khusus Melabur dalam Dana yang Diuruskan Secara Pasif</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Risiko-risiko pengurusan pasif <ul style="list-style-type: none"> <li>(I) Kurangnya budi bicara Pengurus untuk menyesuaikan kepada perubahan pasaran</li> <li>(II) Pengindeksan</li> <li>(III) Strategi pereplikaan separa</li> <li>(IV) NAV mungkin tidak menjelaskan Penanda Aras dengan tepat</li> <li>(V) Pengagihan bergantung pada dividen yang dibayar bagi saham-saham yang dipegang oleh Dana</li> </ul> </li> </ul>	3.1
		3.2

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(ii) Risiko-risiko berkaitan penggunaan Penanda Aras</li> <li>(I) Perubahan dalam Penanda Aras</li> <li>(II) Lesen untuk menggunakan Penanda Aras mungkin ditamatkan</li> <li>(III) Kesilapan atau ketaktelepatan dalam Penanda Aras</li> </ul>	
	<p>(c) Faktor-faktor Risiko Khusus Melabur dalam ETF</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Saiz pembentukan dan penebusan minimum</li> <li>(ii) Penggantungan pembentukan dan penebusan</li> <li>(iii) Pergantungan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian</li> <li>(iv) Unit-unit mungkin didagangkan pada diskaun atau premium kepada NAV</li> <li>(v) Pasaran perdagangan bagi Unit-unit</li> <li>(vi) Pergantungan pada pasaran perdagangan bagi Saham Indeks</li> <li>(vii) Perdagangan Unit-unit pada Bursa Securities mungkin digantung</li> <li>(viii) Unit-unit mungkin dinyahsenarai daripada Bursa Securities</li> </ul>	3.3
	<p>(d) Faktor-faktor Berkait dengan Pelaburan dalam Derivatif</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Risiko-risiko yang berkait dengan penggunaan derivatif</li> <li>(ii) Risiko-risiko yang berkait dengan penggunaan Opsyen Panggilan Zero Strike</li> </ul>	3.4
	<p>(e) Faktor-faktor Risiko yang Khusus kepada Pelaburan dalam Dana SRI</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Kemampuan dan pelaburan bertanggungjawab dan risiko impak</li> <li>(ii) Risiko pembohongan hijau (<i>greenwashing</i>)</li> </ul>	3.5
Perdagangan Unit	: Pemegang-pemegang Unit boleh berdagang (membeli dan menjual) Unit-unit pada Pasaran Utama Bursa Securities	5.6
Saiz Lot Niaga Perdagangan	: Seratus (100) Unit	5.6
Polisi Pengagihan	: Dana mungkin secara berkala layak untuk dan menerima dividen bagi pemegangan saham dan kadar hasil bagi letakan atau pelaburan tunainya. Pengurus berusaha untuk membayar semua pendapatan ini selepas menolak yuran, perbelanjaan dan cukai yang sesuai; walau bagaimanapun jumlah tepat akan ditentukan menurut budi bicara mutlak Pengurus.	2.6

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	<p>Pengagihan tunai (sekiranya ada) dijangka akan dibuat setengah tahunan dan butir-butir tarikh perisyiharan, jumlah pengagihan, tarikh tanpa pengagihan dan tarikh pembayaran pengagihan akan disiarkan sewajarnya di <a href="http://www.bursamalaysia.com">www.bursamalaysia.com</a>.</p> <p>Berdasarkan budi bicara Pengurus, Dana boleh membuat pengagihan daripada laba, Pendapatan dan modalnya.</p>	
Pengurus	: AmFunds Management Berhad	6
Peniaga yang Mengambil Bahagian	: AmBank (M) Berhad	-
Pemegang Amanah	: HSBC (Malaysia) Trustee Berhad	7

**Nota: Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau membuat perjanjian pembelian balik atau aktiviti-aktiviti pinjaman sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah mempunyai polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.**

Sila rujuk seksyen berkaitan dalam Prospektus ini sebagaimana yang dinyatakan di atas untuk maklumat khusus tambahan mengenai butir-butir berkaitan Dana.

**Memandangkan yang di atas adalah ringkasan bagi butir-butir Dana, sila baca dan fahami Prospektus ini sebelum melabur dalam Unit-unit.**

## 1.2 Yuran, Caj dan Perbelanjaan

### (a) Caj yang ditanggung secara langsung oleh pelabur

Jadual ini menerangkan caj-caj yang anda mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada tarikh Prospektus ini yang caj tersebut mungkin berubah dari masa ke masa) apabila anda membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana pada Bursa Securities.

Caj daripada dagangan Unit-unit pada Bursa Securities	% / RM	Rujukan dalam Prospektus
Yuran Pembrokeran : Maksimum 0.70% daripada nilai kontrak (tertakluk kepada minimum RM40.00) atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa Securities.		4.1
Yuran Penjelasan Bursa Securities : Urus niaga di pasaran: 0.03% daripada nilai urus niaga (tertakluk kepada maksimum RM1,000.00 setiap kontrak).		4.1
	Urus niaga perniagaan langsung: 0.03% daripada nilai urus niaga (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM1,000.00 setiap kontrak).	

Caj daripada dagangan Unit-unit pada Bursa Securities	% / RM	Rujukan dalam Prospektus
Duti Setem : RM1.00 bagi setiap RM1,000.00 atau bahagian pecahan nilai urus niaga Unit-unit (perlu dibayar oleh pembeli dan penjual) tertakluk kepada maksimum RM200.00.		4.1

Maklumat lanjut mengenai caj yang anda akan tanggung daripada berdagang Unit pada Bursa Securities boleh didapati di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

**(b) Yuran dan perbelanjaan yang ditanggung secara tidak langsung oleh pelabur**

Jadual ini menerangkan yuran dan perbelanjaan yang anda mungkin tanggung apabila anda melabur dalam Dana. Yuran dan perbelanjaan ini akan ditolak daripada Aset-aset Dana.

Yuran dan perbelanjaan	% / RM	Rujukan dalam Prospektus
Yuran Pengurus Tahunan :	Pada masa ini 0.50% <sup>(1)</sup> Tertakluk kepada maksimum 1.00% <sup>(1)</sup>	4.2
Yuran Pemegang Amanah Tahunan <sup>(2)</sup> :	0.05% <sup>(1)</sup>	4.2
Yuran Lesen <sup>(3)</sup> :	0.05%	4.2
Lain-lain perbelanjaan dana <sup>(4)</sup> :	0.50% <sup>(1)</sup> (anggaran)	4.2

*Nota:*

- (1) Terpakai kepada NAV Dana.
- (2) Yuran Pemegang Amanah tahunan termasuk yuran kustodian tempatan dan tidak termasuk yuran kustodian asing (sekiranya ada).
- (3) Yuran lesen yang perlu dibayar kepada Pemberi Lesen Indeks.
- (4) Akan ada lain-lain yuran atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana seperti yuran audit, yuran ejen cukai, percetakan dan alat tulis, caj bank, imbuhan dan belanja hangus orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi pengawasan Dana, yuran penyerahan simpan untuk laporan tahunan dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.

**(c) Yuran dan caj perlu dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian**

Hanya Peniaga yang Mengambil Bahagian dibenarkan memohon kepada Pengurus untuk membentuk dan/atau menebus Unit-unit dalam Dana. Ini akan dilaksanakan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian. Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menanggung yuran tambahan sekiranya ia memohon untuk pembentukan dan/atau penebusan Unit dengan Pengurus.

Yuran maksimum yang dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah untuk pembentukan dan/atau penebusan Unit dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan termasuk apa-apa perbelanjaan hangus yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah disebabkan permohonan untuk pembentukan dan/atau penebusan Unit oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jadual di bawah menerangkan yuran-yuran tersebut:

Jenis yuran/caj	Keterangan	Rujukan dalam Prospektus
Yuran Permohonan Pembentukan	RM200.00 setiap Blok Unit Pembentukan (dan tertakluk kepada maksimum RM2,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan dengan pemindahan Unit-unit perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.	4.3
Yuran Pembatalan Permohonan Pembentukan	RM100.00 (dan tertakluk kepada maksimum RM1,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan dengan pemindahan Sekuriti Pembentukan perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.	4.3
Yuran Permohonan Penebusan	RM200.00 setiap Blok Unit Penebusan (dan tertakluk kepada maksimum RM2,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan dengan pemindahan Sekuriti Penebusan perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.	4.3
Yuran Pembatalan Permohonan Penebusan	RM100.00 (dan tertakluk kepada maksimum RM1,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan dengan pemindahan Unit-unit perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.	4.3
Yuran-yuran Lain	Jumlah (selain Kos Urus Niaga) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan Permohonan Pembentukan / Permohonan Penebusan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang dikenakan oleh Bursa Depository berhubung dengan Permohonan tersebut. Yuran ini akan dinyatakan dalam Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> atau Penebusan <i>In-Kind Basket</i> setiap hari.	4.3
Kos Urus Niaga	Pengurus akan, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, berhak untuk mengenakan Kos Urus Niaga tambahan.	4.3

### 1.3 Maklumat Lain

Surat ikatan bertarikh 18 Januari 2007 sebagaimana dipinda oleh surat ikatan tambahan bertarikh 14 Mei 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 4 Jun 2007, surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 29 Jun 2009, surat ikatan tambahan keempat bertarikh 24 Februari 2015, surat ikatan tambahan kelima bertarikh 16 November 2020, surat ikatan tambahan keenam bertarikh 1 Ogos 2023 dan surat ikatan tambahan ketujuh bertarikh 21 Jun 2024 yang ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit.

Untuk pertanyaan tentang Dana ini, sila hubungi 03 – 2032 2888 antara 8.45 pagi hingga 5.45 petang (Isnin - Khamis) dan 8.45 pagi hingga 5.00 petang (Jumaat).

**Sila rujuk Seksyen 4 Prospektus ini untuk maklumat lanjut tentang yuran, caj dan perbelanjaan yang berkait dengan pelaburan dalam Dana. Anda harus membaca dan memahami kandungan Prospektus ini dan, jika perlu, meminta nasihat daripada penasihat(-penasihat) anda.**

Terdapat yuran yang terlibat dan pelabur-pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkannya sebelum melabur dalam Dana. Harga Unit dan pengagihan yang perlu dibayar, sekiranya ada, mungkin turun dan naik. Untuk maklumat tentang faktor-faktor risiko yang perlu dipertimbangkan oleh bakal pelabur, sila rujuk “Faktor-faktor Risiko” yang bermula di muka surat 22.

## **2. FTSE4GOOD BURSA MALAYSIA ETF**

### **2.1 Penyenaraian Dana pada Bursa Securities**

Dana disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities dan sehingga lima ratus juta (500,000,000) Unit Dana boleh disebut harga dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities. Berhubung dengan ini, kelulusan pada asasnya untuk penyenaraian dan sebut harga sehingga lima ratus juta (500,000,000) Unit Dana pada Pasaran Utama Bursa Securities telah diperoleh daripada Bursa Securities pada 22 Januari 2007. Pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah, 3,344,000 Unit Dana telah diterbitkan dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities.

**Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit yang ditawarkan melalui Prospektus ini akan didepositkan secara langsung dengan Bursa Depository dan sebarang urus niaga dalam Unit-unit ini akan dilaksanakan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan-peraturan Bursa Depository.**

### **2.2 Objektif Pelaburan**

Objektif Dana adalah untuk mencapai prestasi harga dan kadar hasil, sebelum yuran, perbelanjaan dan cukai, yang amnya serupa dengan Penanda Aras, diimbangi dengan keperluan untuk memudahkan penyediaan kecairan.

Kecairan dalam pasaran primer dan sekunder membantu pelabur-pelabur membeli dan menjual Unit-unit pada harga yang hampir dengan NAVnya.

Sebarang perubahan material kepada objektif pelaburan Dana mesti mendapat kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada semua Pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang-Pemegang Unit yang dipanggil dan dijalankan selaras dengan Surat Ikatan.

### **2.3 Strategi Pelaburan**

Pengurus akan menggunakan teknik kuantitatif termasuk pengindeksan melalui pereplikaan (lengkap atau separa) bagi mencapai portfolio yang, pada pendapat Pengurus, harus mempunyai korelasi tinggi di antara NAV Dana dengan Penanda Aras dan memudahkan penyediaan kecairan. Pengindeksan melalui pereplikaan ialah melabur dalam portfolio yang direka bentuk untuk menjejak Penanda Aras dengan mereplika semua atau sebahagian besar Saham Indeks dengan wajaran yang sangat serupa dengan Penanda Aras. Walau bagaimanapun, tidak ada jaminan bahawa Dana akan berjaya mencapai objektif ini.

Melalui pengindeksan, Pengurus tidak berusaha untuk mengatasi prestasi Penanda Aras melalui pemilihan saham atau pemasaan pasaran dan tidak bermaksud untuk membuat sebarang pertimbangan berhubung merit pelaburan sekuriti melalui analisis ekonomi, kewangan atau pasaran. Sebagai balasannya, Pengurus akan mengenakan yuran pengurusan lebih rendah daripada yang dikenakan oleh dana tradisional yang diuruskan secara aktif.

Oleh sebab Dana ini ialah dana layak SRI, Dana akan mereplika semua atau sebahagian besar konstituen Penanda Aras yang adalah patuh ESG dengan menurut metodologi yang digunakan untuk membina Penanda Aras dengan wajaran yang sebahagian besarnya serupa dengan Penanda Aras. Sila rujuk "Keterangan Penanda Aras" dalam Seksyen 2.8 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

Apabila Pengurus berpendapat ia adalah sesuai, Pengurus mungkin membenarkan Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang telah diberikan kelulusan awal, untuk membuat tawaran Opsyen Panggilan *Zero Strike* yang setara dalam nilai dengan Pembentukan *In-Kind Basket* atau gandaannya, sebagai tukaran bagi Unit-unit, untuk memudahkan proses penyediaan kecairan. Dalam batas yang ditetapkan oleh peraturan terpakai, Dana juga boleh melabur dalam Kontrak Niagaan Hadapan dalam Penanda Aras

atau indeks-indeks sebanding, dengan syarat instrumen tersebut adalah Pelaburan yang Dibenarkan. Walau bagaimanapun, Kontrak Niagaan Hadapan tersebut mesti bukan untuk tujuan leveraj.

Dana juga akan melabur dalam deposit atau instrumen pasaran wang.

Pengurus akan memaklumkan SC mengenai apa-apa perubahan kepada Dana dan/atau perubahan yang mungkin mempengaruhi kebolehterimaan Penanda Aras dengan segera dan melaksanakan usaha terbaiknya untuk menyediakan, tanpa diminta lebih awal, seawal yang munasabah, maklumat berkaitan yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa peristiwa yang mungkin menjelaskan kemampuan Dana untuk mematuhi Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab dan/atau Garis Panduan ETF kepada SC.

Apabila Dana didapati tidak lagi mematuhi Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab, SC boleh menarik balik kelayakan SRI Dana.

## **2.4 Opsyen Panggilan Zero Strike\***

### ***Am***

Opsyen Panggilan *Zero Strike* adalah instrumen derivatif khusus yang boleh digunakan oleh Dana untuk membantu mencapai objektif prestasi harga dan kadar hasil yang serupa dengan Penanda Aras, diimbangi dengan keperluan untuk memudahkan penyediaan kecairan.

Opsyen Panggilan *Zero Strike* adalah harga pelaksanaan rendah, opsyen panggilan cara Amerika, yang merujuk portfolio saham yang serupa dengan konstituen Penanda Aras atau Pembentukan *In-Kind Basket* Dana. Prestasi Nilai dan harga Opsyen Panggilan *Zero Strike* dijangka serupa dengan pemegangan portfolio saham-saham yang mempunyai wajaran serupa dengan Penanda Aras. Oleh itu, prestasi Dana tidak dijangka akan terjejas disebabkan penggunaannya.

Dana dijangka akan memegang sekitar 20% hingga 40% daripada NAVnya dalam instrumen-instrumen ini (sebagaimana yang diperlukan oleh keadaan) tetapi tidak lebih daripada 50% daripada NAV atau RM50 juta dalam jumlah (nilai pada urus niaga), yang mana lebih rendah, selaras dengan Surat Ikatan dan sebagaimana dibenarkan oleh SC.

### ***Ciri-ciri***

Oleh sebab harga pelaksanaan instrumen adalah rendah – harga pelaksanaan nominal 0.0001 sen – tidak ada pembayaran harga pelaksanaan untuk melaksanakan Panggilan *Zero Strike*. Ciri-ciri pelaksanaan cara Amerika bermaksud bahawa instrumen tersebut dapat dilaksanakan pada bila-bila masa dalam tempoh opsyen dan secara automatik selepas tamat tempoh, kecuali jika ia digulung matang. Penyelesaian Opsyen Panggilan *Zero Strike* adalah melalui penyelesaian fizikal (melalui penyerahan saham-saham mendasari) kecuali dihalang oleh peristiwa gangguan pasaran. Sekiranya berlaku peristiwa gangguan pasaran, ia akan diselesaikan secara tunai.

Tarikh matang Opsyen Panggilan *Zero Strike* boleh mencapai dua belas (12) bulan tetapi ia biasanya matang dalam tempoh enam (6) bulan. Ia boleh digulung matang jika perlu diteruskan. Opsyen Panggilan *Zero Strike* didenominasi dalam Ringgit.

### ***Harga Dagangan, Penilaian dan Harga Penyelesaian***

Opsyen Panggilan *Zero Strike* merujuk kepada portfolio saham. Oleh sebab harga pelaksanaan adalah nominal, harga dagangan awal adalah jumlah nilai semua sekuriti dan tunai dalam portfolio rujukan. Penilaian hari ke hari instrumen adalah jumlah nilai semua sekuriti dan tunai dalam portfolio rujukan dengan menggunakan harga penutup pada hari tersebut. Harga penyelesaian ialah jumlah nilai semua sekuriti dan tunai dalam portfolio rujukan dengan menggunakan harga penutup hari tersebut tolak sebarang perbelanjaan pelaksanaan (yang pada masa ini dijangka adalah nominal).

### **Dividen**

Opsyen Panggilan Zero Strike tidak membayar dividen. Pembeli Opsyen Panggilan Zero Strike berhak ke atas jumlah wajaran dividen yang akan dikeluarkan tidak termasuk daripada saham mendasari dalam basket rujukan, tolak cukai dan perbelanjaan, yang ditambah kepada komponen tunai basket rujukan.

### **Pembentukan / Penebusan Unit melalui Opsyen Panggilan Zero Strike**

Berdasarkan budi bicara Pengurus, pembentukan Unit-unit boleh dilaksanakan melalui Opsyen Panggilan Zero Strike. Saiz minimum Opsyen Panggilan Zero Strike untuk pembentukan ini adalah bersamaan dengan nilai satu Pembentukan *In-Kind Basket*. Pengurus juga berhak untuk menyelesaikan penebusan melalui pembatalan Opsyen Panggilan Zero Strike dengan penerbit / Peniaga yang Mengambil Bahagian yang sama.

### **Penerbit Opsyen Panggilan Zero Strike**

Penerbit Opsyen Panggilan Zero Strike mesti Institusi Kewangan dengan penarafan jangka panjang minimum yang menunjukkan keupayaan mantap bagi pembayaran tepat pada masanya bagi obligasi kewangan yang disediakan oleh mana-mana agensi penarafan domestik atau global.

Mana-mana pihak satu lagi yang diluluskan pada masa hadapan mesti Peniaga yang Mengambil Bahagian dan akan tertakluk kepada syarat-syarat peraturan berkaitan.

## **2.5 Strategi dan Teknik Pengurusan Risiko yang akan Digunakan oleh Pengurus Dana**

Opsyen Panggilan Zero Strike adalah alternatif bagi pengurusan portfolio yang cekap, untuk menambah baik penjejakan, untuk memudahkan penyediaan kecairan dan bukan untuk leveraj. Walau bagaimanapun, ini mendedahkan Dana kepada risiko pihak satu lagi penerbit. Bagi melindungi Dana, penerbit mesti Institusi Kewangan dengan penarafan jangka panjang minimum yang menunjukkan kemampuan mantap untuk obligasi kewangan dan Dana tidak boleh memegang lebih daripada 50% NAVnya atau RM50 juta (nilai pada masa urus niaga), yang mana yang lebih rendah, dalam Opsyen Panggilan Zero Strike.

Pengurusan risiko Dana adalah bahagian penting proses pelaburan. Penilaian risiko adalah bahagian penting proses peruntukan aset. Pengurus mempunyai budi bicara untuk memilih instrumen/sekuriti daripada senarai Pelaburan yang Dibenarkan.

Berhubung dengan pengurusan risiko kecairan, Pengurus mengenal pasti, mengawasi dan mengurangkan risiko kecairan Dana secara berterusan bagi memastikan yang profil kecairan pelaburan Dana dapat memenuhi sebarang permohonan penebusan selaras dengan Garis Panduan ETF. Dalam melaksanakannya, Pengurus akan mempertimbangkan faktor-faktor yang merangkumi kecairan pemegangan Dana, sebarang penumpuan pelabur dan kemampuan Dana untuk bergerak balas kepada sebarang penebusan besar, sekiranya ada.

Pengurus boleh menggabungkan alat-alat pengurusan kecairan berikut:

- Meminjam sehingga 10% daripada NAV dana daripada Institusi Kewangan.
- Mengantung urus niaga Unit-unit Dana (disebabkan keadaan luar biasa yang terdapat sebab yang baik dan memadai untuk melakukannya, dengan mempertimbangkan kepentingan Pemegang-pemegang Unit) sebagai usaha terakhir selepas alat-alat pengurusan risiko kecairan di atas telah dilaksanakan. Mana-mana permohonan penebusan yang kami terima ketika tempoh penggantungan hanya akan diterima dan diproses pada Hari Perniagaan berikutnya selepas penamatkan penggantungan Dana. Sila rujuk Seksyen 5.7 penggantungan sementara penentuan NAV dan urus niaga dalam Unit-unit dalam Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

Pengurus akan memastikan bahawa ia telah menyediakan langkah-langkah pengurusan risiko yang diperlukan yang akan membolehkannya mengawasi, mengukur dan menguruskan risiko-risiko kedudukan Dana berhubung dengan penggunaan derivatif-derivatif (sekiranya ada) secara berterusan dan sumbangannya kepada profil risiko keseluruhan Dana.

## **2.6 Polisi Pengagihan**

Setakat yang Dana akan memegang saham dan tunai dalam portfolionya, ia secara berkala berhak kepada dan menerima dividen bagi pemegangan saham-saham dan kadar hasil bagi letakan atau pelaburan tunainya. Pengurus berusaha untuk membayar semua pendapatan ini selepas menolak yuran, perbelanjaan dan cukai yang sesuai; walau bagaimanapun, jumlah tepat yang akan ditentukan adalah budi bicara mutlak Pengurus, selaras dengan Surat Ikatan. Oleh sebab pemegangan Dana akan serupa sebahagian besarnya dengan konstituen Penanda Aras, kadar hasil sepadannya mungkin tidak serupa dengan tepat dengan kadar hasil indeks.

Pengagihan tunai (sekiranya ada) dijangka akan dibuat separuh tahunan, yang pengisytiharan tarikh, jumlah pengagihan, tarikh tanpa pengagihan dan tarikh pembayaran pengagihan akan disiarkan sewajarnya di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

Berdasarkan budi bicara Pengurus, Dana boleh membuat pengagihan daripada laba, Pendapatan dan modalnya. Rasional untuk membuat pengagihan daripada modal ialah untuk memberikan kepada Dana kemampuan untuk (i) mengagihkan Pendapatan secara tetap selaras dengan polisi pengagihan Dana, atau (ii) meningkatkan jumlah Pendapatan boleh agih kepada Pemegang-pemegang Unit, selepas mempertimbangkan risiko membuat pengagihan daripada modal.

Pengagihan daripada modal Dana mempunyai kesan merendahkan NAV Dana, mungkin mengurangkan bahagian pelaburan asal Pemegang-pemegang Unit dan mungkin juga menyebabkan pulangan masa hadapan yang lebih rendah kepada Pemegang-pemegang Unit. Apabila sejumlah besar pelaburan asal dipulangkan kepada Pemegang-pemegang Unit, ia berisiko menghakis modal Dana dan mungkin, dari masa ke masa, menyebabkan NAV Dana semakin rendah. Lebih besar risiko hakisan modal yang wujud, lebih besar kemungkinan bahawa, disebabkan hakisan modal, nilai pulangan masa hadapan juga akan semakin susut.

Sebarang jumlah berada pada kredit Akaun Pengagihan tidak akan menjadi sebahagian daripada Aset-aset Dana tetapi dipegang sebagai amanah untuk pengagihan.

Pengurus akan mengira Pendapatan setiap hari sepanjang tempoh Dana.

Pemegang-pemegang Unit boleh sama ada:

- (i) menerima cek;
- (ii) mengarahkan Pengurus mendepositkan pendapatan yang diperoleh ke dalam akaun bank yang dinamakan oleh Pemegang Unit melalui pemindahan telegraf; atau
- (iii) kaedah lain yang diterima oleh Pengurus atau Pemegang Amanah (mengikut keadaan) sebagaimana yang Pemegang Unit mungkin tetapkan dari masa ke masa.

## **2.7 Korelasi dan Pengimbangan Semula**

Korelasi, dalam konteks ini, ialah ukuran bagaimana NAV portfolio Dana bergerak berbanding dengan Penanda Aras. Jika NAV portfolio Dana bergerak tepat seperti Penanda Aras, wujud korelasi sempurna atau korelasi 100%. Sekiranya NAV portfolio Dana tidak bergerak tepat seperti Penanda Aras, maka korelasi adalah lebih rendah daripada 100%.

Penanda Aras adalah pengiraan teori manakala portfolio Dana adalah pemegangan saham sebenar. Prestasi kedua-duanya mungkin berbeza disebabkan Kos Urus Niaga, yuran, perbelanjaan dan cukai. Selain itu, penggunaan pereplikaan separa apabila Pengurus, atas sebab-sebab praktikal, tidak memegang portfolio yang menyamai Penanda Aras dengan tepat akan menyebabkan korelasi kurang daripada 100%.

Dalam menguruskan Dana, Pengurus bertujuan untuk mencapai prestasi, dari masa ke masa, dengan korelasi tinggi (iaitu, pekali korelasi positif sekurang-kurangnya 0.7) di antara NAV portfolio Dana dengan Penanda Aras. Pengurus bertanggungjawab mengawasi korelasi dan jika, pada pendapat Pengurus, portfolio semasa Dana tidak menjejak Penanda Aras, maka Pengurus boleh secara bijak mengimbangi semula portfolio untuk meningkatkan korelasi atau membetulkan pencapaian. Pengurus akan melakukan pengimbangan semua portfolio yang disebabkan oleh kesilapan dalam penjejakan Penanda Aras disebabkan:

- (i) NAV mungkin tidak menjejak Penanda Aras dengan tepat;
- (ii) perubahan dalam Penanda Aras; dan
- (iii) kesilapan atau ketaktepatan dalam Penanda Aras.

Kecuali bagi perubahan indeks, yang pengimbangan semula portfolio Dana mungkin perlu dilakukan sebelum, ketika atau selepas perubahan indeks, pengimbangan semula portfolio Dana akan dilakukan tidak lebih daripada sekali sebulan.

## **2.8 Keterangan Penanda Aras**

### **Pengenalan**

Penanda Aras, iaitu, FTSE4Good Bursa Malaysia Index, pada masa ini dibekalkan oleh Pemberi Lesen Indeks melalui Perjanjian Lesen.

Penanda Aras direka bentuk untuk menonjolkan syarikat-syarikat yang menunjukkan pendekatan kepimpinan dalam menangani risiko-risiko ESG. FTSE Russell ESG Ratings menjadi asas yang memacu FTSE4Good Indices. Syarikat-syarikat perlu mencapai penarafan 2.9 atau lebih tinggi untuk dimasukkan dalam indeks di samping lulus saringan tambahan tertentu, iaitu, tembakau, senjata dan syarikat-syarikat dalam pengawasan kontroversi tidak dimasukkan dalam Penanda Aras. Penanda Aras disemak semula setengah tahunan pada Jun dan Disember dan penilaian penarafan ESG syarikat-syarikat dilakukan sekali setahun.

Pemberi Lesen Indeks bukan merupakan syarikat yang berkait dengan Pengurus.

### **Pembinaan Penanda Aras**

Konstituen Penanda Aras dipilih daripada dua ratus (200) saham teratas Malaysia dalam FTSE Bursa Malaysia EMAS Index, yang disaring selaras dengan kriteria ESG yang telus dan tertakrif. Penanda Aras memilih syarikat-syarikat yang menunjukkan pendekatan kepimpinan dalam menangani risiko-risiko ESG. Penanda Aras bertujuan untuk menyokong pelabur-pelabur dalam membuat pelaburan ESG dalam syarikat-syarikat tersenarai Malaysia, meningkatkan profil dan pendedahan syarikat-syarikat dengan amalan kepimpinan ESG, menggalakkan pendedahan amalan terbaik dan menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan lebih mampan.

Untuk dimasukkan dalam Penanda Aras, syarikat-syarikat mesti memenuhi pelbagai kriteria kemasukan ESG. Kriteria ini adalah sejajar dengan model ESG global yang Pemberi Lesen Indeks telah bangunkan dan mengambil manfaat daripada rangka kerja pendedahan global utama seperti Global Reporting Initiative dan Carbon Disclosure Project.

### **Metodologi Penarafan ESG Penanda Aras**

Penanda Aras mengguna pakai model penarafan FTSE4Good Index Series ESG yang terbahagi kepada (3) tiga tonggak ESG, yang disubbahagi kepada empat belas (14) tema yang meliputi pelbagai isu kemampunan dengan kepentingan semakin tinggi kepada pelabur-pelabur.

Skor ESG menyokong penajaran dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (“SDG”). Kesemua tujuh belas (17) SDG diperlihatkan dalam empat belas (14) tema dalam rangka kerja ESG. Skor ESG terdiri daripada skor keseluruhan, yang digunakan untuk melaraskan wajaran saham dalam Penanda Aras. Skor keseluruhan terdiri daripada tonggak dasar dan pendedahan dan skor tema. Tonggak dan tema dibina berdasarkan lebih tiga ratus (300) penilaian penunjuk individu yang diguna pakai untuk keadaan unik setiap syarikat.

**Definisi:** Pendedahan mengukur kaitan, atau kepentingan, tema khusus kepada syarikat tertentu.

**Pengukuran:** Untuk setiap tema, syarikat dikategorikan sebagai “tinggi, sederhana, rendah atau tidak berkaitan.”

**Metodologi:** Kategorian pendedahan ini dilaksanakan untuk setiap syarikat dalam setiap tema dengan menggunakan metodologi berasaskan peraturan yang menggunakan faktor-faktor tertentu yang disesuaikan kepada tema tersebut. Untuk dimasukkan ke dalam Penanda Aras, syarikat-syarikat Malaysia mesti mempunyai skor keseluruhan ESG 2.9 atau lebih tinggi daripada skor 5. Ini memastikan hanya syarikat-syarikat yang menunjukkan pengurusan mantap risiko-risiko ESG diterima masuk. Syarikat-syarikat dengan pendedahan kepada “kontroversi penting” tidak layak untuk dimasukkan dalam Penanda Aras, dan dalam kes paling ekstrim, konstituen indeks semasa akan digugurkan. Kontroversi penting ditentukan melalui proses yang menganalisis secara sistematik insiden ESG, kritikan dan dakwaan terhadap syarikat dan projek berkenaan di seluruh dunia untuk menentukan tahap kontroversi syarikat tersebut. Ini termasuk aktiviti-aktiviti syarikat tersebut yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan kontroversi yang berkait dengan hak asasi manusia, buruh, alam sekitar, anti rasuah dan kepelbagaian.

Skor ESG dikira dalam lima langkah. Pertama, bagi setiap tema, pendedahan syarikat dikenal pasti sebagai tinggi, sederhana, rendah, atau boleh diabaikan/tidak berkenaan (N/A). Apabila pendedahan telah ditentukan untuk setiap tema, penunjuk tema tersebut dinilai dan diberikan skor. Seterusnya, skor tonggak dikira sebagai purata wajaran pendedahan bagi skor tema supaya tema pendedahan yang lebih tinggi untuk syarikat tertentu mempunyai wajaran yang lebih tinggi dan pendedahan tonggak dikira sebagai purata wajaran pendedahan tema terpakai. Akhir sekali, skor ESG dikira sebagai purata wajaran pendedahan bagi skor tonggak tersebut.

Skor ESG						
Ukuran kualiti keseluruhan syarikat bagi pengurusan isu-isu ESG					1 Skor	
Alam Sekitar		Sosial		Tadbir Urus		
Skor: Ukuran kualiti pengurusan syarikat bagi isu-isu Alam Sekitar	Pendedahan: Ukuran kepentingan isu-isu Alam Sekitar kepada syarikat	Skor: Ukuran kualiti pengurusan syarikat bagi isu-isu Sosial	Pendedahan: Ukuran kepentingan isu-isu Sosial kepada syarikat	Skor: Ukuran kualiti pengurusan syarikat bagi isu-isu Tadbir Urus	Pendedahan: Ukuran kepentingan isu-isu Tadbir Urus kepada syarikat	3 Tonggak
<b>Kepelbagai Biologi Perubahan Iklim Pencemaran dan Sumber Rantaian Bekalan Keselamatan Air</b>		<b>Tanggungjawab Pelanggan Kesihatan dan Keselamatan Hak Asasi Manusia dan Komuniti Standard Buruh Rantaian Bekalan</b>		<b>Antirasuah Tadbir Urus Korporat Pengurusan Risiko Ketelusan Cukai</b>		14 Tema
Skor: Ukuran kualiti pengurusan syarikat bagi isu-isu yang berkait dengan setiap Tema	Pendedahan: Ukuran kepentingan setiap Tema kepada syarikat	Skor: Ukuran kualiti pengurusan syarikat bagi isu-isu yang berkait dengan setiap Tema	Pendedahan: Ukuran kepentingan setiap Tema kepada syarikat	Skor: Ukuran kualiti pengurusan syarikat bagi isu-isu yang berkait dengan setiap Tema	Pendedahan: Ukuran kepentingan setiap Tema kepada syarikat	300+ Penunjuk
Lebih 300 penunjuk dalam model dengan setiap Tema mempunyai 10 hingga 35 penunjuk Purata 125 Penunjuk di guna pakai untuk setiap syarikat						

Faktor-faktor ini termasuk satu atau lebih daripada yang berikut:

- Subsektor: Definisi subsektor FTSE Industry Classification Benchmark ("ICB") digunakan untuk mengenal pasti perkaitan syarikat bagi sesuatu tema:
  - o Kedua-dua skor adalah relatif kepada sektor setaranya dalam sektor super ICB yang sama.
  - o Untuk skor tonggak, skor dikira dalam desil. Contohnya, untuk tonggak alam sekitar, skor desil tujuh (7) bermaksud mereka berada dalam desil tiga (3) teratas, atau tiga puluh peratus (30%) teratas sektor setara super mereka.
  - o Untuk skor keseluruhan, skor ini dikira dalam persentil. Oleh itu, skor sembilan puluh (90) bermaksud mereka berada dalam sepuluh peratus (10%) teratas sektor super mereka.
- Geografi: Ini menilai sama ada syarikat mempunyai operasi di negara-negara yang dikenal pasti sebagai paling terdedah kepada tema dan dengan itu yang risiko berkaitan isu berkenaan dianggap paling tinggi.
- Multinasional: Ini menilai sama ada syarikat mempunyai lebih daripada tiga puluh peratus (30%) hasil yang terbit daripada luar wilayah domestik mereka.

**Aplikasi:** Syarikat dengan pendedahan tinggi dinilai dengan menggunakan standard lebih ketat daripada syarikat pendedahan rendah. Lebih banyak penunjuk dikenakan kepada syarikat-syarikat pendedahan tinggi dan skor tema diterbitkan dengan menggunakan jalur ambang yang ditentukur lebih tinggi untuk syarikat-syarikat dengan pendedahan lebih tinggi. Skor tonggak dan penarafan ESG dikira dengan menggunakan purata berwajaran pendedahan yang setiap tema diwajarkan berdasarkan paras pendedahannya.

### Konstituen Penanda Aras

Penanda Aras mempunyai tarikh asas 31 Disember 2013 dengan nilai asas 1,000.

Pada 31 Mac 2025, sepuluh (10) konstituen teratas Penanda Aras dan wajarannya adalah seperti berikut:

Kod Saham	Nama Saham	Wajaran (%)
1155	Malayan Banking Berhad	10.49
1295	Public Bank Berhad	8.96
5347	Tenaga Nasional Berhad	8.37
1023	CIMB Group Holdings Berhad	7.97
5398	Gamuda Berhad	2.94
5225	IHH Healthcare Berhad	2.87
4863	Telekom Malaysia Berhad	2.75
8869	Press Metal Aluminium Holdings Berhad	2.54
5285	SD Guthrie Berhad	2.44
1015	AMMB Holdings Berhad	2.23
<b>Jumlah</b>		<b>51.58</b>

Sumber: [www.ftserussell.com](http://www.ftserussell.com)

**Tidak ada jaminan atau kepastian bagi pereplikaan tepat atau serupa pada mana-mana masa prestasi Penanda Aras.**

**Komposisi Penanda Aras mungkin berubah dan sekuriti mungkin dinyahsenaraikan.**

**Terdapat kurang budi bicara untuk Dana untuk menyesuaikan kepada perubahan pasaran disebabkan sifat pelaburan inheren ETF dan bahawa kejatuhan dalam Penanda Aras dijangka akan menyebabkan kejatuhan sepadan dalam nilai Dana.**

Selaras dengan Surat Ikatan, Pengurus boleh, selepas mempertimbangkan kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan tertakluk kepada kelulusan SC, menggantikan Penanda Aras dengan indeks lain sekiranya berlaku mana-mana daripada yang berikut:

- (a) Penanda Aras tidak lagi wujud;
- (b) perubahan besar dibuat dalam formula atau kaedah yang digunakan untuk mengira Penanda Aras (selain perubahan yang selaras dengan peraturan kendalian Penanda Aras, seperti perubahan dalam konstituen), yang mungkin mempengaruhi konstituen Penanda Aras;
- (c) indeks baharu yang menggantikan Penanda Aras sedia ada dikeluarkan;
- (d) pada pendapat lembaga pengarah Pengurus indeks baharu yang membolehkan penilaian lebih baik Dana dikeluarkan. Keputusan untuk menggantikan Penanda Aras, yang adalah indeks pulangan harga, akan didasarkan pada kriteria kewangan objektif, termasuk indeks dengan nisbah pusingan balik lebih rendah dan/atau indeks yang mengenakan yuran lesen indeks yang lebih rendah, yang kesemuanya bermaksud kos lebih rendah dan jumlah pulangan lebih tinggi untuk Dana dan seterusnya penilaian Dana yang lebih baik;
- (e) sekiranya ia menjadi sukar untuk melabur dalam sekuriti yang membentuk Penanda Aras atau sekiranya sebahagian daripada sekuriti yang membentuk Penanda Aras mempunyai kecairan terhad;
- (f) jika pemberi lesen Indeks menaikkan yuran lesennya ke paras yang Pengurus anggap adalah terlalu tinggi; atau
- (g) pada pendapat Pengurus, kualiti (termasuk kepersisan dan ketersediaan data) Penanda Aras telah merosot.

Pengurus boleh menukar nama Dana jika Penanda Aras digantikan. Sebarang penggantian Penanda Aras mesti diluluskan terlebih dahulu oleh SC dan/atau mana-mana pihak berkuasa lain, mengikut keadaan.

Walaupun demikian, Pengurus tidak akan menggantikan Penanda Aras dengan indeks baharu tanpa kelulusan Pemegang-pemegang Unit jika objektif indeks baharu berbeza daripada objektif Penanda Aras.

#### **Maklumat lanjut mengenai Penanda Aras**

Maklumat dan berita penting lain mengenai Penanda Aras boleh diperoleh daripada [https://www.bursamalaysia.com/trade/our\\_products\\_services/indices/ftse4good-bursa-malaysia-f4gbm-index](https://www.bursamalaysia.com/trade/our_products_services/indices/ftse4good-bursa-malaysia-f4gbm-index) dan [www.lseg.com](http://www.lseg.com) (bagi peraturan asas dan metodologi indeks) dan laman web Dana di [www.f4gbmef.com.my](http://www.f4gbmef.com.my).

**Penanda Aras boleh digantikan sekiranya berlaku ketaksediaan Penanda Aras.**

#### **2.9 Skop dan Sekatan Pelaburan**

##### ***Skop Pelaburan***

Pengurus diberikan kuasa untuk melabur dalam jenis-jenis aset atau instrumen berikut tertakluk kepada sekatan pelaburan yang dinyatakan secara lebih khusus dalam Surat Ikatan:

- (a) Saham-saham Indeks termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan Hadapan, keberhakan hak dan ICULS bagi Saham-saham Indeks tersebut;
- (b) mana-mana Saham Indeks Masa Hadapan termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan Hadapan, keberhakan hak dan ICULS bagi Saham Indeks Masa Hadapan tersebut;
- (c) mana-mana Saham Indeks yang Terdahulu termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan Hadapan, keberhakan hak dan ICULS bagi Saham Indeks yang Terdahulu tersebut dengan syarat Saham Indeks yang Terdahulu tersebut hanya akan dipegang untuk tempoh yang selepas saham tersebut tidak lagi menjadi Saham Indeks sebagaimana Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, tentukan adalah perlu untuk dilupuskan dan mengantikan Saham Indeks Terdahulu tersebut;
- (d) Kontrak Niagaan Hadapan pada Penanda Aras atau indeks setanding;
- (e) Saham Bukan Indeks termasuk tetapi tidak terhad kepada opsyen, waran, Kontrak Niagaan hadapan, keberhakan hak dan ICULS bagi Saham-saham Bukan Indeks tersebut dengan syarat bahawa:
  - (i) nilai Saham Bukan Indeks tersebut tidak akan, pada bila-bila masa, melebihi lima peratus (5%) daripada nilai Dana atau peratus lain yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan;
  - (ii) Saham Bukan Indeks tersebut mempunyai korelasi tinggi dengan satu atau lebih Saham Indeks yang ia gantikan; dan
  - (iii) Pengurus berpendapat bahawa Saham Bukan Indeks tersebut adalah pengganti yang sesuai dengan mengambil kira kekangan kecairan dengan Saham Indeks yang mungkin mempunyai kesan negatif ke atas aktiviti Pembentukan *In-Kind* atau Penebusan *In-Kind*;
- (f) mana-mana skim pelaburan kolektif pasaran wang;
- (g) bil pertukaran, nota janji atau lain-lain instrumen boleh niaga yang dikeluarkan, diterima atau diendors oleh kerajaan atau separa kerajaan atau oleh Institusi Kewangan, oleh Syarikat yang Layak atau oleh mana-mana syarikat kewangan atau deposit dengan mana-mana Institusi kewangan, Syarikat yang Layak atau syarikat kewangan berdaftar;

- (h) deposit dengan peniaga yang dibenarkan;
- (i) deposit dengan atau perolehan sijil deposit atau mana-mana sekuriti lain yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan;
- (j) perjanjian pembelian balik mana-mana sekuriti pendapatan tetap yang disebut di atas; dan
- (k) mana-mana sekuriti atau pelaburan yang tidak termasuk dalam perenggan (a) – (j) di atas, yang diterima oleh atau diagihkan kepada Dana melalui pengagihan modal, pengagihan dividen *in specie* atau mana-mana pengagihan lain yang berkait dengan pelaburan yang dinyatakan dalam perenggan (a) – (j) di atas, dengan syarat sentiasa bahawa mana-mana sekuriti tersebut akan dilupuskan oleh Pengurus seberapa cepat yang mungkin.

Sebagai peraturan am, Dana akan menggunakan pakai peruntukan aset berikut:

- (i) sekurang-kurangnya 95% daripada NAV Dana dalam Saham Indeks, opsyen dan waran yang merujuk kepada Saham Indeks (termasuk Opsyen Panggilan Zero Strike); dan
- (ii) tidak lebih daripada 5% daripada NAV Dana dalam deposit dan instrumen pasaran wang.

*Nota: Dana tidak akan melabur dalam derivatif dan/atau membuat perjanjian pembelian balik atau aktiviti pinjaman sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah mempunyai polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.*

### **Sekatan Pelaburan**

Berikut adalah beberapa sekatan pelaburan yang dikenakan ke atas Dana:

- (i) Pelaburan Dana dalam waran dan opsyen adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) penggunaan waran dan opsyen adalah sejajar dengan objektif pelaburan Dana dalam meminimumkan kesilapan penjejakkan Dana;
  - (b) penulisan mana-mana opsyen oleh Dana tidak dibenarkan.
- (ii) Pelaburan Dana dalam unit-unit atau saham-saham dalam skim pelaburan kolektif lain (“dana sasaran”) adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) pelaburan dalam dana sasaran mesti berkaitan dan sejajar dengan objektif pelaburan Dana dan mesti tidak melebihi 10% daripada NAV Dana; dan
  - (b) apabila Dana melabur dalam dana sasaran yang dikendalikan oleh Pengurus atau mana-mana syarikat berkaitannya, Pengurus mesti memastikan bahawa:
    - (i) tidak ada pemegangan bersilang di antara Dana dengan dana sasaran;
    - (ii) semua caj awal ke atas dana sasaran digugurkan; dan
    - (iii) yuran pengurusan dikenakan hanya sekali, sama ada ke atas Dana atau dana sasaran.
- (iii) Penyertaan Dana dalam Kontrak Niagaan Hadapan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) penggunaan Kontrak Niagaan Hadapan adalah untuk tujuan perlindungan nilai; dan
  - (b) pendedahan pasaran bersih Dana disebabkan kedudukan Kontrak Niagaan Hadapannya tidak akan melebihi NAV Dana.

- (iv) Nilai letakan Dana dalam deposit dengan Institusi Kewangan tunggal tidak boleh melebihi 5% daripada NAV Dana.
- (v) Had Institusi Kewangan tunggal dalam perenggan (iv) tidak terpakai kepada letakan deposit disebabkan:
  - (a) Wang langganan yang diterima sebelum permulaan pelaburan oleh Dana;
  - (b) Pencairan pelaburan sebelum penamatkan Dana, yang letakan deposit dengan pelbagai Institusi Kewangan adalah bukan untuk kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit; atau
  - (c) Wang yang dipegang untuk penyelesaian atau kewajipan pembayaran lain, yang letakan deposit dengan pelbagai Institusi Kewangan adalah bukan untuk kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit.
- (vi) Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang yang diterbitkan oleh penerbit tunggal mesti tidak melebihi 5% daripada NAV Dana.
- (vii) Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran yang diterbitkan oleh mana-mana kumpulan syarikat mesti tidak melebihi 5% daripada NAV Dana.

Selain itu, Dana tidak boleh melabur lebih daripada 50% NAVnya atau RM50 juta, yang mana lebih rendah, dalam opsyen dan waran yang merujuk kepada Saham-saham Indeks (termasuk Opsyen Panggilan Zero Strike) selaras dengan surat perubahan SC bertarikh 14 Mei 2007. Maklumat lanjut tentang perubahan ini diberikan dalam Seksyen 9 Prospektus ini.

### **Penggunaan Derivatif**

Pengiraan Pendedahan Global kepada Derivatif

$$\text{Pendedahan Global} = a + b + c$$

iaitu

*a = Nilai mutlak pendedahan setiap derivatif individu yang tidak terlibat dalam perlindungan nilai atau penolakan*

*b = Nilai mutlak pendedahan bersih setiap derivatif individu selepas perlindungan nilai atau penolakan*

*c = Kolateral tunai yang diterima selaras dengan:*

- (i) pengurangan pendedahan kepada pihak satu lagi derivatif OTC; dan
- (ii) teknik pengurusan portfolio yang cekap yang berkait dengan pinjaman sekuriti dan urus niaga pembelian balik (apabila berkenaan)

Pengaturan penolakan dan perlindungan nilai boleh dipertimbangkan untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada derivatif.

### **Pengaturan Penolakan**

Dana boleh berada dalam kedudukan bersih antara:

- (a) derivatif pada konstituen mendasari yang sama, walaupun tarikh matang adalah berbeza; atau
- (b) derivatif dan konstituen mendasari sepadan yang sama, jika konstituen mendasari tersebut adalah sekuriti boleh pindah, instrumen pasaran wang, atau unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif.

### Pengaturan Perlindungan Nilai

Nilai pasaran terkini sekuriti boleh pindah, instrumen pasaran wang, atau unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif yang terlibat dalam pengaturan perlindungan nilai boleh dipertimbangkan untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada derivatif.

Pengaturan perlindungan nilai mesti:

- (a) tidak bertujuan untuk menjana pulangan;
- (b) menghasilkan pengurangan yang boleh ditentusahkan bagi keseluruhan risiko Dana;
- (c) mengimbangi risiko am dan khusus yang berkait dengan konstituen mendasari yang dilindung nilai;
- (d) berkait dengan kelas aset sama yang dilindung nilai; dan
- (e) dapat memenuhi objektif perlindungan nilainya dalam semua keadaan pasaran.

### Pengiraan Pendedahan kepada Pihak Satu Lagi derivatif OTC

Pendedahan kepada pihak satu lagi derivatif OTC mesti diukur berdasarkan kerugian potensi maksimum yang mungkin ditanggung oleh Dana jika pihak satu lagi mungkir dan bukan berdasarkan nilai nosional derivatif OTC.

Jumlah pendedahan kepada pihak satu lagi tunggal dikira dengan menjumlahkan pendedahan yang timbul daripada semua urus niaga derivatif OTC yang dilaksanakan dengan pihak satu lagi yang sama.

Pendedahan maksimum Dana kepada pihak satu lagi, dikira berdasarkan kaedah di atas, mesti tidak melebihi 10% daripada NAV Dana.

Sekatan dan had pelaburan yang dinyatakan di atas mesti dipatuhi sepanjang masa berdasarkan penilaian terkini pelaburan dan instrumen Dana. Walau bagaimanapun, sebarang pelanggaran akibat daripada apa-apa naik atau susut nilai dalam nilai pelaburan Dana, penebusan Unit-unit atau pembayaran yang dibuat daripada Dana, perubahan dalam modal syarikat yang Dana telah melabur dalamnya atau penurunan taraf atau penghentian penarafan kredit tidak perlu dilaporkan kepada SC tetapi mesti diperbetulkan secepat mungkin dalam tiga (3) bulan dari tarikh pelanggaran melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Garis Panduan ETF. Namun begitu, tempoh tiga (3) bulan ini boleh dilanjutkan sekiranya ia adalah demi kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit dan persetujuan Pemegang Amanah telah diperoleh. Lanjutan ini adalah tertakluk kepada sekurang-kurangnya semakan semula bulanan oleh Pemegang Amanah.

Dana tidak boleh meminjam tunai atau lain-lain aset (termasuk pinjaman sekuriti dalam maksud Garis Panduan Pinjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti yang dikeluarkan SC ("Garis Panduan SBL")) berhubung dengan aktivitinya. Walau bagaimanapun, Dana boleh meminjam atau mendapatkan tunai untuk tujuan memenuhi permohonan penebusan Unit-unit dan untuk keperluan penyambungan jangka pendek.

Tertakluk kepada mana-mana undang-undang terpakai yang berkait dengan pinjaman sekuriti, Dana boleh mengambil bahagian dalam pinjaman sekuriti dalam maksud Garis Panduan SBL. Walau bagaimanapun, pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah, Dana tidak mengambil bahagian dalam pinjaman sekuriti.

### **2.10 Penilaian Aset-aset Dana**

- (a) NAV Dana akan dikira oleh Pengurus atau ejennya pada setiap Masa Penilaian dengan menilai Aset-aset Dana selaras dengan Seksyen 2.10(b) di bawah dan menolak Liabiliti.

- (b) Penilaian Aset-aset Dana akan dilakukan selaras dengan Piawaian Perakaunan Diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia di Malaysia dan selaras dengan Garis Panduan ETF.

## 2.11 Asas Penilaian bagi Semua Sekuriti dan Instrumen Dana yang Berkaitan

Pengurus, dalam melaksanakan mana-mana pelaburan Dana, akan memastikan bahawa semua Aset-aset Dana dinilai dengan sewajarnya berhubung dengan kelas aset mereka masing-masing dan akan dinilai pada nilai saksama dengan mematuhi garis panduan penilaian SC.

Asas penilaian sekuriti / instrumen adalah seperti berikut:

- (i) Sekuriti tersenarai akan dinilai setiap hari berdasarkan harga dagangan terakhir dalam pasaran masing-masing.
- (ii) Sekuriti yang digantung akan dinilai berdasarkan harga pasaran terakhir diurus niaga. Walau bagaimanapun, jika sebut harga sekuriti telah digantung untuk tempoh melebihi empat belas (14) hari atau penilaian berdasarkan harga pasaran tidak mewakili nilai saksama sekuriti, nilai saksama akan ditentukan dengan suci hati oleh Pengurus berdasarkan kaedah atau asas yang diluluskan oleh Pemegang Amanah selepas perundingan teknikal sewajarnya.
- (iii) Deposit yang diletakkan dengan bank-bank dan Institusi Kewangan lain akan dinilai setiap hari dengan merujuk nilai pokok pelaburan tersebut dan faedah terakru daripadanya untuk tempoh berkaitan.
- (iv) Instrumen pasaran wang (seperti sijil boleh niaga deposit dan nota janji) akan dinilai berdasarkan harga pasaran terkini sebagaimana yang diberikan oleh pihak satu lagi yang menerbitkan instrumen tersebut.

## 2.12 Polisi Berhubung Masa(-masa) Penilaian untuk Menentukan NAV Dana

Penilaian Dana akan dibuat sekurang-kurangnya sekali setiap Hari Perniagaan. Untuk tujuan penentuan NAV dan harga Unit Dana, penilaian Dana akan dibuat pada akhir Hari Perniagaan.

Dasar penentuan harga yang diterima pakai untuk Unit-unit (sebagaimana yang diuraikan di atas) didasarkan pada penentuan harga hadapan, yang NAV setiap Unit Dana akan didasarkan pada Masa Penilaian berikutnya selepas arahan atau permintaan diterima. Ia bertujuan untuk meminimumkan risiko mungkin aktiviti arbitraj ke atas pergerakan pasaran yang merugikan pelabur-pelabur sedia ada.

\* Nota: Dana tidak melabur dalam derivatif (contohnya, Opsyen Panggilan Zero Strike dalam Seksyen 2.4 di atas) dan/atau membuat perjanjian pembelian balik atau aktiviti pinjaman sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah menyediakan polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.

### **3. FAKTOR-FAKTOR RISIKO**

Apabila menilai pelaburan dalam Dana dan sebelum memutuskan untuk melabur dalam Unit-unit, anda perlu mempertimbangkan dengan teliti semua maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini (yang tidak bertujuan supaya lengkap), termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko am dan khusus Dana dan juga mendapatkan nasihat profesional daripada penasihat berkaitan tentang keadaan khusus anda. Oleh itu, sebelum membuat keputusan pelaburan, anda perlu mempertimbangkan jenis-jenis risiko berlainan yang mungkin mempunyai kesan ke atas Dana dan anda secara individu.

Melabur dalam ETF melibatkan beberapa risiko. Sebahagian risiko ini adalah risiko biasa dalam semua pelaburan dalam dana amanah saham. Risiko lain terdapat dalam semua pelaburan dalam dana yang diuruskan secara pasif. Risiko yang disebabkan secara khusus melabur dalam ETF adalah sedikit. Sebahagian atau semua risiko ini mungkin mempunyai kesan buruk ke atas NAV Dana, harga dagangan, kadar hasil, pulangan dan/atau keupayaannya untuk mencapai objektifnya.

#### **3.1 Faktor-faktor Risiko Khusus Pelaburan dalam Dana Amanah Saham**

##### **(i) Risiko pasaran**

Ini adalah risiko melabur dalam pasaran ekuiti. Nilai sekuriti yang Dana melabur dalamnya mungkin naik atau turun sebagai gerak balas kepada prospek syarikat individu dan/atau keadaan lazim ekonomi, politik dan sebagainya.

##### **(ii) Risiko pelaburan**

Tidak ada jaminan bahawa Pengurus akan mencapai objektif pelaburan Dana. Pelabur-pelabur perlu menyedari bahawa prestasi masa lalu tidak semestinya menjadi petunjuk bagi prestasi masa hadapan. Selain itu, tidak ada jaminan bahawa anda akan dapat memperoleh semula pelaburan pokok anda.

##### **(iii) Penamatian Dana**

Dana mungkin ditamatkan dalam keadaan yang dihuraikan secara khusus dalam Surat Ikatan.

##### **(iv) Risiko yang berkait dengan pinjaman sekuriti**

Oleh sebab Dana mungkin mengambil bahagian dalam peminjaman sekuriti dalam lingkungan maksud Garis Panduan SBL, Dana mungkin terdedah kepada risiko tambahan. Sebagai contoh, risiko mungkir peminjam apabila peminjam mungkin gagal memulangkan sekuriti yang dipinjam tepat pada masanya. Ini mungkin menjelaskan keupayaan Dana untuk memenuhi kewajipan pembayaran daripada permohonan penebusan disebabkan kelewatan atau kegagalan dalam penyelesaian sekuriti yang dipinjamkan. Pengurus akan mengambil langkah perlu untuk memastikan yang tidak semua Aset-aset Dana dipinjamkan pada suatu masa dalam jangka hayat Dana untuk mengurangkan risiko. Selain itu, Dana juga mungkin menanggung kerugian disebabkan kelewatan dalam mendapatkan kembali hak milik dan pemilikan sekuriti yang diberi pinjam. Walaupun Pengurus akan menerima kolateral untuk pinjaman apabila ia berusaha untuk menggantikan sekuriti yang diberi pinjam dalam kejadian mungkir oleh peminjam, tidak ada jaminan bahawa risiko ini boleh dikurangkan keseluruhannya.

##### **(v) Risiko kecairan**

Harga yang sekuriti portfolio boleh dibeli atau dijual oleh Dana apabila melakukan sebarang aktiviti pengimbangan semula atau selainnya (yang perlu dilakukan untuk menjelak Penanda Aras) dan nilai Unit-unit akan terjejas jika pasaran dagangan untuk sekuriti yang termasuk dalam Aset-aset Dana adalah terhad atau tidak wujud atau jika tebaran adalah luas. Ini seterusnya akan mempengaruhi nilai pelaburan Pemegang-pemegang Unit dalam Dana.

#### **(vi) Risiko pengagihan**

Perlu diberi perhatian bahawa pengagihan Pendapatan tidak dijamin. Keadaan yang menghalang pengagihan Pendapatan termasuk, antara lain, laba terealisasi atau Pendapatan terealisasi yang tidak mencukupi untuk membolehkan pengagihan pendapatan dibuat. Dana boleh membuat pengagihan daripada laba terealisasi, Pendapatan terealisasi dan modal. Pengagihan modal merupakan pulangan atau pengeluaran sebahagian jumlah pelaburan asal anda dan/atau laba modal yang berpuncak pada pelaburan asal dan akan mengurangkan NAV setiap Unit Dana dan mengurangkan modal yang tersedia untuk pelaburan dan pertumbuhan modal masa hadapan. Oleh itu, pertumbuhan modal masa hadapan akan terkekang.

### **3.2 Faktor-faktor Risiko Khusus Melabur dalam Dana Amanah Saham yang Diuruskan Secara Pasif**

#### **(i) Risiko pengurusan pasif**

##### **(I) Kurangnya budi bicara Pengurus untuk menyesuaikan kepada perubahan pasaran**

Objektif utama dana yang diuruskan secara pasif ialah untuk menjelaskan prestasi penanda arasnya. Dalam strategi ini, Pengurus tidak berusaha untuk mengatasi prestasi Penanda Aras dan tidak berusaha mencapai kedudukan bertahan sementara apabila pasaran merosot. Oleh sebab itu, kejatuhan dalam Penanda Aras akan menyebabkan kejatuhan sepadan dalam NAV Dana.

##### **(II) Pengindeksan**

Dengan melakukan pengindeksan, Pengurus tidak berusaha untuk mengatasi prestasi Penanda Aras. Oleh itu, Pengurus tidak akan melakukan pemilihan saham atau pemasaran pasaran dan tidak bermaksud untuk melaksanakan sebarang pertimbangan ke atas merit pelaburan sekuriti melalui analisis ekonomi, kewangan atau pasaran.

##### **(III) Strategi pereplikaan separa**

Pereplikaan separa ialah melabur dalam sebahagian besar indeks tetapi bukan dalam semua konstituen indeks. Ini mungkin menyebabkan korelasi lebih rendah di antara prestasi Dana dengan prestasi Penanda Aras berbanding jika semua konstituen indeks digunakan dalam pengindeksan. Dengan penumpuan kecairan, konstituen indeks permodalan besar juga boleh menyebabkan korelasi lebih rendah jika konstituen permodalan kecil dalam indeks mencapai prestasi lebih tinggi atau lebih rendah berbanding konstituen permodalan besar untuk tempoh berpanjangan.

##### **(IV) NAV mungkin tidak menjelaskan Penanda Aras dengan tepat**

Perubahan dalam nilai Dana mungkin tidak mereplika dengan tepat perubahan dalam Penanda Aras. Hal ini disebabkan, antara lain, kesilapan menjelaskan pulangan antara pemegangan portfolio Dana dengan pemegangan Penanda Aras, yuran dan perbelanjaan yang perlu dibayar oleh Dana, Kos Urus Niaga dan dividen diterima, tetapi tidak diagihkan, oleh Dana. Selain itu, mungkin terdapat perbezaan pemasaran di antara perubahan dalam Penanda Aras dengan pelarasan sepadan portfolio Dana. Kos, perbelanjaan, perbezaan pemasaran atau pemegangan ini boleh menyebabkan nilai Dana lebih rendah atau lebih tinggi daripada paras relatif Penanda Aras.

##### **(V) Pengagihan bergantung pada dividen yang dibayar bagi saham-saham yang dipegang dalam Dana**

Kemampuan Dana untuk membayar pengagihan bagi Unit-unit bergantung pada dividen yang diisyiharkan dan dibayar oleh syarikat-syarikat yang sahamnya dipegang oleh Dana

dan paras yuran dan perbelanjaan yang perlu dibayar oleh Dana. Tidak ada jaminan bahawa syarikat-syarikat ini akan mengisyiharkan dividen atau membuat pengagihan lain. Setakat yang mungkin, yuran dan perbelanjaan Dana akan dibayar daripada dividen yang diterima oleh Dana. Setakat yang dividen yang diterima oleh Dana adalah tidak mencukupi untuk membayar yuran dan menampung perbelanjaan, lebihannya akan ditunaikan dengan melupuskan sebahagian daripada portfolio pelaburan Dana. Sebarang pelupusan pelaburan sedemikian boleh menyebabkan kejatuhan NAV Dana dan mungkin menjelaskan harga dagangan Unit. Oleh itu, anda mungkin tidak menerima sebarang pengagihan. Anda tidak akan menerima sebarang dividen atau pengagihan lain secara langsung daripada syarikat-syarikat yang Dana melabur dalamnya.

**(ii) Risiko berkait dengan penggunaan Penanda Aras**

**(I) Perubahan dalam Penanda Aras**

Penanda Aras tertakluk kepada kajian semula dan semakan berkala. Pengumuman yang dibuat mengenai kemungkinan pengguguran daripada dan penambahan kepada Penanda Aras boleh mempengaruhi harga syarikat-syarikat terlibat dan juga syarikat-syarikat lain dan Penanda Aras secara keseluruhan. Dana mungkin memegang sekuriti yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang mungkin digugurkan daripada Penanda Aras dan mungkin mula memperoleh sekuriti yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang ditambah ke dalam Penanda Aras. Prestasi relatif dua (2) kumpulan saham ini boleh mempunyai kesan buruk ke atas Dana.

**(II) Lesen untuk menggunakan Penanda Aras mungkin ditamatkan**

Pengurus telah diberikan lesen (“Lesen”) di bawah Perjanjian Lesen untuk menggunakan Penanda Aras sebagai asas bagi komposisi Dana dan untuk menggunakan nama dagangan dan cap dagangan tertentu yang berkait dengan Penanda Aras. Pengurus tidak berkemungkinan dapat mencapai objektif pelaburan Dana sekiranya Lesen ditamatkan.

**(III) Kesilapan atau ketaktepatan dalam Penanda Aras**

Mungkin terdapat ketaktepatan, kesilapan, peninggalan atau kesalahan dalam penyusunan atau pengiraan Penanda Aras, yang mungkin menyebabkan sisihan ketara di antara nilai Unit-unit dengan nilai Aset-aset Dana. Pengurus dan Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab atau terlibat dalam penyusunan atau pengiraan Penanda Aras, dan dengan itu tidak boleh dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab ke atas sebarang ketaktepatan, kesilapan, peninggalan atau kesalahan dalam penyusunan atau pengiraan tersebut.

### **3.3 Faktor Risiko Khusus Melabur dalam ETF**

**(i) Saiz pembentukan dan penebusan minimum**

Unit-unit akan dibentuk atau ditebus dalam Blok Unit Pembentukan/Blok Unit Penebusan (atau gandaan genapnya) dan melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Jika anda tidak menyerahkan Blok Unit Pembentukan/Blok Unit Penebusan, anda tidak boleh membuat Permohonan Pembentukan/Permohonan Penebusan dan mungkin hanya dapat merealisasi nilai Unit-unit anda dengan menjual Unit-unit anda di Bursa Securities.

**(ii) Penggantungan pembentukan dan penebusan**

Perdagangan Unit pada Bursa Securities mungkin tidak digantung walaupun pembentukan dan penebusan Unit digantung sementara oleh Pengurus selaras dengan terma Surat Ikatan. Jika pembentukan dan penebusan Unit digantung sementara, harga dagangan Unit-unit mungkin terjejas dan berbeza daripada nilai pasaran aset mendasari Dana.

**(iii) Pergantungan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian**

Pembentukan dan penebusan Unit hanya boleh dilaksanakan melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak mempunyai kewajipan untuk menerima arahan untuk membentuk atau menebus Unit-unit bagi pihak anda. Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan dapat membentuk atau menebus Unit ketika mana-mana tempoh yang, antara lain, perdagangan pada Bursa Securities dibataskan atau digantung, penyelesaian atau penjelasan sekuriti dalam sistem penjelasan pusat dan penyelesaian yang diwujudkan oleh Bursa Securities mengalami gangguan atau penjelasan dan penyelesaian urus niaga *in-kind* dalam sistem yang diwujudkan oleh Bursa Securities mengalami gangguan atau Penanda Aras tidak disusun atau disiarkan. Selain itu, Peniaga yang Mengambil Bahagian mungkin tidak dapat membentuk atau menebus Unit jika suatu peristiwa lain berlaku yang menghalang pengiraan nilai Dana oleh Pengurus atau ketika penyerahan Pelaburan yang Dibenarkan atau pelupusan pelaburan Dana tidak dapat dilaksanakan seperti biasa.

**(iv) Unit-unit mungkin didagangkan pada diskau atau premium kepada NAV**

Harga dagangan Unit pada Bursa Securities mungkin lebih rendah atau lebih tinggi daripada nilai Unit-unit. Manakala nilai Unit-unit menggambarkan nilai pasaran Aset-aset Dana, harga dagangan Unit bergantung pada, tanpa batasan, paras bekalan dan penawaran bagi Unit-unit, keadaan ekonomi di Malaysia dan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham Malaysia. Pembentukan atau penebusan Unit-unit dijangka akan mengurangkan sebarang diskau atau premium besar bagi harga dagangan Unit kepada nilai Dana.

**(v) Pasaran perdagangan untuk Unit-unit**

Walaupun Unit-unit disenaraikan pada Bursa Securities, anda perlu tahu bahawa mungkin tidak ada pasaran perdagangan cair untuk Unit-unit. Tidak ada jaminan bahawa pasaran perdagangan aktif untuk Unit-unit akan berkembang, dan tidak ada asas pasti untuk meramal paras harga sebenar pada atau saiz yang Unit-unit mungkin didagangkan. Walau bagaimanapun, Peniaga yang Mengambil Bahagian / penyedia kecairan yang dilantik untuk Dana dijangka dapat menyediakan kecairan untuk Unit-unit.

**(vi) Bergantung pada pasaran perdagangan bagi Saham Indeks**

Semua Saham Indeks disenaraikan pada Penanda Aras. Kewujudan pasaran perdagangan cair untuk Saham-saham Indeks mungkin bergantung pada sama ada terdapat bekalan atau penawaran untuk Saham-saham Indeks tersebut. Tidak ada jaminan bahawa akan wujud perdagangan aktif dalam mana-mana daripada Saham-saham Indeks. Harga yang Saham-saham Indeks boleh dibeli atau dijual oleh Dana semasa mana-mana aktiviti pengimbangan semula atau selainnya dan nilai Dana mungkin terjejas jika pasaran perdagangan untuk Saham-saham Indeks adalah terhad atau tidak wujud.

**(vii) Perdagangan Unit pada Bursa Securities mungkin digantung**

Anda tidak akan dapat membeli atau menjual Unit-unit pada Bursa Securities ketika mana-mana tempoh yang Bursa Securities mengantung perdagangan dalam Unit-unit. Bursa Securities mungkin mengantung perdagangan Unit, tertakluk kepada peraturan dan polisi Bursa Securities, apabila Bursa Securities menentukan bahawa ia adalah wajar demi kepentingan pasaran saksama dan teratur untuk melindungi pelabur-pelabur. Pembentukan dan penebusan Unit-unit juga mungkin digantung sekiranya perdagangan Unit pada Bursa Securities digantung.

**(viii) Unit-unit mungkin dinyahsenarai daripada Bursa Securities**

Bursa Securities menetapkan keperluan tertentu untuk penyenaraian berterusan sekuriti, termasuk Unit-unit, pada Bursa Securities. Tidak ada jaminan bahawa Dana akan terus memenuhi keperluan yang dikehendaki untuk mengekalkan penyenaraian Unit-unit pada Bursa Securities atau bahawa

Bursa Securities tidak akan mengubah keperluan penyenaraianya. Jika Unit-unit dinyahsenaraikan daripada Bursa Securities, Dana sama ada akan kembali kepada dana amanah saham tidak tersenarai atau akan ditamatkan. Apabila ditamatkan, semua Aset-aset Dana akan dicairkan atau dibayar kepada Pemegang-pemegang Unit.

### **3.4 Faktor-faktor Risiko yang Berkait dengan Pelaburan dalam Derivatif**

#### **(i) Faktor-faktor Risiko yang Berkait dengan penggunaan derivatif**

Dana boleh menggunakan derivatif untuk membantu mencapai objektifnya dalam skop pelaburan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Ikatan. Oleh itu, ia akan tertakluk kepada risiko-risiko yang berkait dengan penggunaan teknik dan instrumen tersebut.

Penggunaan derivatif memerlukan margin awal dan margin perbezaan disiarkan dalam masa singkat. Jika pasaran bergerak menentang kedudukan dan tidak ada peruntukan dibuat untuk menyiar margin yang dikehendaki dalam masa yang ditetapkan, kedudukan tersebut mungkin dicairkan dengan kerugian.

Penggunaan derivatif juga mempunyai risiko ketakupayaan untuk menutup kedudukan disebabkan ketakwujudan atau pasaran sekunder tidak cair dan juga risiko korelasi tidak sempurna di antara pergerakan harga derivatif dengan pergerakan harga indeks dan konstituen indeks

Pelaburan dalam derivatif boleh memungkinkan leveraj. Walau bagaimanapun, strategi pelaburan Dana dibataskan oleh peraturan terpakai dan juga Surat Ikatan. Berhubung dengan Dana, penggunaan derivatif dibenarkan setakat yang ia adalah untuk pengurusan cekap portfolio, untuk menambah baik penjejakan atau untuk memudahkan penyediaan kecairan dan bukan untuk leveraj. Oleh itu, risiko biasa yang disebabkan oleh penggunaan derivatif untuk mencapai leveraj tidak harus terpakai untuk Dana.

Aktiviti ini mesti diawasi dengan rapat dan Pengurus mempunyai sistem dan kawalan yang diperlukan untuk penggunaan derivatif. Tidak ada jaminan bahawa penggunaan derivatif tersebut boleh mencapai hasil diinginkan.

#### **(ii) Risiko berkaitan penggunaan Opsyen Panggilan Zero Strike**

Opsyen Panggilan Zero Strike adalah bentuk khusus derivatif. Dana akan menggunakan instrumen ini untuk membantu mencapai objektif menjelak indeks dan memudahkan penyediaan kecairan. Opsyen Panggilan Zero Strike digunakan untuk mengekalkan prestasi yang serupa dengan pemegangan Dana selebihnya atau Penanda Aras di samping memudahkan penyediaan kecairan lebih cekap, yang seterusnya akan menghasilkan pasaran lebih cair untuk Unit-unit dan harga dagangan yang lebih menggambarkan IOPV setiap Unit. Penggunaan instrumen ini mungkin menyebabkan risiko tambahan tertentu.

Penggunaan Opsyen Panggilan Zero Strike mendedahkan Dana kepada risiko pihak satu lagi penerbit Opsyen Panggilan Zero Strike yang insolvensi atau kebankrutan mungkin menyebabkan mungkir oleh penerbit instrumen dan ini boleh menyebabkan kerugian kepada Dana. Untuk melindungi Dana, terdapat keperluan peraturan yang mesti dipatuhi, seperti (i) pihak satu lagi / penerbit Opsyen Panggilan Zero Strike adalah Institusi Kewangan dengan penarafan jangka panjang minimum yang menunjukkan kemampuan mantap untuk pembayaran tepat pada masanya bagi obligasi kewangan yang disediakan oleh mana-mana agen penarafan domestik atau global, dan (ii) Dana tidak boleh memegang lebih daripada 50% daripada NAVnya atau RM50 juta keseluruhannya (nilai ketika urus niaga), yang mana lebih rendah, dalam Opsyen Panggilan Zero Strike.

Opsyen Panggilan Zero Strike diselesaikan secara fizikal. Penerbit Opsyen Panggilan Zero Strike menyerahkan *basket* rujukan ketika pelaksanaan atau tamat tempoh. Tedapat peristiwa tertentu yang mungkin menghalang penerbit Opsyen Panggilan Zero Strike daripada membuat penyerahan

fizikal basket rujukan, seperti gangguan am atau penggantungan sistem penjelasan penyelesaian bursa, sekatan peraturan yang menghalang penerbit daripada menyerahkan secara fizikal basket rujukan atau ketakcairan dalam sesetengah saham mendasari. Untuk melindungi Dana, Opsyen Panggilan Zero Strike boleh diselesaikan untuk tunai semasa berlakunya peristiwa tersebut.

Pengurus telah mempertimbangkan risiko berbanding manfaat penggunaan Opsyen Panggilan Zero Strike dalam pengurusan Dana.

### 3.5 Faktor-faktor Risiko Khusus Pelaburan dalam Dana SRI

#### (i) Kemampanan dan pelaburan bertanggungjawab dan risiko impak

Risiko yang timbul daripada apa-apa peristiwa atau keadaan alam sekitar, sosial atau tadbir urus, jika ia berlaku, boleh mempunyai impak negatif material ke atas nilai pelaburan. Apabila memilih dan memantau pelaburan-pelaburan Dana, risiko-risiko kemampanan ini dipertimbangkan secara sistematis bersama dengan semua risiko lain yang dianggap berkaitan untuk syarikat-syarikat dalam penanda aras, dengan mempertimbangkan polisi/strategi pelaburannya. Risiko kemampanan khusus akan berbeza bagi setiap syarikat dalam penanda aras, dan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

**Risiko Peralihan:** Ini ialah risiko pendedahan Dana kepada syarikat-syarikat yang sedang dalam peralihan kepada ekonomi berkarbon rendah disebabkan penglibatannya dalam penerokaan, pengeluaran, pemprosesan, perdagangan dan penjualan bahan api fosil, atau kebergantungannya kepada bahan-bahan, proses-proses, produk-produk, dan perkhidmatan-perkhidmatan intensif karbon. Risiko peralihan boleh berpuncu daripada beberapa faktor, termasuk peningkatan kos dan/atau had pelepasan gas rumah hijau, keperluan kecekapan tenaga, pengurangan dalam permintaan bahan api fosil atau peralihan kepada sumber-sumber tenaga alternatif, disebabkan perubahan polisi, peraturan, teknologi dan permintaan pasaran. Risiko peralihan boleh menjelaskan aset atau hasil syarikat, atau meningkatkan liabiliti, perbelanjaan modal, kos operasi dan pembiayaan syarikat dan seterusnya, mempunyai kesan negatif ke atas nilai pelaburan Dana.

**Risiko Fizikal:** Ini adalah risiko pendedahan Dana kepada syarikat-syarikat yang mungkin terjejas disebabkan kesan fizikal perubahan iklim. Risiko fizikal termasuk risiko akut yang timbul daripada peristiwa cuaca melampau seperti ribut, banjir, kemarau, kebakaran atau gelombang haba, dan risiko kronik yang timbul daripada perubahan beransur dalam iklim, seperti perubahan corak hujan, kenaikan paras laut, pengasidan lautan dan kehilangan kepelbagaiuan biologi. Risiko fizikal mungkin menjelaskan aset, produktiviti atau hasil syarikat, atau meningkatkan liabiliti, perbelanjaan modal, kos operasi dan pembiayaan syarikat dan seterusnya, mempunyai kesan negatif ke atas nilai pelaburan Dana.

**Risiko Alam Sekitar:** Ini adalah risiko pendedahan Dana kepada syarikat-syarikat yang mungkin menyebabkan atau terkesan akibat kemerosotan alam sekitar dan/atau kesusutan sumber-sumber semula jadi. Risiko alam sekitar boleh berlaku disebabkan pencemaran udara, pencemaran air, penjanaan sisa, kesusutan sumber-sumber air tawar dan laut, kehilangan kepelbagaiuan biologi atau kerosakan kepada ekosistem. Risiko alam sekitar boleh menjelaskan aset, produktiviti, atau hasil syarikat, atau meningkatkan liabiliti, perbelanjaan modal, kos operasi dan pembiayaan syarikat dan seterusnya, mempunyai kesan negatif ke atas nilai pelaburan Dana.

**Risiko Sosial:** Ini adalah risiko pendedahan Dana kepada syarikat-syarikat yang mungkin terjejas disebabkan faktor-faktor sosial seperti standard buruh yang lemah, pelanggaran hak asasi manusia, kerosakan kepada kesihatan awam, pelanggaran privasi data, atau peningkatan ketaksamaan. Risiko-risiko sosial boleh menjelaskan aset, produktiviti, atau hasil syarikat, atau meningkatkan liabiliti, perbelanjaan modal, kos operasi dan pembiayaan syarikat dan seterusnya, mempunyai kesan negatif ke atas nilai pelaburan Dana.

Risiko Tadbir Urus: Ini ialah risiko pendedahan Dana kepada syarikat-syarikat yang mungkin terjejas disebabkan struktur tadbir urus yang lemah. Untuk syarikat, risiko tadbir urus mungkin disebabkan oleh lembaga yang tidak berfungsi, struktur imbuhan yang tidak memadai, salah guna pemegang saham minoriti atau hak-hak pemegang bon, kawalan tidak memadai, perancangan cukai dan amalan perakaunan yang agresif, atau ketiadaan etika perniagaan. Risiko-risiko tadbir urus mungkin mempunyai kesan negatif ke atas nilai pelaburan Dana disebabkan keputusan-keputusan strategik yang lemah di pihak syarikat, percanggahan kepentingan, kerosakan reputasi, peningkatan liabiliti, atau kehilangan keyakinan pelabur.

(ii) **Risiko Pembohong Hijau (*Greenwashing*)**

Pembohongan hijau ditakrifkan sebagai membuat dakwaan palsu, mengelirukan atau tidak berasas berhubung kelayakan ESG produk pelaburan. Dana mungkin secara tidak sengaja melabur dalam produk tersebut, tanpa pengetahuan awal tentang dakwaan palsu tersebut. Oleh sebab pembohongan hijau boleh menimbulkan risiko reputasi, denda pengawalseliaan, dan/atau produk ditarik balik, ia mungkin mempunyai kesan negatif ke atas nilai Dana.

Pemberi Lesen Indeks hanya akan memasukkan syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai skor ESG keseluruhan 2.9 atau lebih tinggi daripada skor 5 ke dalam Penanda Aras. Syarikat-syarikat yang mempunyai pendedahan kepada “kontroversi besar” tidak layak untuk dimasukkan ke dalam Penanda Aras, dan dalam kes paling ekstrim konstituen indeks semasa akan digugurkan. Pengurus akan mengimbang semula portfolio Dana dalam menjelak Penanda Aras yang disebabkan oleh perubahan dalam Penanda Aras.

**Nota: Dana tidak melabur dalam derivatif dan/atau membuat perjanjian pembelian balik atau aktiviti pinjaman sekuriti sehingga dan kecuali Pengurus telah menyediakan polisi dan prosedur pengurusan risiko untuk pelaburan dan/atau aktiviti tersebut.**

## **4. YURAN & CAJ**

### **4.1 Caj yang ditanggung secara langsung oleh pelabur**

Jadual ini menerangkan caj-caj yang anda mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada tarikh Prospektus ini yang caj-caj ini mungkin berubah dari masa ke masa) apabila anda membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana pada Bursa Securities.

<b>Caj daripada berdagang Unit-unit pada Bursa Securities</b>	<b>% / RM</b>
Yuran pembrokeran	Maksimum 0.70% daripada nilai kontrak (tertakluk kepada minimum RM40.00) atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa Securities.
Yuran Penjelasan Bursa Securities	Urus niaga di pasaran: 0.03% daripada nilai urus niaga (tertakluk kepada maksimum RM1,000.00 setiap kontrak). Urus niaga perniagaan langsung: 0.03% daripada nilai urus niaga (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM1,000.00 setiap kontrak).
Duti Setem	RM1.00 untuk setiap RM1,000.00 atau bahagian pecahan nilai dagangan Unit (perlu dibayar oleh kedua-dua pembeli dan penjual), tertakluk kepada maksimum RM200.00.

Maklumat lanjut mengenai caj yang anda akan tanggung daripada berdagang Unit di Bursa Securities boleh didapati di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

### **4.2 Yuran dan perbelanjaan yang ditanggung secara tidak langsung oleh pelabur**

Jadual ini menerangkan yuran dan perbelanjaan yang anda mungkin tanggung apabila melabur dalam Dana. Yuran dan perbelanjaan ini akan ditolak daripada Aset-aset Dana.

<b>Yuran dan Perbelanjaan</b>	<b>% / RM</b>
Yuran Pengurus Tahunan	Pada masa ini 0.50% <sup>(1)</sup> Tertakluk kepada maksimum 1.00% <sup>(1)</sup>
Yuran Pemegang Amanah Tahunan <sup>(2)</sup>	0.05% <sup>(1)</sup>
Yuran Lesen <sup>(3)</sup>	0.05%
Lain-lain perbelanjaan dana <sup>(4)</sup>	0.50% <sup>(1)</sup> (anggaran)

*Nota:*

- (1) Terpakai kepada NAV Dana.
- (2) Yuran Pemegang Amanah tahunan termasuk yuran kustodian tempatan dan tidak termasuk yuran kustodian asing (sekiranya ada).
- (3) Yuran lesen yang perlu dibayar kepada Pemberi Lesen Indeks.
- (4) Akan ada lain-lain caj atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana seperti yuran audit, yuran ejen cukai, percetakan dan alat tulis, caj bank, imbuhan dan perbelanjaan hangus orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi penyeliaan Dana, yuran penyerahan simpan untuk laporan tahunan dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.

#### 4.3 Yuran dan caj yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian

Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menanggung yuran tambahan sekiranya ia memohon untuk pembentukan dan/atau penebusan Unit kepada Pengurus. Yuran maksimum yang dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah untuk pembentukan dan/atau penebusan Unit dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan termasuk sebarang perbelanjaan hangus yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah disebabkan permohonan untuk pembentukan Unit oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jadual di bawah menerangkan yuran tersebut:

Jenis yuran / caj	Keterangan
Yuran Permohonan Pembentukan	RM200.00 setiap Blok Unit Pembentukan (dan tertakluk kepada maksimum RM2,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan pemindahan Unit-unit yang perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang mungkin ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.
Yuran Pembatalan Permohonan Pembentukan	RM100.00 (dan tertakluk kepada maksimum RM1,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan pemindahan Sekuriti Pembentukan yang perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang mungkin ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.
Yuran Permohonan Penebusan	RM200.00 setiap Blok Unit Penebusan (dan tertakluk kepada maksimum RM2,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan pemindahan Sekuriti Penebusan yang perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang mungkin ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.
Yuran Pembatalan Permohonan Penebusan	RM100.00 (dan tertakluk kepada maksimum RM1,000.00) dan apa-apa caj, perbelanjaan dan kos lain berkaitan pemindahan Unit yang perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah yang mungkin ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa.
Yuran-yuran Lain	Jumlah (selain kos Urus Niaga) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berkaitan dengan Permohonan Pembentukan / Permohonan Penebusan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang dikenakan oleh Bursa Depository berkaitan dengan Permohonan tersebut. Yuran ini akan dinyatakan dalam Pembentukan <i>In-Kind Basket</i> atau Penebusan <i>In-Kind Basket</i> setiap hari.
Kos Urus Niaga	Pengurus akan, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, berhak untuk mengenakan Kos Urus Niaga tambahan.

Apabila Pengurus melaksanakan apa-apa Pembentukan Tunai dan Penebusan Tunai, bahagian urus niaga portfolio akan meningkat apabila Dana melabur dalam penerimaan Pembentukan Tunai atau dana atau jumlah Penebusan Tunai. Objektif utama Pengurus dalam membuat pesanan untuk pembelian dan jualan Pelaburan yang Dibenarkan, apabila melaraskan Aset-aset Dana untuk menunjukkan perubahan dalam Penanda Aras, atau berhubung dengan Pembentukan Tunai atau Penebusan Tunai, ialah untuk memperoleh hasil bersih paling menguntungkan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti harga, komisen atau tebaran dan saiz pesanan. Apabila ia adalah sejajar dengan objektif ini, amalan Pengurus adalah untuk membuat pesanan tersebut dengan broker-broker atau peniaga-peniaga yang

membekalkan maklumat pasaran dan sebut harga dan maklumat statistik kepada Pengurus, yang mungkin berguna kepada Pengurus dalam menyediakan perkhidmatannya sebagai syarikat pengurusan Dana dan/atau mungkin berguna kepada Pengurus dalam menyediakan perkhidmatan kepada klien lain (termasuk dana-dana yang diuruskan oleh Pengurus), selain sebagai syarikat pengurusan Dana.

Pengurus atau mana-mana wakilnya tidak akan mengambil apa-apa rebat daripada, atau selainnya berkongsi dalam sebarang komisen dengan, mana-mana broker atau peniaga sebagai balasan untuk urusan langsung (sekiranya ada) dalam pelaburan Dana. Selaras dengan itu, apa-apa rebat atau komisen dikongsi mesti disalurkan ke dalam akaun Dana.

Barangan dan perkhidmatan (“komisen ringan”) boleh diambil oleh Pengurus dengan syarat bahawa:

- komisen ringan memberikan manfaat atau kelebihan langsung kepada pengurusan Dana dan mungkin termasuk perkhidmatan penyelidikan dan berkaitan nasihat;
- sebarang urusan dengan broker atau peniaga dilaksanakan atas terma-terma paling menguntungkan kepada Dana; dan
- ketersediaan komisen ringan bukan merupakan satu-satunya tujuan atau tujuan utama melaksanakan atau mengaturkan urus niaga dengan broker atau peniaga tersebut, dan Pengurus atau pengurus dana tidak boleh melaksanakan dagangan tidak perlu untuk mencapai jumlah urus niaga mencukupi bagi layak mendapat komisen ringan.

Yuran yang disebut di atas boleh dinyatakan dalam bentuk nisbah, iaitu, nisbah perbelanjaan pengurusan (“MER”). MER ialah nisbah semua kos sampingan yang ditanggung dalam mengendalikan Dana kepada NAV purata Dana yang dikira setiap hari dan dibayar secara langsung daripada Dana, termasuk:

- (a) Yuran Pengurus;
- (b) Yuran Pemegang Amanah; dan
- (c) perbelanjaan Dana.

MER Dana dikira menggunakan formula berikut:

$$MER = \frac{\text{Yuran Dana} + \text{perbelanjaan boleh diperoleh semula Dana} \times 100}{\text{Purata NAV Dana (dikira setiap hari)}}$$

Pemegang Amanah dan Pengurus berhak untuk membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset-aset Dana setakat yang ia ditanggung berkaitan dengan Dana:

- (a) apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan yang dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berkaitan dengan Pemberi Lesen Indeks yang tandatangani oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus berhubung dengan Dana;
- (b) yuran pemprosesan atau pengendalian yang dikenakan oleh mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan untuk melaksanakan apa-apa perolehan, pelupusan atau apa-apa urusan lain dalam Aset-aset Dana dan apa-apa perbelanjaan yang berkait dengannya, termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan dagangan dalam Pelaburan yang Dibenarkan;
- (c) semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, penasihat pelaburan, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai, pakar komputer atau penasihat profesional lain yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menyelenggara, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan tugas dan tanggungjawab mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan.

- (d) semua yuran, caj perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan kustodi selamat, perolehan, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau lain-lain urus niaga dengan mana-mana Aset-aset Dana atau pemegangan mana-mana Aset-aset Dana atau kustodi dokumen hak miliknya (termasuk insurans dokumen hak milik terhadap kehilangan semasa penghantaran, transit atau selainnya dan caj-caj yang dikenakan oleh ejen-ejen Pemegang Amanah bagi menyimpan dokumen dalam kustodi selamat), apa-apa yuran dan perbelanjaan dikenakan bagi kustodian, kustodian bersama dan/atau sub-kustodian yang dilantik selaras dengan peruntukan Surat Ikatan dan semua yuran urus niaga sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa ke masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urusan yang melibatkan keseluruhan atau sebahagian daripada Aset-aset Dana;
- (e) semua caj dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit selain yang dipanggil oleh dan untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- (f) yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam mendapatkan dan/atau menyelenggara penyenaraian dan sebut harga Unit-unit pada Bursa Securities, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau sanksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai lain;
- (g) yuran dan caj yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Rumah Penjelasan (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- (h) semua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkaitan dengan penyelenggaran laman web atau laman-laman web (mengikut keadaan) yang dikhususkan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang-pemegang Unit, pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan, termasuk pemberitahuan yang dibuat berhubung dengan Dana dalam Bursa Securities, surat(-surat) khabar di Malaysia dan bentuk lain komunikasi seumpamanya yang dibenarkan atau diterima dalam Garis Panduan ETF dan sebagaimana yang Pengurus tentukan dari masa ke masa;
- (i) semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan mana-mana surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung penyediaan apa-apa perjanjian berhubung dengan Dana selain yang adalah untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- (j) semua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran akaun beraudit dan akaun separuh tahunan tidak diaudit dan semua cek, penyata, notis dan dokumen lain yang berkait dengan Dana;
- (k) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung sewajarnya oleh juruaudit berhubung dengan Dana;
- (l) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit atau pelantikan syarikat pengurusan baharu, pemegang amanah baharu atau juruaudit baharu;
- (m) semua perbelanjaan yang ditanggung dalam kutipan Pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh bayaran balik cukai atau pelepasan dan perjanjian liabiliti cukai) atau penentuan percukaian;
- (n) semua perbelanjaan yang berkait dengan pengagihan yang diisyiharkan selaras dengan Surat Ikatan, termasuk dan tanpa batas yuran untuk pengesahan semula atau pengeluaran semula mana-mana cek pengagihan atau waran atau pemindahan telegraf;
- (o) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;

- (p) yuran untuk penilaian mana-mana pelaburan Dana;
- (q) imbuhan dan pebelanjaan hangus orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi pengawasan Dana, kecuali jika Pengurus menetapkan selainnya;
- (r) yuran berkaitan dengan perakaunan dana dengan syarat kelulusan awal Pemegang-pemegang Unit telah diperoleh. Untuk mengelakkan keraguan, apabila kelulusan Pemegang-pemegang Unit telah diperoleh, tidak ada kelulusan Pemegang-pemegang Unit selepasnya akan diperlukan untuk yuran tersebut dikenakan kepada Dana; dan
- (s) caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana cukai atau lain-lain duti yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain) sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki (mengikut keadaan) di bawah undang-undang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk kenakan kepada Dana.

**TERDAPAT YURAN DAN CAJ TERLIBAT DAN ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMPERTIMBANGKAN YURAN DAN CAJ INI SEBELUM MELABUR DALAM DANA.**

**Semua yuran dan caj yang perlu dibayar oleh pelabur adalah tertakluk kepada semua cukai dan/atau duti terpakai sebagaimana yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa berkaitan dari masa ke masa.**

## **5. UNIT-UNIT FTSE4GOOD BURSA MALAYSIA ETF**

### **5.1 Pembentukan dan Penebusan Unit-unit**

Permohonan Pembentukan / Permohonan Penebusan daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk pembentukan / penebusan Unit-unit selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dijangka dalam keadaan berikut:

- (a) untuk memudahkan permohonan klien Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit; dan
- (b) untuk mencipta kecairan dalam pasaran sebagai sebahagian daripada fungsi penggerak pasaran Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pelabur harus mengambil perhatian bahawa Dana adalah berbeza daripada dana amanah saham yang biasanya ditawarkan kepada orang awam. Pelabur-pelabur, sama ada runcit atau selainnya, harus memperoleh atau melupuskan Unit-unit dengan berdagang Unit-unit pada Bursa Securities. Unit-unit baharu hanya diterbitkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian. Oleh itu, pelabur-pelabur, sama ada runcit atau selainnya, hanya boleh membentuk / menebus Unit-unit melalui permohonan untuk pembentukan / penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian, tertakluk kepada terma dan syarat Surat Ikatan dan berdasarkan prosedur yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Harga yang pembentukan dan penebusan Unit-unit berlaku didasarkan pada NAV setiap Unit Dana pada Masa Penilaian berikut pada Hari Urus Niaga selepas Permohonan Pembentukan / Permohonan Penebusan diterima dalam bentuk yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pembentukan / penebusan Unit-unit akan didasarkan pada NAV Dana, pada Masa Penilaian Dana yang berikut.

### **5.2 Prosedur untuk Pembentukan *In-Kind*, Penebusan *In-Kind*, Pembentukan Tunai dan Penebusan Tunai**

#### **5.2.1 Pembentukan *In-Kind***

##### **(i) Prosedur untuk Pembentukan *In-Kind***

Bagi membentuk Unit-unit baharu, Peniaga yang Mengambil Bahagian akan memohon kepada Pengurus untuk penerbitan Unit-unit dalam Blok Unit Pembentukan atau gandaannya pada Hari Urus Niaga secara amnya dengan menyerahkan Pembentukan *In-Kind Creation*, yang akan terdiri daripada Sekuriti Pembentukan dan Komponen Tunai (sekiranya ada), di samping Yuran Permohonan Pembentukan. Selanjutnya, apabila Pengurus berpendapat ia adalah sesuai, Pengurus boleh membenarkan Peniaga yang Mengambil Bahagian yang telah diberikan kelulusan awal untuk menyerahkan Opsyen Panggilan Zero Strike yang nilainya setara dengan Pembentukan *In-Kind Basket* atau gandaannya, sebagai tukaran bagi Unit-unit.

Pengurus akan, pada setiap Hari Urus Niaga, menentukan Pembentukan *In-Kind Basket* untuk Hari Urus Niaga tersebut dan akan menyiarkan maklumat tersebut di laman web Dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my) dan laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) sebelum pasaran dibuka.

Saiz semasa satu (1) Blok Unit Pembentukan ialah 418,000 Units.

Untuk berkuat kuasa, Permohonan Pembentukan:

- (i) mesti diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam bentuk dan kandungan yang memenuhi dan disertai dengan dokumen yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah dan Pengurus dan selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Surat Ikatan;
- (ii) mesti disokong dengan sijil-sijil yang diperlukan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan pembentukan Unit-unit baru;
- (iii) mesti disokong oleh sijil-sijil lain dan pendapat peguam sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh Pemegang Amanah dan Pengurus bagi memastikan kepatuhan undang-undang terpakai;
- (iv) mesti dalam Blok Unit Pembentukan atau gandaannya; dan
- (v) mesti menyatakan orang yang bagi pihaknya Permohonan Pembentukan dibuat (sekiranya berkenaan).

Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk menerbitkan Unit-unit jika, dan hanya jika, Pengurus berpendapat bahawa setiap peruntukan berikut telah dipenuhi:

- (i) Permohonan Pembentukan adalah sah;
- (ii) Unit-unit yang dipohon adalah dalam Blok Unit Pembentukan atau gandaannya dan Sekuriti Pembentukan yang perlu diserahkan kepada Pemegang Amanah berhubung dengan terbitan Unit-unit tersebut yang telah diluluskan oleh Pengurus;
- (iii) bahawa berhubung dengan Blok Unit Pembentukan, agregat:
  - (a) nilai Sekuriti Pembentukan diserahkan kepada Pemegang Amanah pada Tarikh Dagangan berkenaan; dan
  - (b) jumlah tunai yang dibayar kepada atau menurut perintah Pemegang Amanah berhubung dengan Komponen Tunai (sekiranya ada) bagi Blok Unit Pembentukan,
- (iv) adalah bersamaan dengan Balasan;
- (v) Sekuriti Pembentukan telah diperuntukkan kepada Dana menurut kehendak Pemegang Amanah atau bukti hak milik yang memuaskan telah diserahkan kepada atau menurut perintah Pemegang Amanah menjelang masa dan tarikh yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian, dengan syarat bahawa tarikh tersebut akan berlaku tidak lewat daripada Tarikh Terbitan berkaitan;
- (vi) Komponen Tunai (sekiranya berkenaan) telah diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah menjelang masa berkenaan pada Tarikh Terbitan; dan
- (vii) Yuran Permohonan Pembentukan yang perlu dibayar telah diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pengurus menjelang masa dan tarikh yang ditetapkan oleh Pengurus.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan ketersediaan Sekuriti Pembentukan sebelum membuat Permohonan Pembentukan.

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak untuk menolak atau menggantung Permohonan Pembentukan jika:

- (i) Permohonan Pembentukan adalah tidak jelas, silap atau kabur (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);

- (ii) Sekuriti Pembentukan dan Komponen Tunai (sekiranya ada) tidak sepadan dengan Pembentukan *In-Kind Basket* untuk Hari Urus Niaga berkenaan;
- (iii) agregat Blok(-blok) Unit Pembentukan berhubung dengan Permohonan Pembentukan dan bilangan Unit dalam terbitan ketika itu melebihi saiz yang dibenarkan untuk Dana;
- (iv) Pengurus percaya secara munasabah bahawa penerimaan Sekuriti Pembentukan adalah menyalahi undang-undang;
- (v) jika mana-mana bursa saham yang Dana melabur dalamnya ditutup; atau
- (vi) Pengurus telah menggantung hak Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Pembentukan selaras dengan Surat Ikatan.

Selain itu, Pemegang Amanah boleh melalui notis kepada Pengurus menolak untuk:

- (I) membentuk Unit-unit; atau
- (II) membentuk Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus,

apabila Pemegang Amanah berpendapat bahawa pembentukan tersebut adalah bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau bahawa ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang sekuriti terpakai.

Permohonan Pembentukan selepas diserahkan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa persetujuan Pengurus. Apabila Unit-unit telah dibentuk, Pengurus akan melaksanakan, untuk akaun Dana, terbitan Unit-unit kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Unit-unit didenominasi dalam RM (melainkan ditentukan sebaliknya oleh Pengurus) dan tidak ada pecahan Unit-unit akan dibentuk atau diterbitkan oleh Pengurus.

Pembentukan dan penerbitan Unit-unit selaras dengan Permohonan Pembentukan akan dilaksanakan pada Tarikh Dagangan. Unit-unit akan dianggap dibentuk dan diterbitkan dengan menggunakan NAV setiap Unit pada Masa Penilaian tersedia terakhir pada Tarikh Dagangan dan Daftar (sekiranya diselenggara) akan dikemas kini pada Tarikh Terbitan atau Hari Urus Niaga sebaik sahaja selepas Tarikh Terbitan jika tempoh penyelesaian dilanjutkan.

Permohonan Pembentukan yang diterima daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian pada hari yang bukan Hari Urus Niaga atau diterima selepas Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Urus Niaga akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Urus Niaga berikutnya.

Apa-apa komisen, imbuhan atau lain-lain jumlah yang perlu dibayar oleh Pengurus kepada mana-mana ejen atau orang lain berhubung dengan penerbitan atau jualan mana-mana Unit tidak akan ditambah kepada Harga Terbitan Unit tersebut dan tidak akan dibayar daripada Aset-aset Dana.

Pengurus berhak untuk menolak untuk memasukkan (atau membenarkan untuk dimasukkan) Unit-unit dalam Daftar jika pada bila-bila masa Pengurus berpendapat bahawa peruntukan Surat Ikatan, berhubung dengan terbitan Unit-unit, dilanggar.

## (ii) Penggantian Sekuriti Pembentukan

Pengurus boleh dari masa ke masa dan pada bila-bila masa membenarkan atau menghendaki penggantian jumlah tunai untuk menggantikan mana-mana Pelaburan yang Dibenarkan yang termasuk dalam Pembentukan *In-Kind Basket*.

Sekiranya Pengurus melaksanakan budi bicara ini, jumlah tunai sebagai ganti adalah bersamaan dengan nilai mana-mana Pelaburan yang Dibenarkan yang digantikan dan akan termasuk sebahagian daripada Komponen Tunai dan setiap Pelaburan yang Dibenarkan yang digantikan ini

akan dianggap bukan Sekuriti Pembentukan yang termasuk sebahagian daripada Pembentukan *In-Kind Basket*.

Pengurus berhak untuk mengenakan caj kepada pemohon mana-mana Unit yang tunai dibayar sebagai ganti menyerahkan mana-mana Sekuriti Pembentukan di samping Kos Urus Niaga, seperti lain-lain yuran yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan pembentukan Unit-unit dan/atau Permohonan Pembentukan.

#### 5.2.2 Penebusan *In-Kind*

##### (i) Prosedur bagi Penebusan *In-Kind*

Pengurus mempunyai hak eksklusif, pada bila bila masa dan dari masa ke masa melalui notis bertulis kepada Pemegang Amanah, untuk mengarahkan Pemegang Amanah melaksanakan pengurangan Dana pada mana-mana Hari Urus Niaga dengan mengarahkan Pemegang Amanah untuk membatalkan bilangan Unit yang ditetapkan dalam notis tersebut selepas Pengurus menerima Permohonan Penebusan daripada Pemegang Unit (melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian).

Pengurus akan pada setiap hari Urus Niaga menentukan Penebusan *In-Kind Basket* untuk Hari Urus Niaga tersebut dan akan menyiaran maklumat tersebut di laman web dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my) dan di laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) sebelum pasaran dibuka. Pengurus boleh menentukan lebih daripada satu Penebusan *In-Kind Basket* berhubung dengan Hari Urus Niaga, tertakluk pada terma dan syarat tambahan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus.

Saiz semasa satu (1) Blok Unit Penebusan ialah 418,000 Unit.

Untuk berkuat kuasa, Permohonan Penebusan:

- (i) mesti diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam bentuk dan kandungan yang memenuhi dan disertai dengan dokumen yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah dan Pengurus dan adalah selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Surat Ikatan;
- (ii) mesti disokong dengan sijil-sijil yang diperlukan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan penebusan Unit-unit;
- (iii) mesti disokong oleh sijil-sijil tersebut dan pendapat peguam sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pemegang Amanah dan Pengurus bagi memastikan kepatuhan undang-undang terpakai;
- (iv) mesti dalam Blok Unit Penebusan atau gandaannya; dan
- (v) mesti menyatakan orang yang bagi pihaknya Permohonan Penebusan dibuat (jika berkenaan).

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak untuk menolak atau mengantung Permohonan Penebusan jika:

- (i) Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, salah atau kabur (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) bilangan Unit berhubung dengan Permohonan Penebusan diterima oleh Pengurus melebihi had untuk penebusan pada Hari Urus Niaga;
- (iii) Pengurus telah mengantung hak Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Penebusan selaras dengan Surat Ikatan;

- (iv) jika mana-mana bursa saham yang Dana melabur dalamnya ditutup; atau
- (v) pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan mungkin melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan/atau Surat Ikatan.

Selain itu, Pemegang Amanah boleh melalui notis kepada Pengurus menolak untuk:

- (I) menebus Unit-unit; atau
- (II) menebus Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus,

apabila Pemegang Amanah berpendapat bahawa penebusan tersebut adalah bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau bahawa ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang sekuriti terpakai.

Permohonan Penebusan hanya akan dibuat atau diterima (mengikut keadaan) pada Hari Urus Niaga dan hanya akan berhubung dengan Unit-unit yang membentuk Blok Unit Penebusan atau gandaannya dan hanya akan diterima jika dibuat oleh atau melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan terma Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Sekiranya Permohonan Penebusan diterima pada hari yang bukan hari Urus Niaga atau diterima selepas Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Urus Niaga, Permohonan Penebusan tersebut akan dianggap sebagai telah diterima pada pembukaan perniagaan pada Hari Urus Niaga berikutnya, yang akan menjadi Tarikh Dagangan untuk tujuan Permohonan Penebusan tersebut. Untuk tujuan penilaian, Masa Penilaian berkaitan ialah Masa Penilaian tersedia terakhir pada Tarikh Dagangan.

Pengurus akan, selepas menerima Permohonan Penebusan berkuat kuasa, mengarahkan Pemegang Amanah untuk melaksanakan penebusan Unit-unit berkaitan yang ditetapkan dalam Permohonan Penebusan bagi Hasil Penebusan yang setara dengan Harga Penebusan bagi setiap Blok Unit Penebusan yang akan ditebus. Hasil Penebusan ini adalah melalui pemindahan oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah *in specie* Sekuriti Penebusan atau Opsyen Panggilan Zero Strike (hanya untuk Peniaga yang Mengambil Bahagian yang telah diberikan kelulusan awal) dan pembayaran oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah dalam tunai bagi Komponen Tunai (sekiranya ada) (sekiranya positif) yang ditentukan pada Tarikh Dagangan.

Tertakluk kepada penggantungan sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Ikatan, Permohonan Penebusan apabila telah diserahkan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa persetujuan Pengurus dan Unit-unit tidak boleh dijual. Pengurus boleh mengenakan Yuran Pembatalan Permohonan Penebusan berhubung dengan setiap pembatalan Permohonan Penebusan yang diterima.

Mana-mana Sekuriti Penebusan boleh pindah dan Komponen Tunai yang perlu dibayar (sekiranya ada) (tolak apa-apa jumlah yang ditolak) kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Permohonan Penebusan akan dipindahkan dan/atau dibayar pada Tarikh Penebusan tetapi boleh dipindahkan atau dibayar lebih awal dengan syarat bahawa:

- (i) Permohonan Penebusan ditandatangani sewajarnya oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian (sebagaimana yang dikehendaki Pengurus dan, yang jumlah yang akan dibayar melalui pemindahan telegraf ke akaun bank, disahkan dalam cara yang dikehendaki oleh, dan memenuhi apa yang dikehendaki, Pemegang Amanah) telah diterima oleh Pengurus;
- (ii) Unit-unit yang ditetapkan dalam Permohonan Penebusan telah diserahkan kepada Pemegang Amanah menjelang masa yang Pemegang Amanah dan Pengurus akan pada masa ini tetapkan selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian; dan

- (iii) jumlah penuh mana-mana Komponen Tunai (sekiranya negatif) dan Yuran Permohonan Penebusan yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian telah ditolak dan ditolak selesai atau selainnya dibayar sepenuhnya.

Pada Tarikh Penebusan berkaitan, berhubung dengan Permohonan Penebusan berkuat kuasa:

- Unit-unit, yang adalah subjek Permohonan Penebusan, akan ditebus dan dibatalkan;
- saiz Dana akan dikurangkan oleh pembatalan Unit-unit tersebut tetapi, untuk tujuan penilaian sahaja, Unit-unit tersebut akan dianggap telah ditebus dan dibatalkan selepas Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan;
- nama Pemegang Unit bagi Unit-unit tersebut akan dikeluarkan daripada Daftar (jika diselenggara) berhubung dengan Unit-unit tersebut pada Tarikh Penebusan berkenaan; dan
- Pemegang Amanah akan memindahkan Sekuriti Penebusan yang termasuk dalam Penebusan *In-Kind Basket* berkenaan kepada Permohonan Penebusan keluar dari Aset-aset Dana kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian dan akan membayar apa-apa Komponen Tunai (dengan pengurangan sebagaimana yang dibenarkan oleh Surat Ikatan) yang perlu dibayar oleh Pemegang Amanah.

Apabila Unit-unit akan ditebus pada mana-mana Tarikh Penebusan, Pengurus akan melaksanakan sebarang penjualan Aset-aset Dana yang diperlukan untuk menyediakan tunai yang diperlukan untuk membayar Komponen Tunai didarab dengan bilangan Unit yang ditebus dan memaklumkan Pemegang Amanah bahawa Unit-unit tersebut akan ditebus dan dibatalkan.

Tidak ada Penebusan Sekuriti yang akan diserahkan dan tidak ada Komponen Tunai akan dibayar kecuali jika Unit-unit yang menjadi subjek Permohonan Penebusan telah diserahkan kepada Pengurus untuk penebusan menjelang masa pada Tarikh Penebusan sebagaimana yang Pemegang Amanah dan Pengurus akan tentukan pada masa ini untuk Permohonan Penebusan secara am. Dalam hubungan ini, ia adalah tanggungjawab Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk memastikan yang Sekuriti Penebusan dikreditkan sewajarnya ke dalam akaun depositori berkaitan sebelum membuat sebarang jualan selanjutnya Sekuriti Penebusan.

Sekiranya dokumen tersebut tidak diserahkan kepada Pengurus sebagaimana dikehendaki Surat Ikatan:

- Permohonan Penebusan akan dianggap tidak pernah dibuat (kecuali bahawa Yuran Permohonan Penebusan kekal tertunggak dan perlu dibayar); dan
- Pengurus boleh mengenakan caj kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian, untuk akaun Dana, Yuran Pembatalan Permohonan Penebusan dan sebarang kerugian yang disebabkan oleh penjualan Aset-aset Dana dan apa-apa kos yang ditanggung oleh Dana berhubung dengan penebusan gagal tersebut.

(ii) Penggantian Sekuriti Penebusan

Pengurus boleh dari masa ke masa gantikan jumlah tunai untuk menggantikan mana-mana Sekuriti Penebusan yang termasuk dalam Penebusan *In-Kind Basket* berhubung dengan Permohonan Penebusan.

Sekiranya Pengurus melaksanakan budi bicara ini, jumlah tunai sebagai ganti akan bersamaan dengan nilai mana-mana Pelaburan yang Dibenarkan yang digantikan dan akan termasuk sebahagian Komponen Tunai dan setiap Pelaburan yang Dibenarkan yang diganti akan dianggap bukan Sekuriti Penebusan yang termasuk sebahagian daripada Penebusan *In-Kind Basket*.

Pengurus berhak untuk mengenakan caj kepada pemohon mana-mana Unit yang tunai dibayar sebagai ganti penyerahan mana-mana Sekuriti Penebusan di samping Kos Urus Niaga, yuran lain yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan penebusan Unit-unit dan/atau Permohonan Penebusan.

(iii) Had ke atas Penebusan Setiap Hari Urus Niaga

Sekiranya jumlah bilangan Unit berhubung dengan Permohonan Penebusan yang diterima oleh Pengurus pada hari Urus Niaga melebihi dua puluh lima peratus (25%) (atau peratus lebih tinggi sebagaimana yang Pengurus mungkin tentukan) NAV Dana pada Tarikh Dagangan tersebut, Pengurus berhak untuk mengehadkan jumlah bilangan Unit yang Pemegang-pemegang Unit berhak untuk tebus pada Hari Dagangan kepada dua puluh lima peratus (25%) (atau peratus lebih tinggi sebagaimana yang Pengurus mungkin tentukan) daripada NAV Dana.

Mana-mana Unit yang, selaras dengan kuasa yang diberikan kepada Pengurus seperti yang dinyatakan di atas, tidak ditebus berhubung dengan Hari Urus Niaga tertentu ("Hari Urus Niaga berkenaan pertama") akan dibawa ke hadapan untuk penebusan pada Hari Urus Niaga selepas Hari Urus Niaga berkenaan pertama (Hari Urus Niaga ini selepas ini akan dirujuk sebagai "Hari Urus Niaga berkenaan kedua").

Pengurus akan memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian tentang peratus lebih tinggi (sekiranya ada) NAV Dana yang Unit-unit dibenarkan ditebus dan bilangan Unit yang penebusannya telah ditunda dalam satu (1) Hari Perniagaan selepas Tarikh Penebusan berhubung dengan Hari Urus Niaga berkenaan pertama dan bahawa (tertakluk kepada yang dinyatakan di atas) akan ditebus pada Hari Urus Niaga berkenaan kedua.

Jika Permohonan Penebusan dibawa ke hadapan seperti yang disebut di atas, apa-apa Permohonan Penebusan lain yang diterima selepas Hari Urus Niaga berkenaan pertama dan sebelum Hari Urus Niaga berkenaan kedua juga akan dibawa ke hadapan, dan dianggap sebagai Permohonan Penebusan yang diserahkan pada Hari Urus Niaga berkenaan kedua. Permohonan Penebusan yang dibawa ke hadapan dari Hari Urus Niaga berkenaan pertama akan ditebus dengan diberikan keutamaan ke atas Permohonan Penebusan yang diterima selepas Hari Urus Niaga berkenaan pertama tersebut.

#### 5.2.3 Pembentukan Tunai

(i) Prosedur untuk Pembentukan Tunai

Untuk membentuk Unit-unit baharu, Peniaga yang Mengambil Bahagian akan memohon kepada Pengurus untuk penerbitan Unit-unit dalam Blok Unit Pembentukan atau gandaannya pada Hari Urus Niaga dengan secara amnya menyerahkan Jumlah Langganan campur Yuran Permohonan Pembentukan.

Pengurus akan, pada setiap Hari Urus Niaga, menentukan Jumlah Langganan untuk Hari Urus Niaga tersebut dan akan menyiaran maklumat itu di laman web Dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my) dan laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) sebelum pasaran dibuka.

Saiz semasa satu (1) Blok Unit Pembentukan ialah 418,000 Unit.

Untuk berkuat kuasa, Permohonan Pembentukan:

- (i) mesti diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam bentuk dan kandungan yang memenuhi, dan disertai dengan dokumen yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah dan Pengurus dan selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Surat Ikatan;
- (ii) mesti disokong dengan sijil-sijil yang dikehendaki dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan pembentukan Unit-unit baharu;

- (iii) mesti disokong oleh sijil-sijil lain dan pendapat peguam sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pemegang Amanah dan Pengurus bagi memastikan kepatuhan undang-undang terpakai;
- (iv) mesti dalam Blok Unit Pembentukan atau gandaannya; dan
- (v) mesti menyatakan orang yang bagi pihaknya Permohonan Pembentukan dibuat (jika berkenaan).

Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk menerbitkan Unit-unit jika, dan hanya jika, Pengurus berpendapat bahawa setiap peruntukan berikut telah dipenuhi:

- (i) Permohonan Pembentukan adalah sah;
- (ii) Unit-unit yang dipohon adalah dalam Blok Unit Pembentukan atau gandaannya dan Jumlah Langganan yang akan diserahkan kepada Pemegang Amanah berhubung dengan terbitan Unit-unit tersebut telah diluluskan oleh Pengurus;
- (iii) bahawa berhubung dengan Blok Unit Pembentukan, agregat Jumlah Langganan yang dibayar kepada atau menurut perintah Pemegang Amanah untuk Blok Unit Pembentukan adalah bersamaan dengan Balasan;
- (iv) Jumlah Langganan telah diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah menjelang masa pada Tarikh Terbitan; dan
- (v) Yuran Permohonan Pembentukan yang perlu dibayar telah diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pengurus menjelang masa dan tarikh yang ditentukan oleh Pengurus.

Ia adalah tanggungjawab anda untuk memastikan ketersediaan Jumlah Langganan sebelum membuat Permohonan Pembentukan.

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak untuk menolak atau menggantung Permohonan Pembentukan jika:

- (i) Permohonan Pembentukan adalah tidak jelas, salah atau kabur (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) agregat Blok(-blok) Unit Pembentukan berhubung dengan Permohonan Pembentukan dan bilangan Unit dalam terbitan pada masa itu melebihi saiz Dana yang dibenarkan;
- (iii) Pengurus percaya secara munasabah bahawa penerimaan Sekuriti Pembentukan adalah menyalahi undang-undang;
- (iv) jika mana-mana bursa saham yang Dana melabur dalamnya ditutup; atau
- (v) Pengurus telah menggantung hak Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Pembentukan selaras dengan Surat Ikatan.

Selain itu, Pemegang Amanah boleh melalui notis kepada Pengurus menolak untuk:

- (I) membentuk Unit-unit; atau
- (II) membentuk Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus,

apabila Pemegang Amanah berpendapat bahawa pembentukan tersebut adalah bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau bahawa ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang sekuriti terpakai.

Permohonan Pembentukan apabila telah diserahkan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa persetujuan Pengurus. Apabila Unit-unit telah dibentuk, Pengurus akan melaksanakan, untuk akaun Dana, penerbitan Unit-unit kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Unit-unit didenominasi dalam RM (kecuali ditentukan selainnya oleh Pengurus) dan tidak ada pecahan Unit akan dibentuk atau diterbitkan oleh Pengurus.

Pembentukan dan terbitan Unit-unit selaras dengan Permohonan Pembentukan akan dilaksanakan pada Tarikh Dagangan. Unit-unit akan dianggap dibentuk dan diterbitkan dengan menggunakan NAV setiap Dana pada Masa Penilaian tersedia terakhir pada Tarikh Dagangan dan Daftar (sekiranya diselenggara) akan dikemas kini pada Tarikh Terbitan atau Hari Urus Niaga sebaik sahaja selepas Tarikh Terbitan jika tempoh penyelesaian dilanjutkan.

Permohonan Pembentukan yang diterima daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian pada hari yang bukan Hari Urus Niaga atau diterima selepas Tarikh Akhir untuk Hari Urus Niaga akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Urus Niaga berikutnya.

Apa-apa komisen, imbuhan atau jumlah lain yang perlu dibayar oleh Pengurus kepada mana-mana ejen atau orang lain berhubung dengan terbitan atau jualan mana-mana Unit tidak akan ditambah kepada Harga Terbitan Unit tersebut dan tidak akan dibayar daripada Aset-aset Dana.

Pengurus berhak untuk menolak untuk memasukkan (atau membenarkan untuk dimasukkan) Unit-unit dalam Daftar jika pada bila-bila masa Pengurus berpendapat bahawa peruntukan Surat Ikatan, berhubung dengan terbitan Unit-unit, dilanggar.

#### 5.2.4 Penebusan Tunai

##### (i) Prosedur untuk Penebusan Tunai

Pengurus mempunyai hak eksklusif, pada bila-bila masa dan dari masa ke masa melalui notis bertulis kepada Pemegang Amanah, untuk mengarahkan Pemegang Amanah melaksanakan pengurangan Dana pada mana-mana Hari Urus Niaga dengan mengarahkan Pemegang Amanah supaya membatalkan bilangan Unit yang ditetapkan dalam notis tersebut selepas Pengurus menerima Permohonan Penebusan daripada Pemegang Unit (melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian).

Pengurus akan pada setiap Hari Urus Niaga menentukan Jumlah Penebusan untuk Hari Urus Niaga tersebut dan akan menyiaran maklumat tersebut pada lama web Dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my) dan laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) sebelum pasaran dibuka.

Saiz semasa satu (1) Blok Unit Penebusan ialah 418,000 Unit.

Untuk berkuat kuasa, Permohonan Penebusan:

- (i) mesti diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam bentuk dan kandungan yang memenuhi dan disertai dengan dokumen yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah dan Pengurus dan selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Surat Ikatan;
- (ii) mesti disokong dengan sijil-sijil yang diperlukan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan penebusan Unit-unit;
- (iii) mesti disokong oleh sijil-sijil lain dan pendapat peguam sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pemegang Amanah dan Pengurus bagi memastikan kepatuhan undang-undang terpakai;

- (iv) mesti dalam Blok Unit Penebusan atau gandaannya; dan
- (v) mesti menyatakan orang yang bagi pihaknya Permohonan Penebusan dibuat (jika berkenaan).

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan jika:

- (i) Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, salah atau kabur (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) bilangan Unit berhubung dengan Permohonan Penebusan yang diterima oleh Pengurus melebihi had untuk penebusan pada Hari Urus Niaga;
- (iii) Pengurus telah menggantung hak Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan penebusan selaras dengan Surat Ikatan;
- (iv) jika mana-mana bursa saham yang Dana melabur dalamnya ditutup; atau
- (v) pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan mungkin melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan/atau Surat Ikatan ini.

Selain itu, Pemegang Amanah boleh melalui notis kepada Pengurus menolak untuk:

- (I) menebus Unit-unit; atau
- (II) menebus Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus,

apabila Pemegang Amanah berpendapat bahawa penebusan tersebut adalah bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau bahawa ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang sekuriti terpakai.

Permohonan Penebusan hanya akan dibuat atau diterima (mengikut keadaan) pada Hari Urus Niaga dan hanya berhubung dengan Unit-unit yang termasuk dalam Blok Unit Penebusan atau gandaannya dan hanya akan diterima jika dibuat oleh atau melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan terma Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jika Permohonan Penebusan diterima pada hari yang bukan Hari Urus Niaga atau diterima selepas Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Urus Niaga, Permohonan Penebusan tersebut akan dianggap sebagai telah diterima pada pembukaan perniagaan pada Hari Urus Niaga berikutnya, yang akan menjadi Tarikh Dagangan untuk tujuan Permohonan Penebusan tersebut. Untuk tujuan penilaian, Masa Penilaian berkaitan ialah Masa Penilaian tersedia terakhir pada Tarikh Dagangan.

Pengurus akan, apabila menerima Permohonan Penebusan berkuat kuasa, mengarahkan Pemegang Amanah supaya melaksanakan penebusan Unit-unit berkenaan yang ditetapkan dalam Permohonan Penebusan untuk Jumlah Penebusan dan jumlah tersebut dibayar dalam tunai oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah.

Tertakluk kepada penggantungan sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Ikatan, Permohonan Penebusan apabila telah diserahkan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa persetujuan awal Pengurus dan Unit-unit tidak boleh dijual. Pengurus boleh mengenakan Yuran Pembatalan Permohonan Penebusan berhubung dengan setiap pembatalan Permohonan Penebusan yang terima.

Sebarang Jumlah Penebusan yang perlu dibayar kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Permohonan Penebusan boleh dipindahkan atau dibayar lebih awal tetapi selain itu akan dipindahkan dan dibayar pada Tarikh Penebusan dengan syarat bahawa:

- (i) Permohonan Penebusan ditandatangani sewajarnya oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian (sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengurus dan, apabila apa-apa jumlah yang akan dibayar melalui pemindahan telegraf ke dalam akaun bank, disahkan menggunakan kaedah sebagaimana yang dikehendaki dan memuaskan, Pemegang Amanah) telah diterima oleh Pengurus;
- (ii) Unit-unit yang ditetapkan dalam Permohonan Penebusan telah diserahkan kepada Pemegang Amanah menjelang masa sebagaimana yang Pemegang Amanah dan Pengurus akan tetapkan pada masa ini selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian; dan
- (iii) Yuran Permohonan Penebusan yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian telah dibayar sepenuhnya.

Pada Tarikh Penebusan berkenaan, berhubung dengan Permohonan Penebusan berkuat kuasa:

- Unit-unit, yang menjadi subjek Permohonan Penebusan, akan ditebus dan dibatalkan;
- saiz Dana akan dikurangkan oleh pembatalan Unit-unit tersebut tetapi, untuk tujuan penilaian sahaja, Unit-unit tersebut akan dianggap telah ditebus dan dibatalkan selepas Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan;
- nama Pemegang Unit bagi Unit-unit ini akan dikeluarkan daripada Daftar (jika diselenggara) berhubung dengan Unit-unit tersebut pada Tarikh Penebusan berkenaan; dan
- Pemegang Amanah membayar Jumlah Penebusan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian (dengan potongan sebagaimana yang dibenarkan oleh Surat Ikatan).

Apabila Unit-unit akan ditebus pada mana-mana Tarikh Penebusan, Pengurus akan melaksanakan sebarang jualan Aset-aset Dana yang diperlukan untuk menyediakan tunai yang diperlukan untuk membayar Jumlah Penebusan untuk semua Unit-unit yang ditebus dan memaklumkan Pemegang Amanah bahawa Unit-unit tersebut akan ditebus dan dibatalkan.

Tidak ada Jumlah Penebusan yang akan dibayar kecuali jika Unit-unit yang adalah subjek Permohonan Penebusan telah diserahkan kepada Pengurus untuk penebusan menjelang masa tertentu pada Tarikh Penebusan sebagaimana yang Pemegang Amanah dan Pengurus akan tentukan pada masa ini untuk Permohonan Penebusan secara am. Berhubung perkara ini, ia adalah tanggungjawab Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk memastikan yang Blok Unit Penebusan diserahkan sewajarnya kepada Pemegang Amanah.

Sekiranya dokumen-dokumen tersebut tidak diserahkan kepada Pengurus selaras dengan Surat Ikatan:

- Permohonan Penebusan akan dianggap tidak pernah dibuat (kecuali bahawa Yuran Permohonan Penebusan akan kekal tertunggak dan perlu dibayar);
- Pengurus boleh mengenakan caj kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian, untuk akaun Dana, Yuran Pembatalan Permohonan Penebusan dan sebarang kerugian yang berlaku berhubung dengan penjualan Aset-aset Dana dan apa-apa kos yang ditanggung oleh Dana berhubung dengan penebusan gagal tersebut; dan
- jumlah (sekiranya ada) yang Harga Penebusan melebihi Harga Terbitan (yang akan terpakai jika Pengurus telah menerima Permohonan Pembentukan pada tarikh yang Unit-unit tersebut akan ditebus).

(ii) Had ke atas Penebusan setiap Hari Urus Niaga

Sekiranya jumlah bilangan Unit berhubung dengan Permohonan Penebusan diterima oleh Pengurus pada Hari Urus Niaga melebihi dua puluh lima peratus (25%) (atau peratus lebih tinggi yang Pengurus mungkin tentukan) NAV Dana pada Hari Dagangan tersebut, Pengurus berhak untuk mengehadkan jumlah bilangan Unit yang Pemegang-pemegang Unit berhak untuk tebus pada Tarikh Dagangan tersebut kepada dua puluh lima peratus (25%) (atau peratus lebih tinggi yang Pengurus mungkin tentukan) daripada NAV Dana.

Mana-mana Unit yang, disebabkan kuasa yang diberikan kepada Pengurus yang disebut di atas, tidak ditebus berhubung dengan Hari Urus Niaga tertentu ("Hari Urus Niaga berkenaan pertama") akan dibawa ke hadapan untuk penebusan pada Hari Urus Niaga selepas Hari Urus Niaga berkenaan pertama (Hari Urus Niaga tersebut selepas ini akan dirujuk sebagai "Hari Urus Niaga berkenaan kedua").

Pengurus akan memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian tentang peratus lebih tinggi (sekiranya ada) NAV Dana yang Unit-unit dibenarkan untuk ditebus dan bilangan Unit yang penebusannya telah ditunda dalam satu (1) Hari Urus Niaga selepas Tarikh Penebusan berhubung dengan Hari Urus Niaga berkenaan pertama dan bahawa (tertakluk sebagaimana yang dinyatakan di atas) ia akan ditebus pada Hari Urus Niaga berkenaan kedua.

Sekiranya Permohonan Penebusan dibawa ke hadapan seperti yang dinyatakan di atas, mana-mana Permohonan Penebusan lain yang diterima selepas Hari Urus Niaga berkenaan pertama dan sebelum Hari Urus Niaga berkenaan kedua juga akan dibawa ke hadapan, dan dianggap sebagai Permohonan Penebusan yang diserahkan pada Hari Urus Niaga berkenaan kedua. Permohonan Penebusan yang dibawa ke hadapan daripada Hari Urus Niaga berkenaan pertama akan ditebus dengan diberikan keutamaan mengatasi Permohonan Penebusan yang diterima selepas hari Urus Niaga berkenaan pertama tersebut.

### 5.3 Pengiraan Harga Terbitan, Harga Penebusan dan IOPV setiap Unit

Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Harga Terbitan atau Harga Penebusan setiap Unit bagi mana-mana Hari Urus Niaga berkaitan akan, tertakluk kepada syarat-syarat di bawah, dikira oleh Pengurus dan, jika diminta untuk melakukannya oleh Pemegang Unit, tidak lewat daripada satu (1) bulan selepas Tarikh Dagangan berkaitan, disahkan oleh Pemegang Amanah, dan akan didasarkan pada NAV Dana pada Masa Penilaian tersedia terakhir pada Tarikh Dagangan dibahagi dengan bilangan Unit dalam terbitan pada masa itu dan dianggap berada dalam terbitan, dibundarkan kepada empat (4) tempat perpuluhan terdekat dengan mana-mana jumlah 0.00005 dibundarkan atau menggunakan kaedah yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa dan pada bila-bila masa dengan kelulusan Pemegang Amanah. Manfaat mana-mana pembundaran ini akan terakru kepada Dana.

Pengurus boleh menambah kepada Harga Terbitan (tetapi tidak memasukkan ke dalamnya) jumlah tersebut (sekiranya ada) sebagaimana yang Pengurus anggap mewakili peruntukan sesuai untuk Kos Urus Niaga yang adalah untuk akaun Dana.

Melainkan diarahkan untuk berbuat demikian oleh Pemegang Unit, tidak lewat daripada satu (1) bulan selepas Tarikh Dagangan berkaitan, Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab untuk menyemak pengiraan Harga Terbitan dan/atau Harga Penebusan tetapi berhak pada bila-bila masa untuk menghendaki Pengurus benarkan perkara yang sama. Pemegang Amanah berhak untuk menghendaki Pemegang Unit membayar untuk semua kos munasabah bagi Pemegang Amanah melaksanakan permohonan Pemegang Unit untuk menyemak pengiraan Harga Terbitan dan/atau Harga Penebusan

IOPV setiap Unit, yang adalah NAV setiap Unit Pembentukan *In-Kind Basket*, dikira pada setiap Hari Perniagaan seperti berikut:

- (i) mendarab harga penutup saham-saham dalam Pembentukan *In-Kind Basket*;

- (ii) menambah Komponen Tunai; dan
- (iii) membahagikan angka yang diperoleh daripada pengiraan dalam perenggan (ii) dengan bilangan Unit yang termasuk dalam Blok Unit Pembentukan.

Maklumat tentang IOPV setiap Unit boleh diperoleh daripada laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) dan laman web Dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my).

#### **5.4 Pencairan dan Caj Pencairan**

NAV Dana boleh berkurangan disebabkan kos yang ditanggung dalam melabur langganan tunai yang diterima bagi permohonan untuk Unit-unit, dalam membayar hasil penebusan tunai ke atas penebusan Unit-unit, atau ditanggung berhubung dengan dagangan dalam sekuriti portfolio, duti, cukai atau lain-lain kos biasa bagi Dana. Selain itu, mungkin terdapat kos pencairan disebabkan perbezaan di antara harga belian dan jualan sekuriti tersebut dan nilai pasaran sekuriti ini. Untuk mengelak apa-apa kesan buruk mungkin ke atas pelaburan anda dalam Dana dan untuk mengelakkan pencairan harta Dana disebabkan duti dan caj tersebut dan/atau kos pencairan, Pengurus mempunyai budi bicara untuk mengenakan ke atas anda yuran yang terdiri daripada caj-caj biasa dan caj pencairan bagi memampas sebarang penurunan dalam NAV Dana apabila Unit-unit dibentuk atau ditebus. Apa-apa yuran yang dibayar kepada Dana akan menjadi sebahagian daripada harta Dana. Yuran tersebut (sekiranya ada) akan ditentukan oleh Pengurus sebagaimana yang Pengurus anggap mewakili peruntukan sesuai untuk duti dan caj. Jika duti dan caj sebenar yang ditanggung oleh Dana adalah lebih rendah daripada peruntukan Pengurus untuknya, perbezaan tersebut adalah untuk manfaat Dana dan setakat yang duti dan caj tersebut ditanggung oleh Dana adalah lebih tinggi daripada peruntukan untuknya, maka apa-apa kekurangan tersebut akan ditanggung oleh Dana.

#### **5.5 Memperoleh maklumat mengenai Pembentukan *In-Kind Basket* dan Penebusan *In-Kind Basket***

Butir-butir mengenai Pembentukan *In-Kind Basket* dan Penebusan *In-Kind Basket* dan saiz Blok Unit Pembentukan dan Blok Unit Penebusan sepadan akan disediakan melalui pengumuman harian oleh Pengurus pada Bursa Securities dan saluran lain, mengikut keadaan. Pengurus tidak akan bertanggungjawab ke atas kesilapan butir-butir yang diterbitkan atau untuk sebarang butir-butir yang tidak diterbitkan, tidak disiarkan atau siaran lewat dan tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil atau kerugian yang anda tanggung kerana bergantung pada penerbitan atau siaran ini (mengikut keadaan).

#### **5.6 Perdagangan Unit**

Unit-unit Dana disenaraikan untuk perdagangan pada Bursa Securities. Unit-unit boleh dibeli dan dijual sepanjang hari dagangan seperti lain-lain saham-saham yang didagang secara awam. Tidak ada pelaburan minimum. Walaupun Unit-unit secara amnya dibeli dan dijual pada "lot niaga" seratus (100) Unit, firma pembrokeran mungkin membenarkan anda membeli atau menjual Unit-unit dalam "lot ganji" yang lebih kecil, walaupun harga Unit-unit yang didagangkan dalam "lot ganji" mungkin berbeza daripada Unit-unit yang dibeli dan dijual dalam "lot niaga".

Apabila membeli atau menjual Unit-unit melalui broker, anda akan menanggung yuran pembrokeran, duti setem dan yuran penjelasan yang biasa.

Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit akan didepositkan secara langsung dengan Bursa Depository dan sebarang dagangan dalam Unit-unit akan dilaksanakan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan Bursa Depository.

Sebagai pelabur, anda adalah pemilik benefisial Unit-unit sebagaimana yang ditunjukkan dalam rekod Bursa Depository. Bursa Depository berfungsi sebagai depositori sekuriti untuk semua Unit Dana. Sebagai pemilik benefisial Unit-unit, anda tidak berhak untuk menerima penyerahan fizikal sijil Unit atau mendaftarkan Unit-unit di atas nama anda, dan anda tidak dianggap sebagai pemilik berdaftar Unit-unit. Oleh itu, untuk melaksanakan apa-apa hak sebagai pemilik Unit-unit, anda mesti bergantung apda prosedur Bursa Depository. Prosedur ini adalah sama seperti yang terpakai untuk sekuriti yang tersenarai pada Bursa Securities.

Pelabur-pelabur boleh membuka akaun CDS dengan menghubungi mana-mana organisasi yang mengambil bahagian. Senarai organisasi yang mengambil bahagian boleh didapati di laman web Bursa Securities di [https://www.bursamalaysia.com/trade/trading\\_resources/brokers\\_for\\_equities/list\\_of\\_participating\\_organisations](https://www.bursamalaysia.com/trade/trading_resources/brokers_for_equities/list_of_participating_organisations).

#### *Harga Dagangan Unit*

Harga dagangan Unit pada Bursa Securities mungkin berbeza daripada NAV dan IOPV setiap Unit harian dan boleh dipengaruhi oleh kuasa pasaran seperti bekalan dan penawaran, keadaan ekonomi dan lain-lain faktor. Anda boleh menjelak harga pasaran semasa Unit melalui laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) setiap hari.

Unit-unit akan didagangkan pada Pasaran Utama Bursa Securities sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa Securities selaras dengan peraturan *tick-size* sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa Securities. Ini mungkin berbeza daripada tebaran bida/tawar sekuriti mendasari.

#### *Penyediaan Kecairan*

Adalah menjadi hasrat Pengurus untuk memudahkan penyediaan kecairan untuk anda melalui pelantikan Peniaga yang Mengambil Bahagian / penyedia kecairan yang dikehendaki menjaga pasaran untuk Unit-unit. Dalam menjaga pasaran untuk Unit-unit, Peniaga yang Mengambil Bahagian mungkin merealisasi keuntungan atau menanggung kerugian. Sebarang keuntungan yang diperoleh oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh disimpan oleh mereka untuk manfaat mutlak mereka dan mereka tidak bertanggungjawab untuk memberikan penjelasan kepada Pemegang Amanah mengenai keuntungan tersebut.

Walaupun Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh membeli dan menjual Unit-unit sebagaimana pelabur runcit melalui Bursa Securities, tidak ada jaminan atau kepastian berhubung harga yang akan terbentuk di pasaran. Senarai Peniaga yang Mengambil Bahagian yang dilantik oleh Pengurus boleh diperoleh daripada laman web Bursa Securities. Pengurus juga akan memaklumkan Bursa Securities mengenai sebarang perubahan kepada senarai Peniaga yang Mengambil Bahagian.

#### *Mengikuti perkembangan terbaru Dana / Khidmat Pelanggan yang disediakan oleh Pengurus*

Salinan laporan separuh tahunan dan tahunan Dana ("Laporan") akan disiarkan di laman web dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my). Pengurus akan menghantar salinan laporan tahunan Dana kepada anda secara percuma dalam tempoh dua (2) bulan dari akhir tahun / tempoh kewangan Dana. Selain laman web Dana, anda boleh mendapatkan salinan bercetak Laporan dari pejabat Pengurus pada waktu perniagaan biasa atau membuat permohonan bertulis kepada Pengurus untuk Laporan dihantar kepada anda melalui pos. Salinan tambahan Laporan akan dihantar kepada anda selepas menerima pembayaran sejumlah yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus.

Apabila berkenaan, Pengurus akan menghantar kepada anda baucar cukai mereka yang mengandungi maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan penyata cukai.

Maklumat terkini tentang Dana termasuk tetapi tidak terhad kepada harga Unit atau NAV setiap Unit Dana boleh diperoleh daripada laman web Pengurus dan sebagaimana yang diumumkan pada Bursa Securities dari masa ke masa.

## **5.7 Penggantungan sementara penentuan NAV dan dagangan dalam Unit**

Tertakluk kepada undang-undang terpakai, Pengurus boleh, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan setelah memertimbangkan kepentingan Pemegang-pemegang Unit, menggantung dagangan Unit disebabkan keadaan luar biasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) mana-mana tempoh apabila Bursa Securities ditutup;
- (b) mana-mana tempoh yang dagangan Unit-unit pada Bursa Securities dibataskan atau digantung atas arahan yang dikeluarkan oleh SC atau Bursa Securities;
- (c) mana-mana tempoh apabila penyelesaian atau penjelasan sekuriti dalam Rumah Penjelasan terganggu;
- (d) kewujudan apa-apa keadaan yang disebabkannya penyerahan Pelaburan yang Dibenarkan yang termasuk dalam Pembentukan *In-Kind Basket* atau Penebusan *In-Kind Basket* atau pelupusan Pelaburan yang Dibenarkan untuk masa ini yang termasuk dalam Aset-aset Dana tidak dapat, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dilaksanakan seperti biasa atau tanpa menjaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (e) mana-mana tempoh apabila, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dana tidak boleh dibayar seperti biasa daripada Aset-aset Dana tanpa menjaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (f) mana-mana tempoh apabila Penanda Aras tidak disusun atau disiarkan;
- (g) sebarang gangguan dalam kaedah yang biasanya digunakan dalam menentukan NAV Dana atau NAV setiap Unit atau Liabiliti atau apabila atas apa-apa sebab lain nilai mana-mana Pelaburan yang Dibenarkan yang pada masa ini termasuk dalam Aset atau Liabiliti Dana tidak dapat ditentukan dengan segera dan tepat;
- (h) kewujudan apa-apa keadaan yang pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin menjaskan secara ketara kepentingan Pemegang-pemegang Unit secara keseluruhan atau Aset-aset Dana;
- (i) mana-mana tempoh empat puluh lapan (48) jam (atau tempoh lebih panjang tertentu sebagaimana yang dipersetujui Pengurus dan Pemegang Amanah) sebelum tarikh mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit (atau mana-mana mesyuarat yang ditangguhkan);
- (j) mana-mana tempoh apabila operasi Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhenti dan/atau digantung atas arahan SC; atau
- (k) mana-mana tempoh yang operasi perniagaan Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung dengan pengendalian Dana terganggu dengan ketara atau ditutup disebabkan atau berpunca daripada *force majeure*.

apabila terdapat sebab yang baik dan memadai untuk melakukannya dan apabila berkenaan, nilai pasaran atau nilai saksama bahagian material Aset-aset Dana tidak boleh ditentukan. Apabila penggantungan ini dicetuskan, Pengurus akan memaklumkan semua Pemegang Unit dengan segera dan secara yang sesuai mengenai keputusannya untuk menggantung dagangan dalam Unit.

## **6. MENGENAI PENGURUS**

### **6.1 Maklumat Korporat**

AmFunds Management Berhad [No. Pendaftaran: 198601005272 (154432-A)] (“AFM”) telah diperbadankan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 9 Julai 1986 dan dimiliki sepenuhnya oleh AmlInvestment Bank Berhad berkuat kuasa dari 21 Julai 2016. Pada LPD, AFM mempunyai lebih daripada tiga puluh (30) tahun pengalaman dalam industri amanah saham.

Berkuat kuasa dari 1 Disember 2014, AFM adalah pemegang Lesen Pasaran Modal dan Perkhidmatan bagi kegiatan berperaturan pengurusan dana berhubung dengan pengurusan portfolio, yang menguruskan sekuriti yang terhad kepada dana amanah saham dan menguruskan skim persaraan swasta yang diterbitkan di bawah CMSA.

### **6.2 Tugas dan Tanggungjawab**

Pengurus bertanggungjawab menetapkan polisi-polisi dan objektif pelaburan untuk Dana. Pengurus juga bertanggungjawab mempromosi dan mentadbir Dana, yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada penerbitan Unit-unit, menyediakan dan menerbitkan dokumen-dokumen penawaran Dana.

### **6.3 Pengarah dan Personel Penting**

Lembaga pengarah AFM (“Lembaga Pengarah”), melaksanakan kawalan muktamad ke atas operasi AFM. Lembaga Pengarah bermesyuarat setiap dua (2) bulan untuk berbincang dan membuat keputusan mengenai strategi perniagaan, keutamaan operasi dan kaedah menguruskan risiko dalam AFM.

Lembaga Pengarah bertindak untuk memastikan yang risiko pelaburan dan risiko operasi diawasi dan diuruskan. Ia juga memastikan yang operasi AFM mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dan pihak berkuasa peraturan.

#### **Ahli-ahli Lembaga Pengarah**

Berkuat kuasa dari 18 April 2025, ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- **Puan Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Pengerusi, Bebas)**, berusia 67 tahun, dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 1 Julai 2021 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Beliau dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2025. Beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi Analisis) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sains (Kewangan) dari University of Strathclyde, Glasgow, Scotland, dan ijazah Sarjana kedua dalam Psikologi Pengurusan (separuh masa) dari HELP University, Kuala Lumpur. Beliau juga adalah Jurulatih Profesional Berkelayakan (Corporate Coach Academy) dan pengantara bertauliah di bawah Pusat Pengantaraan Malaysia. Sepanjang kerjayanya, beliau telah memegang jawatan kanan di Bank Negara Malaysia, SC and Value Partners Hong Kong, sebuah syarikat pengurusan aset yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong. Kini beliau adalah anggota panel pengantara untuk Financial Markets Ombudsman Service. Beliau pada masa ini adalah anggota lembaga Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia, Pimpinan Ehsan Berhad, AmREIT Managers Sdn Bhd dan Pacific Trustees Group International Sdn Bhd.
- **Encik Ng Chih Kaye (Bebas)**, berusia 69 tahun, dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 1 Julai 2021 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Beliau juga adalah Pengerusi bersama Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko AFM dan AmlIslamic Funds Management Sdn Bhd (“FMD ARMC”). Beliau memulakan kerjayanya di firma Chartered Accountants di London dan kemudian di KPMG, Kuala Lumpur. Seterusnya beliau berkhidmat di Malayan Banking Berhad selama dua puluh lima (25) tahun dalam bidang audit dalaman, kawalan kredit dan pemulihan aset sehingga beliau bersara sebagai Naib Presiden Eksekutif pada 2010. Beliau adalah pemeriksa untuk Institut Jurubank Berkanun Asia (“AICB”) selama lebih dua puluh (20) tahun dan kini adalah

Ketua Pemeriksa untuk Risiko Perbankan. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (“MIA”) dan Fellow di Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), United Kingdom. Beliau kini adalah ahli lembaga AmBank (M) Berhad.

- **Encik Lim Kheng Swee, Ronnie (Bebas)**, berusia 60 tahun, dilantik ke Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2025 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Beliau adalah Ahli FMD ARMC. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan adalah Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia sejak 2003. Beliau juga adalah Pengarah Korporat Bertauliah FIDE sejak 2011 dan telah menyertai Program Kepimpinan Eksekutif Kanan dan adalah Alumni Universiti Oxford, Harvard dan Cambridge. Sebagai seorang yang berpegang pada pembelajaran berterusan, beliau kini adalah Rakan Sekutu Kanan di Melbourne Business School dan Penasihat Strategik kepada RinggitPlus (sebuah syarikat teknologi kewangan). Beliau memperoleh akreditasi Akauntan Pengamal Bertauliah daripada CPA Australia dengan status Fellow pada 2024.

Beliau memulakan kerjayanya dengan Standard Chartered Bank dan memegang pelbagai jawatan kanan sepanjang perkhidmatannya selama dua puluh dua (22) tahun di dalam negara dan di Singapura. Pada 2011, beliau menyertai Alliance Bank Malaysia Berhad sebagai Ketua Kumpulan Perbankan Pengguna dan pada 2015 beliau beralih untuk berkhidmat di Merchant Trade Asia (sebuah syarikat teknologi kewangan) sebagai Pengurus Besar Kanan unit Perkhidmatan Kewangan dan Pembayaran. Seterusnya, pada tahun yang sama, beliau menyertai UOB Bank Malaysia Berhad (“UOB”) sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Negara Perkhidmatan Kewangan Peribadi (Runcit). Beliau bersara pada 2024 (ketika berusia 60 tahun) selepas berkhidmat di UOB selama sembilan (9) tahun.

- **Encik Kevin Wong Weng Tuck (Bukan Bebas)**  
Encik Kevin Wong Weng Tuck, berusia 52 tahun, dilantik ke Lembaga Pengarah pada 18 April 2025 sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas. Beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif AFM dan menyelia jenama AmlInvest, yang merangkumi perniagaan pengurusan dana di kedua-dua AFM dan AmlIslamic Funds Management Sdn. Bhd. (“AIFM”).

Dengan pengalaman tiga puluh (30) tahun dalam perkhidmatan kewangan, pasaran modal dan pengurusan dana, beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Utama AIFM. Dalam melaksanakan tugas ini, beliau mengetuai pembangunan perniagaan dan pemasaran untuk dana Islam di samping menyelia kepatuhan Syariah dan tadbir urus untuk AIFM dan portfolio pelaburannya. Beliau juga berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Pelaburan (“CIO”) AIFM, menguruskan strategi pelaburan, peruntukan aset dan pembinaan portfolio untuk semua dana di bawah pengurusan. Di samping itu, beliau adalah pengurus dana yang dilantik untuk semua dana Islam yang diuruskan oleh AIFM.

Beliau memulakan kerjayanya dengan AFM pada 2000 sebagai juruanalisis pelaburan. Sebelum menjadi CIO, beliau adalah Naib Presiden Kanan dan Ketua Penyelidikan yang mengetuai pasukan lima belas (15) juruanalisis meliputi bidang arah aliran ekonomi, polisi kewangan, sektor industri dan syarikat-syarikat merentasi lapan belas (18) negara.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Monash University, Australia dan Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk aktiviti terkawal pengurusan dana.

#### **Ahli-ahli Personel Penting**

Berkuat kuasa dari 18 April 2025, ahli-ahli personel penting AFM adalah seperti berikut:

- **Encik Kevin Wong Weng Tuck – Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)**  
(silar rujuk di atas)
- **Encik Wong Yew Joe – Ketua Pegawai Pelaburan (CIO)**  
Encik Wong Yew Joe, berusia 49 tahun, ialah Ketua Pegawai Pelaburan AFM yang menyelia pelaburan syarikat merentasi semua kelas aset, termasuk analisis pelaburan, strategi pelaburan

dan kedudukan portfolio dana di bawah pengurusan. Beliau adalah pengurus dana yang ditetapkan untuk AFM bagi semua amanah saham, dana borong, skim pelaburan swasta dan ETF yang diuruskan oleh AFM. Beliau mempunyai pengalaman lebih dua puluh (20) tahun dalam perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana. Beliau memainkan peranan penting dalam pembangunan produk, pembangunan perniagaan dan menguruskan perhubungan klien. Pada 2006, Yew Joe menyertai AFM sebagai pengurus dana. Jawatan terakhir yang dipegangnya sebelum menjadi CIO ialah Ketua Pendapatan Tetap (Islam), yang menyelia pelaburan dalam sukuk dan instrumen pendapatan Islam. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan) daripada University of Southern Queensland, Australia. Beliau juga adalah pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk aktiviti terkawal pengurusan dana.

#### **Pengurus Dana yang Ditetapkan bagi Dana**

- **Encik Wong Yew Joe**  
(Sila rujuk di atas)

#### **6.4 Jawatankuasa Pelaburan**

Ahli jawatankuasa pelaburan bermesyuarat sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun untuk memastikan pelaburan Dana adalah selaras dengan:

- (a) objektif pelaburan Dana;
- (b) Surat Ikatan;
- (c) Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang terpakai;
- (d) sekatan dan polisi pelaburan dalaman; dan
- (e) amalan pengurusan pelaburan yang boleh diterima dan berkesan dalam industri.

Berkuat kuasa dari 23 April 2025, jawatankuasa pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli berikut:

- Encik Jeroen Thijs (Pengerusi, Bebas)
- Cik Goh Wee Peng (Bukan Bebas)
- Encik Kevin Wong Weng Tuck (Bukan Bebas)
- Encik Mirza Shah Bin Abdul Rahim Shah (Bukan Bebas)

Profil jawatankuasa pelaburan Dana adalah seperti berikut:

- **Encik Jeroen Thijs (Pengerusi)**

Encik Jeroen Thijs dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan AFM dan AIFM pada 1 Januari 2025. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Perniagaan dan Kewangan daripada Erasmus University, Rotterdam, Belanda dan juga adalah Jurubank Berkanun, AICB.

Encik Jeroen mempunyai lebih tiga puluh tiga (33) tahun pengalaman dalam pengurusan risiko, perbankan korporat, kewangan berstruktur, dan fungsi pertadbahaaran. Beliau telah bekerja di seluruh Asia dan Eropah. Sejak 2009, beliau berpangkalan di Malaysia dan memperoleh pendedahan luas kepada dan kefahaman tentang model perbankan konvesional dan Islam, dan juga lanskap risiko di Malaysia. Encik Jeroen memulakan kerjayanya sebagai juruanalisis kredit dengan Rabobank International di Singapura sebelum menjawat jawatan kanan di ABN AMRO Bank di Jepun, Singapura, Belanda dan United Kingdom. Sebelum menyertai Kumpulan Ambank,

beliau memegang jawatan penting di institusi-institusi perbankan terkenal, termasuk Ketua Pegawai Risiko Negara di OCBC Bank Malaysia dan Ketua Pegawai Risiko di Bank Islam Malaysia.

- **Cik Goh Wee Peng**

Cik Goh Wee Peng dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaburan AFM dan AIFM pada 23 April 2025. Beliau ialah Pengarah Urusan bagi Pengurusan Kekayaan Bersepadu dan ahli Pasukan Pengurusan Kanan Kumpulan AmBank. Beliau mengetuai pelaksanaan strategi kekayaan bersepadu Kumpulan AmBank, yang mengguna pakai semula keupayaan Kumpulan ini dalam produk dan penyelesaian untuk memenuhi keperluan pelanggan merentasi kedua-dua segmen individu dan korporat, dan dengan itu mengembangkan perkhidmatan pengurusan kekayaan kami.

Beliau mempunyai lebih daripada dua puluh (20) tahun pengalaman dalam industri kewangan, termasuk enam belas (16) tahun dalam pengurusan dana. Kepakaran kewangannya merangkumi pembrokeran wang, perdagangan bon dan pengurusan dana.

Sebelum dilantik ke jawatan semasanya, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”) AmlInvest, jenama yang mewakili perniagaan pengurusan Dana AFM dan AIFM, yang kedua-duanya adalah anak syarikat dimiliki sepenuhnya AmlInvestment Bank Berhad. AmlInvest ialah gedung dana yang telah memenangi pelbagai anugerah dengan lebih empat (4) dekad pengalaman pelaburan. Sebagai menghargai kepimpinan cemerlangnya, beliau telah dikurniakan anugerah CEO of the Year untuk Malaysia oleh Asia Asset Management dalam Best of the Best Awards 2025. Sebelum dilantik menjadi CEO pada Ogos 2018, beliau telah menjawat pelbagai jawatan pengurusan kanan dalam AmlInvest, termasuk Pemangku CEO, Timbalan CEO dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Pendapatan Tetap.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Ekonomi dan Kewangan) daripada RMIT University, Melbourne, Australia.

- **Encik Kevin Wong Weng Tuck**

(Sila rujuk di atas)

- **Encik Mirza Shah Bin Abdul Rahim Shah**

Encik Mirza Shah Bin Abdul Rahim Shah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaburan AFM dan AIFM pada 23 April 2025. Beliau adalah Pegawai Utama (“PO”) AIFM. Tanggungjawab beliau termasuk pembangunan perniagaan dan pemasaran dana Islam, selain menguruskan kepatuhan Syariah dan tadbir urus AIFM dan portfolio pelaburannya.

Beliau telah berkhidmat di Kumpulan AmBank selama lebih dua puluh tujuh (27) tahun, dan telah memperoleh pengalaman luas dalam perkhidmatan kewangan, dengan pengkhususan dalam kewangan Islam merentasi perbankan korporat, pasaran modal dan pengurusan dana. Sebelum menjadi PO, beliau berkhidmat sebagai Ketua Jualan Institusi Islam dan bertanggungjawab membangunkan dan melaksanakan strategi jualan, mengetuai pasukan jualan dalam menguruskan perhubungan klien dan pertumbuhan, dan juga memastikan kepatuhan kepada prinsip-prinsip kewangan Islam.

Sebelum menyertai AIFM pada Oktober 2017, beliau adalah anggota unit Pasaran Islam dalam jabatan Pasaran Hutang di AmlInvestment Bank Berhad. Dalam peranan ini, beliau memberikan tumpuan kepada penstrukturran dan pelaksanaan penyelesaian pengumpulan dana untuk korporat dan institusi besar.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kewangan daripada Arizona State University, Amerika Syarikat dan Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang diberikan lesen oleh SC.

## **6.5 Litigasi Material**

Pada LPD, Pengurus tidak terlibat dalam mana-mana litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak yang fakta yang berkemungkinan akan membawa kepada apa-apa prosiding yang mungkin secara material menjelaskan perniagaan atau kedudukan kewangan Pengurus.

## **6.6 Program Pengenalan Pelanggan**

Berdasarkan undang-undang berkaitan Malaysia bagi anti pengubahan wang haram, kami berkewajipan untuk mencegah penggunaan Dana untuk tujuan pengubahan wang haram. Oleh itu, prosedur untuk mengenal pasti pelabur telah dilaksanakan. Berhubung dengan mana-mana Permohonan Pembentukan, Pengurus menghendaki pemohon memberikan nama mereka, tarikh lahir, nombor pengenalan pendaftaran negara, alamat kediaman dan perniagaan (dan alamat surat-menyerat sekiranya berbeza), nama pemilik benefisial, alamat benefisiari, nombor kad pengenalan pendaftaran negara benefisiari, tarikh lahir benefisiari atau lain-lain pengenalan rasmi apabila pemohon membuka atau membuka semula akaun.

Maklumat tambahan mungkin dikehendaki oleh pihak berkuasa peraturan dalam keadaan tertentu. Permohonan tanpa maklumat tersebut mungkin tidak diterima dan jumlah permohonan akan dipulangkan kepada pemohon. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Pengurus berhak untuk menetapkan had ke atas urus niaga dalam akaun pemohon sehingga identiti mereka ditentusahkan.

Sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran undang-undang terpakai, kami berkewajipan untuk memaklumkan pihak berkuasa berkaitan mengenai pelanggaran tersebut.

## **6.7 Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana**

Pada LPD, pengarah atau personel penting Pengurus tidak memegang Unit, secara langsung atau tidak langsung, dalam Dana.

Pada LPD, pemegang saham utama Pengurus, iaitu AmlInvestment Bank Berhad, mempunyai pemegangan unit langsung sebanyak 3,318,280 Unit dalam Dana.

**Untuk maklumat lanjut mengenai Pengurus dan/atau wakilnya dan apa-apa perubahan selepasnya kepada maklumat tersebut, anda boleh mendapatkan butir-butir daripada laman web kami di [www.aminvest.com](http://www.aminvest.com) atau laman web Dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my).**

## **7. MENGENAI PEMEGANG AMANAH**

### **7.1 Maklumat Korporat**

Pemegang Amanah ialah HSBC (Malaysia) Trustee Berhad [No. Pendaftaran: 193701000084 (1281-T)], sebuah syarikat yang diperbadarkan di Malaysia sejak 1937 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan alamat berdaftarnya di Aras 19, Menara IQ, Lingkaran TRX, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

### **7.2 Tugas dan Tanggungjawab**

Fungsi utama Pemegang Amanah ialah untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan kustodian Aset-aset Dana dan melindungi kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Dalam melaksanakan semua fungsi ini Pemegang Amanah mesti mengamalkan kecermatan sewajarnya, ketekunan dan berjaga-jaga dan dikehendaki bertindak selaras dengan peruntukan-peruntukan Surat Ikatan, dan CMSA dan Garis Panduan ETF. Selain menjadi pemilik sah Aset-aset Dana, Pemegang Amanah juga bertanggungjawab memastikan bahawa Pengurus melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan, CMSA dan Garis Panduan ETF. Berhubung dengan Jumlah Langganan, Sekuriti Pembentukan dan Komponen Tunai (sekiranya ada) yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk permohonan Unit, tanggungjawab Pemegang Amanah bermula apabila Jumlah Langganan, Sekuriti Pembentukan dan/atau Komponen Tunai (sekiranya ada) diterima dalam akaun berkaitan Pemegang Amanah dan berhubung dengan penebusan, tanggungjawab Pemegang Amanah dilaksanakan sebaik sahaja ia telah memindahkan Jumlah Penebusan, Sekuriti Penebusan dan/atau Komponen Tunai (sekiranya ada) selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

### **7.3 Pengalaman**

Sejak 1993, Pemegang Amanah telah memperoleh pengalaman dalam mendatadbir dana amanah saham dan telah dilantik sebagai pemegang amanah untuk dana amanah saham, ETF, dana borong dan dana dalam skim persaraan swasta.

### **7.4 Wakil Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah telah melantik The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited sebagai kustodian aset-aset tempatan dan asing Dana. The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited adalah anak syarikat dimiliki sepenuhnya HSBC Holdings Plc, sebuah syarikat pemegangan Kumpulan HSBC. Untuk pelaburan tempatan yang disebut harga dan tidak disebut harga Dana, Aset-aset Dana dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd dan/atau HSBC Bank Malaysia Berhad. Perkhidmatan kustodi komprehensif kustodian dan perkhidmatan penjelasan meliputi pemprosesan penyelesaian tradisional dan penjagaan selamat serta perkhidmatan berkaitan korporat, termasuk pelaporan tunai dan sekuriti, kutipan pendapatan dan pemprosesan acara korporat. Semua pelaburan didaftarkan di atas nama Pemegang Amanah atau menurut perintah Pemegang Amanah. Kustodian hanya bertindak selaras dengan arahan-arahan daripada Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah akan bertanggungjawab ke atas tindakan dan peninggalan wakilnya seolah-olah itu adalah tindakan dan peninggalannya sendiri.

Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab ke atas tindakan, peninggalan atau kegagalan mana-mana depositori pihak ketiga, termasuk depositori pusat atau penjelasan dan/atau penyelesaian dalam sebarang keadaan.

#### Butir-butir Wakil Pemegang Amanah

Aset tempatan dan asing:

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian)

6/F, Tower 1, HSBC Centre  
1 Sham Mong Road, Hong Kong  
No. Tel: (852) 2288 1111

Aset tempatan (untuk pelaburan tempatan Dana yang disebut harga dan tidak disebut harga):  
The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd [No. Pendaftaran: 199301004117 (258854-D)]

Aras 21  
Menara IQ  
Lingkaran TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
No. Tel.: (03) 2075 3000  
No. Faks: (03) 8894 2588

The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad [No. Pendaftaran: 198401015221 (127776-V)]

Aras 21  
Menara IQ  
Lingkaran TRX  
55188 Tun Razak Exchange  
Kuala Lumpur  
No. Tel: (03) 2075 3000  
No. Faks: (03) 8894 2588

#### **7.5 Litigasi Material**

Pada LPD, Pemegang Amanah tidak terlibat dalam apa-apa litigasi and timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak mengetahui mengenai apa-apa fakta yang boleh membawa kepada apa-apa prosiding yang mungkin secara material menjelaskan perniagaan / kedudukan kewangan Pemegang Amanah dan mana-mana daripada wakil-wakilnya.

#### **7.6 Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah telah menyatakan kesanggupannya untuk menerima jawatan sebagai pemegang amanah Dana dan semua kewajipannya selaras dengan Surat Ikatan, semua undang-undang dan peraturan undang-undang berkaitan. Pemegang Amanah berhak untuk diberikan perlindungan daripada semua kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Amanah dalam melaksanakan mana-mana daripada tugasnya atau melaksanakan mana-mana kuasanya di bawah Surat Ikatan. Hak untuk ditanggung rugi tidak akan meliputi kerugian yang disebabkan pecah amanah, ingkar amanah disengajakan, kecuaian, penipuan atau kegagalan untuk menunjukkan tahap ketelitian dan ketekunan yang diperlukan daripada Pemegang Amanah dengan mengambil kira peruntukan Surat Ikatan.

#### **7.7 Peruntukan Anti Pengubahan Wang Haram dan Anti Pembiayaan Keganasan**

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur merentasi Kumpulan HSBC, yang mungkin lebih baik daripada peraturan tempatan. Tertakluk kepada mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang berlaku kerana mematuhi polisi tersebut, kecuali apabila berlaku kecuaian, ingkar amanah disengajakan atau penipuan di pihak Pemegang Amanah.

#### **7.8 Penyata Penafian**

Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab kerana melakukan atau gagal untuk bertindak untuk tujuan mematuhi undang-undang, peraturan atau perindah mahkamah.

## **7.9 Persetujuan untuk Pendedahan**

Pemegang Amanah berhak untuk memproses, memindahkan, mengeluarkan dan mendedahkan dari masa ke masa apa-apa maklumat berkaitan Dana, Pengurus dan Pemegang-pemegang Unit untuk tujuan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan mana-mana kewajipan undang-undang dan/atau peraturan seperti melaksanakan pengurusan risiko jenayah kewangan, kepada syarikat induk Pemegang Amanah, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, gabungan, wakil, penyedia perkhidmatan, ejen dan mana-mana badan penguasa atau pihak berkuasa peraturan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia (yang kemudiannya mungkin memproses, memindahkan, mengeluarkan dan mendedahkan maklumat tersebut untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas) atas dasar bahawa penerima akan terus memelihara kerahsiaan maklumat yang didedahkan, sebagaimana yang dikehendaki undang-undang, peraturan atau arahan, atau berhubung dengan mana-mana tindakan undang-undang, atau kepada mana-mana mahkamah, agensi peraturan, badan kerajaan atau pihak berkuasa.

## **7.10 Urus Niaga Pihak Berkaitan / Percanggahan Kepentingan**

Sebagai pemegang amanah bagi Dana, mungkin terdapat urus niaga pihak berkaitan yang melibatkan atau berhubung dengan Dana dalam peristiwa berikut:

- 1) Apabila Dana melabur dalam instrumen yang ditawarkan oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah (contohnya, letakan wang dan sebagainya);
- 2) Apabila Dana diagihkan oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah sebagai Penasihat Skim Amanah Saham Institusi (IUTA);
- 3) Apabila Aset-aset Dana dijaga oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah sebagai subkustodian dan/atau kustodian global Dana (wakli Pemegang Amanah); dan
- 4) Apabila Dana memperoleh pembiayaan dan kemudahan lindung nilai sebagaimana yang dibenarkan dalam Garis Panduan ETF daripada pihak berkaitan Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur untuk menangani percanggahan kepentingan, sekiranya ada. Pemegang Amanah tidak akan menggunakan kedudukannya secara tidak wajar sebagai pemilik Aset-aset Dana untuk memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, sebarang kelebihan atau menjelaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Apa-apa urusan pihak berkaitan mesti dibuat atas temar-temar tersedia terbaik kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan Dana daripada urus niaga tulus di antara dua pihak bebas.

Tertakluk kepada perkara di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat yang berkaitan dengannya boleh berurusan dengan satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit dan mengikat kontrak atau berurus niaga dengan satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau menyimpan untuk manfaatnya apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urus niaga atau tindakan tersebut dalam keupayaan yang sama atau serupa berhubung dengan mana-mana skim lain.

## **8. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN**

Surat Ikatan adalah dokumen yang rumit dan yang berikut adalah ringkasan sahaja. Anda perlu merujuk Surat Ikatan itu sendiri untuk mengesahkan maklumat khusus atau bagi memperoleh kefahaman terperinci tentang Dana. Surat Ikatan tersedia untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar Pengurus.

Surat Ikatan telah ditandatangani oleh Pengurus, Pemegang Amanah dan pemegang-pemegang Unit. Dana dibentuk oleh Surat Ikatan dan dikawal atur terutamanya oleh CMSA dan Garis Panduan ETF. Terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahan kepadanya mengikat ke atas setiap seorang daripada anda seolah-olah anda telah:

- (a) menjadi pihak kepada dan telah melaksanakan Surat Ikatan;
- (b) dengan itu berwaad untuk diri anda dan untuk semua orang tertentu untuk mematuhi dan terikat dengan semua peruntukannya; dan
- (c) dengan itu memberikan kuasa kepada Pemegang Amanah dan Pengurus masing-masing untuk melaksanakan semua tindakan dan perkara sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Surat Ikatan.

### **8.1 Meminda Surat Ikatan**

Semua pindaan, pengubahsuaian atau perubahan kepada terma-terma Surat Ikatan mesti dibuat melalui surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan akan berkuat kuasa selepas pendaftaran surat ikatan tambahan dengan SC. Pengurus mesti menyerahkan apa-apa surat ikatan tambahan berkenaan kepada SC untuk pendaftaran selaras dengan CMSA. Selain perkara yang dinyatakan di atas, apa-apa perubahan material kepada Surat Ikatan, termasuk apa-apa perubahan material kepada objektif pelaburan Dana, mesti diluluskan oleh Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada semua Pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil dan diadakan sewajarnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.

### **8.2 Hak dan Batasan Pemegang-pemegang Unit**

Setiap Unit yang dipegang dalam Dana memberikan hak kepada anda ke atas kepentingan benefisial yang sama dan berkadar dalam Dana. Walau bagaimanapun, anda tidak memiliki atau mempunyai hak ke atas mana-mana aset tertentu yang dipegang oleh Dana dan tidak boleh mengambil bahagian dalam keputusan pengurusan kecuali dalam keadaan terhad sebagaimana dinyatakan dalam Surat Ikatan.

Anda mempunyai hak untuk:

- (i) menerima Pendapatan dan/atau pengagihan modal (sekiranya ada);
- (ii) menjual Unit-unit anda;
- (iii) memanggil, menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat (peraturan yang mentadbir persidangan mesyuarat dinyatakan dalam Surat Ikatan); dan
- (iv) menerima laporan tahunan Dana. Salinan laporan tahunan dan setengah tahunan Dana boleh diperoleh dari pejabat Pengurus, dimuat turun daripada laman web Dana di [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my) atau dihantar kepada anda melalui pos apabila anda membuat permohonan bertulis kepada Pengurus.

### **8.3 Liabiliti Pemegang-pemegang Unit**

Surat Ikatan membataskan liabiliti anda kepada nilai pelaburan anda dalam Dana. Selaras dengan itu, jika liabiliti Dana melebihi asetnya, anda secara peribadi tidak bertanggungjawab untuk menanggung rugi Pemegang Amanah atau Pengurus atau mana-mana pembiutang mereka masing-masing.

### **8.4 Yuran dan Caj yang Dibenarkan oleh Surat Ikatan**

#### **(a) Yuran Pengurus**

Jumlah Yuran Pengurus tidak akan melebihi maksimum satu peratus (1%) setahun daripada NAV Dana. Yuran Pengurus akan dinyatakan dalam Prospektus ini dan Yuran Pengurus tidak akan lebih tinggi daripada yang dinyatakan dalam Prospektus ini kecuali jika:

- (i) Yuran Pengurus yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
- (ii) Pengurus telah memaklumkan Pemegang Amanah secara bertulis tentang Yuran Pengurus yang lebih tinggi dan Pemegang Amanah bersetuju selepas mempertimbangkan perkara-pekerja yang diperlukan dalam Garis Panduan ETF;
- (iii) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai Yuran Pengurus yang lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya;
- (iv) tiga puluh (30) hari telah berlalu sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 8.4(a)(iii); dan
- (v) prospekus tambahan atau penggantian yang menyatakan Yuran Pengurus yang lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya telah didaftarkan, diserah simpan dan diterbitkan.

Sebarang kenaikan kadar maksimum Yuran Pengurus sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 8.4(a) di atas hanya boleh dibuat melalui surat ikatan tambahan dan selaras dengan keperluan CMSA.

#### **(b) Yuran Pemegang Amanah**

Jumlah Yuran Pemegang Amanah tidak akan melebihi maksimum kosong perpuluhan lima peratus (0.5%) setahun daripada NAV Dana. Yuran Pemegang Amanah akan dinyatakan dalam Prospektus ini dan Yuran Pemegang Amanah tidak akan lebih tinggi daripada yang dinyatakan dalam Prospektus ini kecuali jika:

- (i) Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
- (ii) Pemegang Amanah telah memaklumkan Pengurus secara bertulis tentang Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi dan Pengurus bersetuju selepas mempertimbangkan perkara-pekerja yang diperlukan dalam Garis Panduan ETF;
- (iii) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya;
- (iv) tiga puluh (30) hari telah berlalu sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 8.4(a)(iii); dan
- (v) prospekus tambahan atau penggantian yang menyatakan Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya telah didaftarkan, diserah simpan dan diterbitkan.

Sebarang kenaikan kadar maksimum Yuran Pemegang Amanah sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 8.4(b) di atas hanya boleh dibuat melalui surat ikatan tambahan dan selaras dengan keperluan CMSA.

(c) Yuran dan Caj Lain

Pemegang Amanah dan Pengurus berhak untuk membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset-aset Dana setakat yang ia ditanggung berhubung dengan Dana:

- apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan yang perlu dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Pemberi Lesen Indeks yang ditandatangani oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus berhubung dengan Dana;
- pemprosesan yuran pengendalian yang dikenakan oleh mana-mana orang kerana memberikan perkhidmatan bagi melaksanakan apa-apa perolehan, pelupusan atau apa-apa urusan lain sekalipun dalam Aset-aset Dana dan apa-apa perbelanjaan berhubung dengannya termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan atau peniaga dalam melaksanakan urus niaga dalam Pelaburan yang Dibenarkan;
- semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, penasihat pelaburan, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai, pakar komputer atau penasihat profesional lain yang di ambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menguruskan, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan tugas dan tanggungjawab mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan.
- semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan kustodi selamat, perolehan, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau urusan lain dengan mana-mana Aset-aset Dana atau pemegangan mana-mana Aset-aset Dana atau kustodi dokumen hak miliknya (termasuk insurans dokumen hak milik daripada kehilangan ketika penghantaran, transit atau selainnya dan caj-caj yang dikenakan oleh ejen Pemegang Amanah kerana menyimpan dokumen dalam kustodi selamat), apa-apa yuran dan perbelanjaan berkaitan bagi kustodian, kustodian bersama dan/atau subkustodian yang dilantik selaras dengan peruntukan Surrat Ikatan dan semua yuran urus niaga sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa di masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urusan yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset-aset Dana;
- semua caj dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit selain daripada yang dipanggil oleh dan untuk manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam mendapatkan dan/atau mengekalkan penyenaraian dan sebut harga Unit-unit pada Bursa Securities, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau saksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai lain;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Rumah Penjelasan (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- semua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkaitan dengan penyelengaraan laman web atau laman-laman web (mengikut keadaan) yang dikhatuskan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang-pemegang Unit, pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan termasuk pemberitahuan yang dibuat berkaitan dengan Dana di Bursa Securities, surat-surat khabar di Malaysia dan lain-lain bentuk

komunikasi yang dibenarkan atau diterima dalam Garis Panduan ETF dan sebagaimana yang Pengurus mungkin tentukan dari masa ke masa;

- semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan mana-mana surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung dengan penyediaan mana-mana perjanjian berhubung dengan Dana selain yang adalah untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- semua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran akaun beraudit dan akaun setengah tahunan tidak diaudit dan semua cek, penyata, notis dan lain-lain dokumen berkaitan dengan Dana;
- semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung sewajarnya oleh juruaudit berhubung dengan Dana;
- semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit atau pelantikan pengurus baharu, pemegang amanah baharu atau juruaudit baharu;
- semua perbelanjaan yang ditanggung dalam kutipan Pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam mendapatkan pembayaran balik atau pelepasan cukai dan perjanjian liabiliti cukai) atau penentuan percuakaian;
- semua perbelanjaan yang berkait dengan pengagihan yang diisyiharkan selaras dengan Surat Ikatan, termasuk dan tanpa batas yuran untuk pengesahan semula atau penerbitan semula mana-mana cek pengagihan atau waran atau pemindahan telegraf;
- semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;
- yuran untuk penilaian mana-mana Pelaburan Dana;
- imbuhan dan perbelanjaan hangus orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi penyeliaan Dana, kecuali jika Pengurus memutuskan sebaliknya;
- caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain) sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki (mengikut keadaan) di bawah undang-undang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk kenakan ke atas Dana; dan
- yuran berhubung dengan perakaunan dana dengan syarat bahawa kelulusan awal Pemegang-pemegang Unit telah diperoleh. Untuk mengelakkan keraguan, apabila kelulusan pemegang-pemegang Unit telah diperoleh, kelulusan selepasnya Pemegang-pemegang Unit tidak lagi diperlukan untuk yuran tersebut dikenakan ke atas Dana.

## **8.5 Persaraan atau Pemecatan atau Penggantian Pemegang Amanah**

Pengurus berwaad bahawa, tertakluk kepada peruntukan CMSA dan peraturan-peraturan di dalamnya, bahawa ia akan bersara daripada Dana jika dan apabila dikehendaki melukannya oleh Pengurus secara bertulis jika:

- (i) Pemegang Amanah dibubarkan atau dibubarkan sementara (kecuali untuk tujuan penggabungan atau pembentukan semula atau suatu tujuan yang serupa) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti melaksanakan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus, dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besar harta Pemegang Amanah dan tidak dilucutkan atau ditarik balik dalam tiga puluh (30) hari daripada pelantikan;

- (ii) kelulusan Pemegang Amanah untuk bertindak di bawah peruntukan CMSA dan peraturan telah dibatalkan;
- (iii) Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi khas menetapkan bahawa Pemegang Amanah perlu dipecat;
- (iv) Pemegang Amanah telah melanggar kewajipannya kepada Pemegang-pemegang Unit secara yang, pada pendapat munasabah Pengurus, menjelaskan Pemegang-pemegang Unit dan, dalam suatu tempoh yang ditetapkan oleh Pengurus dalam notis bertulis kepada Pemegang Amanah, pelanggaran(-pelanggaran) tersebut masih belum diperbetulkan;
- (v) Pemegang Amanah tidak lagi wujud;
- (vi) Pemegang Amanah tidak dilantik secara sah;
- (vii) Pemegang Amanah tidak layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah mana-mana undang-undang terpakai;
- (viii) Pemegang Amanah telah gagal atau enggan bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan peruntukan atau waad Surat Ikatan atau mana-mana undang-undang terpakai;
- (ix) penerima dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar aset atau usaha niaga Pemegang Amanah dan masih belum berhenti bertindak di bawah pelantikan tersebut, atau petisyen dikemukakan untuk membubarkan Pemegang Amanah (selain untuk tujuan dan diikuti dengan pembentukan semula, kecuali ketika atau selepas pembentukan semula tersebut Pemegang Amanah menjadi atau diisyiharkan tidak solven); atau
- (x) Pemegang Amanah sedang disiasat untuk kelakuan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang terpakai.

#### **8.6 Persaraan atau Pemecatan atau Penggantian Pengurus**

Pengurus berwaad bahawa ia akan bersara daripada pengurusan Dana apabila dikehendaki melakukannya oleh Pemegang Amanah secara bertulis, jika:

- (i) Pengurus dibubarkan atau dibubarkan sementara (kecuali untuk tujuan penggabungan atau pembentukan semula atau suatu tujuan yang serupa) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti melaksanakan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus, dilantik berhubung dengan harta Pengurus dan tidak dilucutkan atau ditarik balik dalam tiga puluh (30) hari daripada pelantikan;
- (ii) Pengurus telah melanggar kewajipannya kepada Pemegang-pemegang Unit secara yang, pada pendapat munasabah Pemegang Amanah, menjelaskan Pemegang-pemegang Unit dan, dalam suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengurus dalam notis bertulis kepada Pengurus, pelanggaran(-pelanggaran) tersebut masih belum diperbetulkan;
- (iii) Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi khas memutuskan bahawa Pengurus mesti dipecat; atau
- (iv) kelulusan Pengurus untuk bertindak di bawah peruntukan CMSA dan peraturan dibatalkan.

## **8.7 Penamatkan Dana**

- (a) Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah, dengan kelulusan Pengurus (kecuali dalam kes Seksyen 8.7(v), (vi), (vii) dan (viii) di sini), selaras dengan peruntukan CMSA sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini dalam mana-mana daripada peristiwa berikut, iaitu:
- (i) jika ia menjadi menyalahi undang-undang atau pada pendapat Pemegang Amanah ia adalah mustahil atau tidak munasabah untuk meneruskan Dana;
  - (ii) jika Dana akan dikenakan cukai (sama ada di Malaysia atau di tempat lain) berhubung dengan pendapatan atau keuntungan modal pada kadar yang dianggap oleh Pengurus adalah berlebihan berhubung dengan kadar yang akan ditanggung oleh Pemegang-pemegang Unit jika mereka memiliki secara langsung Aset-aset Dana berkaitan;
  - (iii) jika Unit-unit tidak lagi disenaraikan pada Bursa Securities;
  - (iv) jika Perjanjian Lesen ditamatkan dan Perjanjian Lesen baharu berhubung Penanda Aras tidak ditandatangani oleh Pemegang Amanah dan Pengurus;
  - (v) sekiranya Pengurus dibubarkan (selain pembubaran sukarela untuk tujuan pembentukan semula atau penggabungan berdasarkan terma-terma yang telah diluluskan sebelumnya secara bertulis oleh Pemegang Amanah) atau tidak solven atau melantik penyelesai atau jika penerima akan dilantik berhubung dengan harta atau usaha niaga Pengurus atau mana-mana bahagian daripadanya atau atau Pengurus terpakluk kepada mana-mana prosiding atau prosedur serupa dalam setiap kes di bawah undang-undang Malaysia atau undang-undang lain yang mungkin terpakai dalam keadaan yang, selepas tamatnya tempoh tiga (3) bulan, Pemegang Amanah masih belum melantik syarikat pengurusan baharu;
  - (vi) sekiranya dengan tamatnya tempoh tiga (3) bulan selepas memaklumkan Pengurus bahawa pada pendapat Pemegang Amanah penukaran syarikat pengurusan adalah perlu demi untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan Pemegang Amanah masih belum menemui syarikat lain yang bersedia untuk menerima jawatan sebagai syarikat pengurusan Dana yang Pemegang Amanah dan SC akan luluskan;
  - (vii) jika, pada pendapat Pemegang Amanah, pengurus telah berhenti menjalankan perniagaan; atau
  - (viii) Jika, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah dengan menjelaskan Pemegang-pemegang Unit kerana gagal untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Surat Ikatan atau melanggar mana-mana daripada peruntukan mana-mana undang-undang berkaitan,

Apabila resolusi khas untuk menamatkan Dana diluluskan oleh Pemegang-pemegang Unit dalam menyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil oleh Pemegang Amanah selaras dengan Seksyen 8.7(a)(v), (vi), (vii) dan (viii), Pemegang Amanah akan membuat permohonan kepada mahkamah untuk perintah yang mengesahkan resolusi khas tersebut.

- (b) Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah atau Pengurus melalui notis bertulis kepada Pemegang-pemegang Unit sekiranya Dana tidak lagi diluluskan di bawah CMSA.
- (c) Keputusan Pemegang Amanah dan/atau Pengurus dalam mana-mana peristiwa yang dinyatakan dalam Seksyen ini (dengan pengecualian Seksyen 8.7 (a)(v) di sini) adalah muktamad dan mengikat semua pihak berkenaan tetapi Pemegang Amanah dan Pengurus tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan untuk menamatkan Dana selaras dengan Seksyen ini atau selainnya.

- (d) Tanpa mengambil kira penamatan Dana, Pemegang-pemegang Unit bagi mana-mana Unit berhubung dengan sebarang jumlah yang masih belum dibayar akan tetap bertanggungjawab untuk dibayar jumlah tersebut kepada Pemegang Unit oleh Pemegang Amanah bagi pengagihan akhir yang akan dibuat selaras dengan Seksyen ini.
- (e) Apabila berlakunya mana-mana peristiwa dalam Seksyen 8.7(a) dan (b) di atas, semua urus niaga dalam Unit akan dihentikan.
- (f) Walaupun demikian, Pengurus boleh tanpa perlu mendapatkan kelulusan awal Pemegang-pemegang Unit, menamatkan amanah yang diwujudkan dan membubarkan Dana jika penamatan tersebut:
  - (a) dikehendaki oleh pihak berkuasa berkaitan; atau
  - (b) adalah demi kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit dan Pengurus selepas berunding dengan Pemegang Amanah berpendapat ia adalah tidak menguntungkan untuk Pengurus terus menguruskan Dana.

Tanpa mengambil kira perkara yang dinyatakan di atas, jika Dana tidak lagi mempunyai Pemegang Unit, Pengurus juga berhak untuk menamatkan Dana.

Sekiranya Dana ditamatkan:

- (a) Pemegang Amanah mesti secepat yang mungkin selepas penentuan Dana memberikan kepada setiap seorang daripada anda notis mengenai pengagihan yang akan dibuat;
- (b) Pemegang Amanah akan menjual semua Pelaburan yang Dibenarkan yang pada ketika itu masih dipegangnya dan membayar balik daripada Aset-aset Dana apa-apa Liabiliti yang pada masa itu masih belum dijelaskan dan membayar daripada Aset-aset Dana semua Liabiliti yang masih belum dijelaskan dan jualan, pembayaran balik dan pembayaran tersebut akan dibuat dan disempurnakan secara dan dalam tempoh selepas penamatan Dana yang dirasakan adalah sesuai oleh Pemegang Amanah.
- (c) Pemegang Amanah akan dari masa ke masa mengagihkan kepada anda secara pro rata kepada bilangan Unit yang dipegang oleh anda semua hasil tunai bersih yang diperoleh daripada realisasi Aset-aset Dana dan tersedia untuk tujuan pengagihan tersebut dan apa-apa tunai tersedia dengan syarat bahawa Pemegang Amanah tidak akan terikat untuk mengagihkan apa-apa wang pada pada masa itu di dalam tangannya yang tidak mencukupi untuk membayar satu sen (RM0.01) berhubung setiap Pemegang Unit dan dengan syarat juga bahawa Pemegang Amanah berhak untuk menahan apa-apa wang di tangannya di bawah peruntukan Surat Ikatan peruntukan penuh untuk semua yuran, kos, caj, cukai, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan yang ditanggung yang dibuat atau ditahan oleh Pemegang Amanah berhubung dengan atau disebabkan pencairan Dana ini dan daripada wang yang ditahan itu untuk ditanggung rugi dan dibebaskan daripada apa-apa yuran, kos, caj, cukai, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan tersebut. Setiap pengagihan tersebut akan dibuat hanya selepas bukti dikemukakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah untuk membuktikan hak milik anda ke atas Unit-unit.
- (d) Sekiranya Dana ditentukan sebagaimana yang diperuntukkan di sini, Pemegang Amanah berhak untuk mengarahkan Pengurus untuk memberikan kepadanya pembebasan penuh dan lengkap daripada dan kepada Surat Ikatan dan untuk menganggung ruginya daripada apa-apa tuntutan yang timbul daripada pelaksanaannya ke atas Dana dengan syarat bahawa tuntutan tersebut bukan disebabkan oleh kecuaian melampau, ketakjurban atau penipuan oleh Pemegang Amanah.
- (e) Apa-apa tunai tidak dituntut yang dipegang oleh Pemegang Amanah pasa masa itu akan diuruskan menurut Akta Wang Tidak Dituntut 1965; dan
- (f) Tidak ada lagi Unit yang akan diterbitkan dan tidak ada Unit yang belum dibayar boleh ditebus daripada masa bermulanya pembubaran dan dengan pembubaran Dana.

## **8.8 Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit**

- (1) Pemegang Amanah atau Pengurus masing-masing boleh pada bila-bila masa memanggil mesyuarat Pemegang-pemegang Unit pada masa dan tempat di Malaysia (tertakluk sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini) sebagai pihak yang memanggil mesyuarat berpendapat adalah sesuai dan peruntukan Surat Ikatan yang berikut akan terpakai kepadanya. Pengurus akan memanggil mesyuarat Pemegang-pemegang Unit jika tidak kurang daripada lima puluh (50) Pemegang Unit atau sepuluh peratus (10%) daripada semua Pemegang Unit, yang mana lebih sedikit, mengarahkan Pengurus untuk melakukannya secara bertulis yang diserahkan kepada pejabat berdaftar Pengrus untuk tujuan:
  - (a) mempertimbangkan penyata kewangan Dana yang paling terkini;
  - (b) memberikan kepada Pemegang Amanah arahan tertentu yang dirasakan wajar oleh mesyuarat; atau
  - (c) mempertimbangkan apa-apa perkara lain yang berkait dengan Surat Ikatan.
- (2) Apabila mesyuarat dipanggil untuk meluluskan:
  - (a) Resolusi biasa, notis bertulis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari (tidak termasuk hari yang notis disampaikan atau dianggap disampaikan dan hari yang notis diberikan) mengenai mesyuarat itu akan diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah menurut cara yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
  - (b) resolusi khas, notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari yang notis disampaikan atau dianggap disampaikan dan hari yang notis diberikan) mengenai mesyuarat itu akan diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah menurut cara yang ditetapkan dalam Surat Ikatan; atau
  - (c) apabila resolusi yang memerlukan kelulusan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada semua Pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari yang notis disampaikan atau dianggap disampaikan dan hari yang notis diberikan) mengenai mesyuarat itu akan diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah menurut cara yang ditetapkan dalam Surat Ikatan.
- (3) Notis hendaklah dalam bentuk pekeliling dan akan menyatakan tempat, masa mesyuarat dan sifat am urusan yang akan diselesaikan dan terma-terma bagi apa-apa resolusi yang akan dicadangkan dalamnya. Salinan notis mesti dihantar kepada Pemegang Amanah kecuali jika mesyuarat dipanggil oleh Pemegang Amanah dan salinannya akan dihantar juga kepada SC. Peninggalan tidak sengaja untuk memberikan notis kepada atau tidak terima notis oleh mana-mana Pemegang Unit tidak akan mentaksahkan persidangan mana-mana mesyuarat. Pengurus akan menyiaran iklan yang memberikan notis berkaitan mengenai mesyuarat Pemegang-pemegang Unit dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan di seluruh negara. Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit akan diadakan tidak lewat daripada dua (2) bulan selepas notis diberikan di tempat dan pada masa yang ditetapkan dalam notis dan iklan.
- (4) (a) Kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit ialah lima (5) Pemegang Unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi; walau bagaimanapun, jika Dana mempunyai lima (5) atau kurang Pemegang Unit, kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang Unit, ialah dua (2) Pemegang Unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi.

- (b) Jika mesyuarat telah dipanggil untuk tujuan mengundi resolusi khas, Pemegang-pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi mesti memegang dalam agregat sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) daripada Unit dalam edaran Dana pada masa mesyuarat.
  - (c) Jika Dana hanya mempunyai satu (1) Pemegang Unit, maka Pemegang Unit tersebut, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, akan membentuk kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit.
- (5) Setiap Pemegang Unit (yang adalah individu) yang hadir sendiri atau melalui proksi atau (sebuah syarikat) yang hadir melalui seorang daripada wakilnya atau melalui proksi akan mempunyai satu (1) undi untuk setiap Unit yang beliau atau ia adalah Pemegang Unit dan tidak perlu membuat semua undi yang beliau atau ia mempunyai hak ke atasnya dalam cara yang sama.
- (6) Setiap Pemegang Unit berhak untuk menghadiri dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, dan berhak untuk melantik peguam cara, juruaudit syarikat yang diluluskan atau orang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi. Apabila Pemegang Unit ialah penama dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Depositori Pusat, beliau boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi berhubung dengan setiap akaun sekuriti yang dipegangnya dengan unit berada dalam kredit akaun sekuriti tersebut. Apabila Pemegang Unit melantik dua (2) proksi selaras dengan Surat Ikatan, pelantikan itu adalah tidak sah kecuali jika beliau menyatakan perkadaran pemegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi. Proksi ini akan mempunyai hak yang sama sebagai ahli untuk mengundi sama ada melalui pengundian atau dengan mengangkat tangan, untuk bercakap dan dikira dalam kuorum.
- (7) Mana-mana Pemegang Unit yang adalah syarikat boleh melalui resolusi pengarahan atau badan pentadbir lain memberikan kuasa kepada mana-mana orang untuk bertindak sebagai wakilnya dalam mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, dan orang yang diberikan kuasa tersebut dalam mesyuarat berkenaan berhak untuk melaksanakan kuasa yang sama bagi pihak syarikat sebagaimana yang syarikat itu akan laksanakan jika ia adalah Pemegang Unit individu.
- (8) Dalam kes kesamaan undi, pengurus mesyuarat Pemegang-pemegang Unit akan mempunyai undi pemutus di samping undinya (sekiranya ada) sebagai Pemegang Unit dalam kedua-dua undi angkat tangan atau pengundian.
- (9) Setiap soalan yang ditimbulkan dalam mesyuarat agung Pemegang-pemegang Unit akan diputuskan melalui pengundian.
- (10) Apabila mana-mana soalan akan diputuskan melalui pengundian, setiap pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi akan mempunyai satu (1) undi bagi setiap Unit yang dibayar sepenuhnya.
- (11) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang terpakai, Pengurus dan/atau Pemegang Amanah akan mempunyai kuasa untuk mengadakan mesyuarat maya Pemegang-pemegang Unit melalui persidangan video, komunikasi berdasarkan web, elektronik atau kemudahan komunikasi atau teknologi lain yang tersedia dari masa ke masa, tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat berikut:
- (a) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah akan:
    - (i) memastikan bahawa terdapat infrastruktur yang boleh dipercayai untuk membolehkan pelaksanaan mesyuarat maya, termasuk membolehkan Pemegang-pemegang Unit melaksanakan hak mereka untuk bercakap dan mengundi dalam mesyuarat maya;
    - (ii) menyediakan panduan kepada Pemegang-pemegang Unit berhubung keperluan dan kaedah mengambil bahagian dalam mesyuarat maya dengan menggunakan platform yang dipilih;

- (iii) mengenal pasti tempat siaran sebagai tempat mesyuarat dan menyatakan platform dalam talian yang akan digunakan untuk mesyuarat maya dalam notis bertulis kepada Pemegang-pemegang Unit;
  - (iv) memastikan hanya Pemegang-pemegang Unit dibenarkan mengambil bahagian dalam mesyuarat maya; dan
  - (v) mematuhi arahan terpakai, keselamatan dan keperluan berjaga-jaga yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan;
- (b) tempat siaran ialah tempat fizikal di Malaysia yang pengerusi mesyuarat akan hadir secara fizikal;
- (c) penyertaan Pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang-pemegang Unit melalui mana-mana kemudahan komunikasi yang dirujuk dalam Seksyen 8.8(11) ini dianggap sebagai hadir dalam mesyuarat Pemegang-pemegang Unit tersebut dan akan dikira dalam kuorum tanpa mengira hakikat bahawa pemegang Unit itu tidak hadir secara fizikal di tempat utama yang mesyuarat Pemegang-pemegang Unit akan diadakan; dan
- (d) peruntukan Jadual Pertama Surat Ikatan akan terpakai *mutatis mutandis* kepada mesyuarat maya Pemegang-pemegang Unit.

Kecuali jika ditetapkan selainnya oleh undang-undang berkaitan, mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil selaras dengan Seksyen 8.8 (11) ini tidak akan dianggap telah bersidang untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang mana-mana kemudahan komunikasi yang dirujuk dalam seksyen 8.8(11) ini terputus. Pengerusi mesyuarat mempunyai budi bicara untuk menangguhkan mesyuarat yang telah terputus dan yang tidak dapat disambung semula dalam tempoh yang munasabah, kepada tarikh dan masa lain yang dipersetujui oleh Pemegang-pemegang Unit yang hadir dalam mesyuarat itu.

## **9. KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT**

### **9.1 Kelulusan bagi Perubahan**

- (a) SC melalui suratnya bertarikh 4 Ogos 2006 telah memberikan kepada Pengurus kelulusan untuk perubahan kepada Perenggan 9.02(2) Garis Panduan mengenai Dana Didagang Bursa yang dikeluarkan pada 21 Jun 2005 yang melaluinya SC membenarkan nilai portfolio dioptimum indikatif dikira berdasarkan Pembentukan *In-Kind Basket* dan bukan NAV Dana.
- (b) Selain itu, SC, melalui suratnya yang bertarikh 14 Mei 2007, telah memberikan kelulusan kepada Pengurus perubahan berikut kepada Garis Panduan mengenai Dana Didagang Bursa yang dikeluarkan pada 21 Jun 2005:
  - (i) perubahan kepada Perenggan 11.05(3) yang SC telah membenarkan Dana untuk memegang opsyen dan waran yang nilainya adalah sehingga 50% daripada NAV Dana atau RM50 juta, yang mana lebih rendah;
  - (ii) perubahan kepada Perenggan 13.01(3) yang SC telah memberikan kebenaran kepada Dana untuk mengedarkan laporan interim Dana kepada semua Pemegang Unit melalui kaedah alternatif, tanpa perlu mencetak dan menghantar melalui pos laporan interim tersebut kepada setiap Pemegang Unit; dan
  - (iii) perubahan kepada perenggan 1.0(3) Jadual G yang SC telah memberikan kebenaran ringkasan prospektus dikeluarkan dalam surat khabar Bahasa Malaysia dan surat khabar Bahasa Inggeris yang diedarkan secara meluas.

## **10. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**

### **10.1 Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi**

#### **10.1.1 Pengurus**

Semua urus niaga dengan pihak-pihak berkaitan akan dilaksanakan atas terma-terma terbaik yang tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga tulus di antara pihak-pihak bebas. Dana boleh berurusan dengan pihak-pihak yang berkait dengan Pengurus. Pihak berkaitan ditarifkan sebagai Amlslamic Funds Management Sdn Bhd, AmlInvestment Bank Berhad, AmlInvestment Group Berhad, AmBank (M) Berhad dan AmBank Islamic Berhad.

#### **10.1.2 Pemegang Amanah**

Apa-apa urus niaga pihak berkaitan mesti dilaksanakan atas terma-terma terbaik yang tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga tulus di antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada peraturan di atas atau mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat berkaitannya boleh berurusan dengan satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengikat kontrak atau berurus niaga dengan satu sama lain, Dana atau Pemegang-pemegang Unit atau menyimpan untuk manfaatnya sendiri apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urus niaga tersebut atau bertindak dalam keupayaan yang sama atau serupa berhubung dengan mana-mana skim lain.

### **10.2 Percanggahan Kepentingan**

Pada LPD, selain yang dinyatakan dalam Seksyen 10.1 di atas, Pengurus tidak mengetahui mengenai apa-apa keadaan yang wujud atau yang berkemungkinan akan wujud yang akan menimbulkan keadaan percanggahan kepentingan mungkin dalam keupayaannya sebagai Pengurus kepada Dana.

### **10.3 Polisi bagi Menangani Keadaan Percanggahan Kepentingan**

#### **10.3.1 Pengurus**

Perdagangan dalam sekuriti oleh pekerja dibenarkan, dengan syarat bahawa polisi-polisi dan prosedur berhubung dengan perdagangan akaun peribadi diikuti dan dipatuhi. Pengarah, ahli jawatankuasa pelaburan dan pekerja dikehendaki mendedahkan pemegangan portfolio dan urus niaga perdagangan mereka sebagaimana yang dikehendaki dalam Polisi Percanggahan Kepentingan. Selanjutnya, mereka yang dinyatakan di atas akan membuat pendedahan pemegangan jawatan pengarah dan kepentingan mereka dalam mana-mana syarikat.

#### **10.3.2 Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah memiliki polisi dan prosedur untuk menangani percanggahan kepentingan, sekiranya ada. Pemegang Amanah tidak akan menggunakan kedudukannya secara tidak wajar sebagai pemilik Aset-aset Dana untuk memperoleh, secara langsung dan tidak langsung, apa-apa kepentingan atau menyebabkan kemudaratuan kepada kepentingan Pemegang-Pemegang Unit. Apa-apa urus niaga pihak berkaitan akan dilaksanakan atas terma-terma tersedia terbaik kepada Dana yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga tulus di antara pihak-pihak bebas.

#### **10.4 Perisyiharan Percanggahan Kepentingan**

Pada LPD, melainkan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 7.10 dan 10.1 Prospektus ini, tidak ada daripada penasihat (iaitu, Pemegang Amanah, penasihat cukai, juruarudit dan peguam cara) yang mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan sedia ada atau berpotensi dalam kapasiti penasihat kepada Dana dan/atau kami.

## 11. PERCUKAIAN

*Ini adalah terjemahan surat penasihat cukai mengenai  
percukaian dana dan pemegang unit asal*

**Deloitte.**

Sangat Sulit

Deloitte Tax Services Sdn Bhd  
(197701005407 (36421-T))  
Aras 16, Menara LGB  
1 Jalan Wan Kadir  
Taman Tun Dr. Ismail  
60000 Kuala Lumpur

8 April 2025

Peti Surat 11151  
50736 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Tel: +60 3 7610 8888  
Faks: +60 3 7725 7768 / 7725 7769  
[mytax@deloitte.com](mailto:mytax@deloitte.com)  
[www.deloitte.com/my](http://www.deloitte.com/my)

Lembaga Pengarah  
**AmFunds Management Berhad**  
Tingkat 9 & 10  
Bangunan Ambank Group  
55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

### **FTSE4Good Bursa Malaysia etf Percukaian Dana dan Pemegang-pemegang Unit**

- Surat ini telah disediakan untuk dimasukkan dalam Prospektus berhubung dengan penawaran untuk jualan unit-unit dalam FTSE4Good Bursa Malaysia etf (“Dana”).

Berikut adalah maklumat am berdasarkan undang-undang cukai Malaysia yang berkuat kuasa pada masa penyerahan simpan Prospektus dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) dan pelabur-pelabur perlu mengetahui bahawa undang-undang cukai boleh berubah pada bila-bila masa. Penguatkuasaan undang-undang cukai bergantung pada keadaan pelabur individu. Maklumat yang disediakan di bawah bukan merupakan nasihat cukai. Oleh itu, Pengurus menyarankan supaya pelabur-pelabur mendapatkan nasihat daripada penasihat cukai mereka berhubung penguatkuasaan khusus undang-undang cukai berhubung dengan kedudukan cukai khusus mereka.

#### **2. Percukaian Dana**

##### **2.1 Cukai Pendapatan**

Oleh sebab Pemegang Amanah bagi Dana adalah pemastutin cukai di Malaysia, Dana dianggap sebagai pemastutin cukai di Malaysia. Percukaian Dana ditadbir sebahagian besarnya oleh Seksyen 61 dan 63B Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 (“MITA”).

Berdasarkan Seksyen 2(7) MITA, apa-apa rujukan kepada faedah akan terpakai, *mutatis mutandis*, kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dilaksanakan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Kesan daripada ini ialah apa-apa laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dilaksanakan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah akan diberikan layanan cukai yang sama seolah-olah ia adalah faedah.

Pendapatan Dana berhubung dengan dividen, faedah atau keuntungan daripada deposit dan pendapatan pelaburan lain (selain pendapatan yang dikecualikan daripada cukai) yang diperoleh dari atau terakru di Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia dikenakan cukai pendapatan. Dana mungkin menerima pendapatan seperti yuran keluar yang akan tertakluk kepada cukai pada kadar cukai semasa yang terpakai ke atas Dana. Seksyen 61(1)(b) MITA menetapkan bahawa laba yang diperoleh daripada realisasi pelaburan akan dianggap sebagai pendapatan badan amanah bagi amanah sebagai laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal, dengan syarat bahawa laba tersebut tidak berkait dengan harta tanah sebagaimana yang ditakrif dalam Akta Keuntungan Harta Tanah ("RPGT"), 1976.



Deloitte merujuk kepada satu atau lebih Deloitte Touche Tohmatsu Limited ("DTTL"), rangkaian global firma ahlinya, dan entiti berkaitannya (secara kolektif, "organisasi Deloitte"). DTTL (dirujuk juga sebagai "Deloitte Global") dan setiap daripada firma ahlinya dan entiti berkaitan adalah entiti bebas dan berasingan dari segi undang-undang, yang tidak boleh mewajibkan atau mengikat satu sama lain berhubung dengan pihak ketiga. DTTL dan setiap firma ahli DTTL dan entiti berkaitannya hanya bertanggungjawab ke atas tindakan dan peninggalannya sendiri, dan bukan tindakan dan peninggalan satu sama lain. DTTL tidak menyediakan perkhidmatan kepada klien. Sila rujuk [www.deloitte.com/about](http://www.deloitte.com/about) untuk maklumat lebih terperinci.

Kadar cukai pendapatan yang terpakai kepada Dana ialah 24%.

Faedah dikecualikan cukai sebagaimana yang disenaraikan dalam Apendiks yang dilampirkan yang diterima oleh Dana tidak dikenakan cukai pendapatan.

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2014, Malaysia telah beralih sepenuhnya kepada sistem cukai satu peringkat. Dana tidak dikenakan cukai ke atas mana-mana dividen sumber Malaysia yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada Dana di bawah sistem cukai satu peringkat, yang syarikat yang membayar dividen tersebut tidak berhak untuk memotong cukai di bawah MITA. Pemotongan cukai bagi potongan lain oleh Dana terhadap pendapatan dividen tersebut akan diabaikan dalam menentukan pendapatan kena cukai Dana.

Di samping dividen satu peringkat yang mungkin diterima oleh Dana, Dana juga boleh menerima dividen Malaysia yang dikecualikan cukai daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang sebelum ini menikmati atau yang pada masa ini menikmati pelbagai insentif cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang Malaysia. Dana tidak tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas pendapatan dividen bebas cukai sedemikian.

Layanan cukai bagi instrumen perlindungan nilai akan bergantung pada instrumen lindung nilai khusus yang dimasuki. Secara amnya, apa-apa laba atau kerugian yang berkait dengan bahagian pokok biasanya akan dilayan sebagai laba atau kerugian modal. Laba atau kerugian yang berkait dengan bahagian pokok biasanya akan dilayan sebagai laba atau kerugian hasil. Laba atau kerugian pada penilaian semula hanya akan dicukai atau dituntut ketika realisasi. Apa-apa laba atau kerugian ke atas pertukaran asing dianggap sebagai laba atau kerugian modal jika ia disebabkan oleh penilaian semua bahagian pokok pelaburan.

Secara amnya, pendapatan daripada pengagihan Amanah Pelaburan Harta Tanah Malaysia (“REIT”) akan diterima bersih daripada cukai tertahan 10%. Tidak ada cukai selanjutnya yang perlu dibayar oleh Dana ke atas pengagihan. Pengagihan daripada pendapatan seperti ini oleh Dana juga tidak tertakluk kepada cukai selanjutnya di tangan Pemegang-pemegang Unit.

Perbelanjaan yang merupakan imbuhan pengurus, penyelenggaraan daftar Pemegang-pemegang Unit, perbelanjaan pendaftaran saham, yuran kesetiausahaan, audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan pos, yang tidak dibenarkan di bawah peraturan potongan am, layak untuk potongan khas pada kadar minimum 10% daripada perbelanjaan tersebut selaras dengan Seksyen 63B MITA

## 2.2 Pendapatan Sumber Asing

Dana juga boleh menerima faedah, dividen, keuntungan dan pendapatan lain daripada pelaburan yang diperoleh daripada sumber di luar Malaysia. Sebelum 1 Januari 2022, pendapatan yang diperoleh daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan Malaysia selaras dengan Perenggan 28 Jadual 6 MITA. Berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, Perenggan 28 Jadual 6 MITA dipinda untuk hanya mengecualikan orang bukan pemastautin daripada pendapatan sumber asing yang diterima di Malaysia. Dana amanah saham yang pemegang amanahnya adalah pemastautin cukai di Malaysia dianggap sebagai pemastautin cukai Malaysia dan tidak layak untuk pengecualian di bawah Perenggan 28 Jadual 6 MITA yang telah dipinda.

Kementerian Kewangan Malaysia (“MoF”) mengeluarkan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2022 [P.U.(A) 234/2022] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 [P.U.(A) 235/2022] yang kedua-duanya bertarikh 19 Julai 2022 dan berkuat kuasa dari 1 Januari 2022. Perenggan tertentu P.U.(A) 234/2022 dan P.U.(A) 235/2022 seterusnya dipinda melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 Perintah (Pindaan) [P.U.(A) 157/2024] 2024 bertarikh 12 Jun 2024 dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2022 Perintah (Pindaan) [P.U.(A) 451/2024] 2024 bertarikh 24 Disember 2024. Perintah-perintah di atas memberikan pengecualian ke atas pendapatan sumber asing seperti berikut:

- Pendapatan dividen yang diterima oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 yang telah membuat pemilihan di bawah Seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 akan dikenakan cukai selaras dengan MITA; dan
- Semua jenis pendapatan sumber asing yang diterima oleh individu, kecuali mereka yang melaksanakan perniagaan perkongsian di Malaysia.

Walau bagaimanapun, oleh sebab dana amanah saham adalah bukan “syarikat”, “perkongsian liabiliti terhad” atau “individu”, perintah warta di atas tidak terpakai kepada dana amanah saham. Oleh itu, pendapatan Dana yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia ketika tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 tertakluk kepada cukai pada kadar 30% ke atas sumber pendapatan asing kasar yang diterima di Malaysia. Pendapatan sumber asing yang diterima di Malaysia dari 1 Julai 2022 dan seterusnya akan dicukai berdasarkan kadar cukai pendapatan semasa yang terpakai kepada Dana, iaitu 24%.

Pada 20 September 2024, MoF mengeluarkan Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah berhubung dengan Pendapatan yang Diterima di Malaysia dari Luar Malaysia) (Pengecualian) 2024 [P.U.(A) 250/2024] yang mengecualikan dana amanah yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan berhubung dengan semua sumber pendapatan di bawah seksyen 4 MITA yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia, berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

Amanah saham yang layak mesti pemastautin amanah saham di Malaysia yang diuruskan oleh syarikat pengurusan tetapi tidak termasuk amanah saham yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai REIT atau Dana Amanah Harta yang disenaraikan pada Bursa Malaysia.

Amanah saham atau syarikat pengurusan bagi amanah saham layak tersebut mesti memenuhi syarat-syarat berikut yang ditetapkan oleh MoF sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (“LHDN”), yang termasuk syarat-syarat berikut:-

- (a) pendapatan kasar telah dikenakan cukai pada kadar minimum 15% di bawah undang-undang wilayah yang pendapatan tersebut diperoleh; atau
- (b) syarikat pengurusan amanah saham yang layak tersebut menggaji bilangan pekerja yang mencukupi di Malaysia dan menanggung perbelanjaan operasi yang mencukupi di Malaysia.

Pendapatan sumber asing Dana mungkin dikenakan cukai asing di negara yang pendapatan itu diperoleh. Sekiranya Dana tidak layak untuk pengecualian pendapatan sumber asing di atas, selaras dengan Jadual 7 MITA, apabila pendapatan dikenakan cukai di Malaysia dan juga di negara asing, potongan akan diberikan melalui kredit yang dikenali sebagai kredit dua hala jika negara sumber mempunyai perjanjian cukai dengan Malaysia yang kredit cukai asing akan ditolak selesai sehingga 100% cukai asing yang ditanggung dan kredit sehalia jika negara sumber tidak mempunyai perjanjian cukai dengan Malaysia yang kredit cukai asing akan ditolak selesai sehingga 50% daripada cukai asing yang ditanggung. Sila ambil perhatian bahawa tuntutan kredit dua hala dan kredit satu hala adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri selepas mengkaji dokumen sokongan yang diperlukan.

### **2.3 Cukai Keuntungan Modal (“CGT”)**

Berdasarkan Akta Kewangan (No. 2) 2023, berkuat kuasa 1 Januari 2024, CGT akan dikenakan ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal. Pengecualian CGT telah diperuntukkan di bawah MITA kecuali untuk yang berikut:

- (i) pelupusan saham tidak tersenarai bagi syarikat yang diperbadankan di Malaysia.
- (ii) pelupusan saham di bawah Seksyen 15C MITA;
- (iii) pelupusan aset modal yang terletak di luar Malaysia.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2023 dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2024, terdapat pengecualian 2 bulan (Januari 2024 dan Februari 2024) diperuntukkan bagi pelupusan yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2024 hingga 29 Februari 2024 berhubung dengan pelupusan saham-saham dalam syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak tersenarai pada bursa saham dan pelupusan saham-saham di bawah seksyen 15C MITA.

Berikutnya perkara di atas, LHDN telah mengeluarkan Garis Panduan: Cukai Keuntungan Modal ke atas Saham Tidak Tersenarai bertarikh 1 Mac 2024 (Garis Panduan CGT) [*Terdapat dalam Bahasa Malaysia sahaja*].

Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024 yang berkuat kuasa dari 21 Mei 2024 meminda definisi "aset modal" seperti berikut:

- (a) harta alih atau tak alih yang terletak di luar Malaysia termasuk apa-apa hak atau kepentingannya; atau
- (b) harta alih yang terletak di Malaysia yang adalah saham syarikat yang diperbadankan di Malaysia tidak tersenarai pada bursa saham (termasuk mana-mana hak atau kepentingannya) yang dimiliki oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau persatuan koperasi.

Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah) (Pengecualian) 2024 [P.U.(A) 249/2024] yang berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028 mengecualikan pemastautin amanah saham yang layak di Malaysia (tidak termasuk amanah saham yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai REIT atau Dana Amanah Harta yang tersenarai pada Bursa Malaysia) daripada pembayaran cukai pendapatan berhubung dengan mana-mana laba atau keuntungan yang diterima daripada pelupusan saham-saham syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak tersenarai pada bursa saham dan pelupusan saham-saham di bawah seksyen 15C MITA.

Namun begitu, amanah saham layak dikehendaki mematuhi mana-mana keperluan untuk menyerahkan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain di bawah MITA.

### **Aset Modal Asing**

Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2024 [P.U.(A) 75/2024] memperuntukkan bahawa laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal asing yang diterima di Malaysia oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan persatuan koperasi yang bermastautin di Malaysia, yang patuh menurut keperluan substantif ekonomi ("ESR"), diberikan pengecualian daripada CGT bermula 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026, diwartakan pada 4 Mac 2024.

Menurut P.U.(A) 75/2024, syarat-syarat ESR adalah tertakluk kepada kepatuhan kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Menteri sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Layanan Cukai ke atas Keuntungan Pelupusan Aset Modal Asing yang Diterima dari Luar Malaysia. ESR untuk pengecualian CGT termasuk yang berikut:

- (a) menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dengan kelayakan diperlukan untuk melakukan aktiviti-aktiviti ekonomi ditetapkan di Malaysia; dan
- (b) menanggung perbelanjaan operasi yang mencukupi kerana melakukan aktiviti-aktiviti ekonomi yang ditetapkan di Malaysia.

Apa-apa potongan berhubung dengan laba atau keuntungan yang dikecualikan daripada CGT akan diabaikan untuk tujuan menentukan pendapatan kena cukai syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan persatuan koperasi.

Perlu diambil perhatian bahawa P.U.(A) 250/2024 yang digariskan di bawah 2.2 di atas mengecualikan semua pendapatan di bawah seksyen 4 MITA yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia yang harus merangkumi laba daripada pelupusan aset modal asing.

Sekiranya Dana tidak layak untuk pengecualian CGT di atas, kadar CGT terpakai digariskan seperti berikut:-

Jenis aset modal	Kadar CGT
Saham Tidak Tersenarai dan Saham Seksyen 15C yang diperoleh sebelum 1 Januari 2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10% ke atas pendapatan kena cukai daripada pelupusan saham tidak tersenarai dan saham Seksyen 15C; atau</li> <li>• 2% daripada harga pelupusan kasar</li> </ul>
Saham Tidak Tersenarai dan Saham Seksyen 15C yang diperoleh pada atau selepas 1 Januari 2024	10% ke atas pendapatan kena cukai daripada pelupusan saham tidak tersenarai dan saham Seksyen 15C
Aset modal asing	Kadar semasa untuk syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan persatuan koperasi

Dana dikehendaki memfailkan penyata cukai secara elektronik dalam 60 hari dari tarikh setiap pelupusan. CGT akan dibayar dalam 60 hari dari tarikh pelupusan. Dana dikehendaki menyimpan rekod pelupusan selama 7 tahun.

#### 2.4 Laba daripada Pelupusan Pelaburan

Sebelum 1 Januari 2024, laba daripada pelupusan pelaburan oleh Dana, yang pelaburan mewakili saham-saham dalam syarikat harta tanah, mungkin tertakluk kepada RPGT di bawah Akta RPGT, 1976. Syarikat harta tanah ialah syarikat terkawal yang memiliki atau memperoleh harta tanah atau saham-saham dalam syarikat harta tanah dengan nilai pasaran tidak kurang daripada 75% daripada jumlah aset ketaranya. Syarikat terkawal ialah syarikat yang tidak mempunyai lebih daripada 50 ahli dan dikawal oleh tidak lebih daripada 5 orang.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Akta Kewangan (No. 2) 2023, laba daripada pelupusan saham syarikat harta tanah yang dipegang oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau persatuan koperasi tidak lagi tertakluk kepada RPGT berkuat kuasa 1 Januari 2024. Pelupusan harta tanah lain akan tetap tertakluk kepada Akta RPGT, 1976.

#### 2.5 Cukai Perkhidmatan

Penerbitan unit-unit oleh Dana kepada pelabur-pelabur tidak akan tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan. Apa-apa pengagihan yang dibuat oleh Dana kepada pemegang-pemegang unit juga tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan. Untuk yuran pengurusan, ini secara khusus tidak termasuk yuran yang dikenakan oleh mana-mana orang yang diberikan lesen atau berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk melaksanakan aktiviti terkawal pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Setakat yang Dana melabur dalam mana-mana produk perkhidmatan kewangan (contohnya, sekuriti, derivatif, unit-unit dalam dana atau amanah saham), pemerolehan kepentingan-kepentingan ini juga adalah tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.

Jika Dana memperoleh mana-mana perkhidmatan kena cukai yang diimport daripada penyedia perkhidmatan di luar Malaysia, perkhidmatan-perkhidmatan ini akan dikenakan Cukai Perkhidmatan 6%. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa dari 1 Mac 2024, selaras dengan peruntukan subseksyen 10(2) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan-perkhidmatan di atas akan dikenakan cukai perkhidmatan 8%. Dana dikehendaki memfailkan penyata SST-02A atas dasar *ad hoc* dan melaporkan dan membayar jumlah cukai ini kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

### 3. Percukaian Pemegang-pemegang Unit

#### 3.1 Pengagihan Boleh Cukai

Pemegang-pemegang Unit akan dikenakan cukai pada jumlah yang setara dengan bahagian mereka bagi jumlah pendapatan boleh cukai Dana setakat yang pendapatan tersebut diagihkan kepada mereka. Pemegang-pemegang Unit juga bertanggungjawab untuk membayar cukai pendapatan ke atas pengagihan pendapatan boleh dicukai yang dibayar boleh Dana. Pengagihan pendapatan boleh dicukai mempunyai kredit cukai berhubung dengan cukai boleh dikenakan ke atas bahagian Dana tersebut. Pemegang-pemegang Unit akan tertakluk kepada cukai ke atas jumlah yang bersamaan dengan pengagihan pendapatan boleh dicukai bersih campur cukai mendasari berkaitan yang dibayar oleh Dana. Tidak ada cukai tertahan akan dikenakan ke atas pengagihan pendapatan Dana.

Pendapatan yang diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit pada amnya dicukai seperti berikut di Malaysia:-

Pemegang Unit	Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2024
<b>Pemastautin cukai Malaysia:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Pemegang Unit individu dan bukan korporat</li><li>▪ Pertubuhan koperasi</li><li>▪ Badan amanah</li><li>▪ Pemegang Unit Korporat<ul style="list-style-type: none"><li>i. Syarikat* dengan modal berbayar berhubung dengan saham biasa tidak lebih daripada RM2.5 juta yang modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat-syarikat lain dalam kumpulan sama dengan syarikat tersebut adalah tidak lebih daripada RM2.5 juta (pada permulaan tempoh asas untuk tahun taksiran) dan mempunyai pendapatan kasar daripada sumber atau sumber-sumber yang terdiri daripada perniagaan dengan tidak lebih daripada RM50 juta bagi tempoh asas tahun taksiran</li><li>ii. Syarikat-syarikat selain yang dinyatakan dalam (i) di atas</li></ul></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kadar cukai progresif berjulat daripada 0% hingga 30%</li><li>▪ Kadar cukai progresif berjulat daripada 0% hingga 24%</li><li>▪ 24%</li><li>▪ 15% untuk setiap RM150,000 pertama daripada pendapatan kena cukai</li><li>▪ 17% untuk pendapatan kena cukai – RM150,001 hingga RM600,000</li><li>▪ 24% untuk pendapatan kena cukai melebihi RM600,000</li></ul> <p>* Berdasarkan Akta Kewangan (No. 2) 2023, jika modal berbayar syarikat dimiliki (secara langsung atau tidak langsung) oleh syarikat-syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia atau bukan warganegara Malaysia, maka syarikat tersebut tidak berhak untuk kadar cukai keutamaan di atas.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ 24%</li></ul>
<b>Pemastautin cukai bukan Malaysia:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Pemegang Unit individu dan bukan korporat</li><li>▪ Persatuan koperasi</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ 30%</li><li>▪ 24%</li></ul>

Kredit cukai yang berkait dengan pendapatan yang diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit tersedia untuk ditolak selesai terhadap cukai yang perlu dibayar oleh Pemegang Unit. Tidak ada cukai tertahan yang dikenakan ke atas pengagihan boleh dicukai yang dibuat kepada Pemegang-pemegang Unit bukan pemastautin.

Pemegang-pemegang Unit bukan pemastautin mungkin tertakluk kepada cukai dalam bidang kuasa mereka masing-masing bergantung pada peruntukan undang-undang cukai berkaitan dalam bidang kuasa yang mereka melaporkan cukai pendapatan mereka. Apa-apa cukai pendapatan Malaysia yang ditanggung oleh Pemegang Unit bukan pemastautin mungkin layak untuk pelepasan cukai dua kali di bawah undang-undang bidang kuasa Pemegang Unit bukan pemastautin tertakluk juga kepada terma-terma perjanjian cukai dua kali dengan Malaysia (jika berkenaan).

### **3.2 Cukai Tertahan ke atas Pengagihan daripada Dana Pasaran Wang Runcit (“RMMF”) kepada Pemegang-pemegang Unit**

Pengagihan pendapatan dana amanah saham yang adalah RMMF kepada Pemegang-pemegang Unitnya (selain pengagihan pendapatan faedah kepada Pemegang-pemegang Unit bukan individu) dikecualikan cukai di tangan Pemegang-pemegang Unit. Pemegang-pemegang Unit bukan individu akan dikenakan cukai ke atas pendapatan yang diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit daripada pendapatan faedah RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 MITA berkuat kuasa dari 1 Januari 2022 seperti berikut: -

<b>Jenis Pemegang Unit</b>	<b>Kadar Cukai Malaysia untuk Tahun Taksiran 2024</b>
<b>Pemastautin bukan individu:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kadar cukai tertahan</li> <li>▪ Mekanisme cukai tertahan</li> <li>▪ Tarikh matang pembayaran</li> </ul> <b>Bukan pemastautin bukan individu:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kadar cukai tertahan</li> <li>▪ Mekanisme cukai tertahan</li> <li>▪ Tarikh matang pembayaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 24%</li> <li>▪ Pengagihan pendapatan mempunyai kredit cukai, yang boleh digunakan untuk ditolak selesai terhadap cukai yang perlu dibayar oleh Pemegang-pemegang Unit</li> <li>▪ Cukai tertahan perlu diremit kepada Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam satu bulan dari pengagihan pendapatan faedah</li>   <li>▪ 24%</li> <li>▪ Cukai tertahan yang ditolak akan dianggap sebagai cukai akhir</li> <li>▪ Cukai tertahan perlu diremit kepada Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam satu bulan dari pengagihan pendapatan faedah</li> </ul>

Oleh sebab Dana bukan merupakan RMMF, cukai tertahan di atas ke atas pengagihan pendapatan faedah yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 MITA tidak akan terpakai kepada Pemegang-pemegang Unit bukan individu Dana.

### **3.3 Pengagihan Dikecualikan Cukai**

Pengagihan bebas cukai yang dibuat daripada pendapatan bebas cukai yang diperoleh oleh Dana tidak akan dikenakan cukai Malaysia di tangan Pemegang-pemegang Unit, sama ada individu atau korporat, pemastautin atau bukan pemastautin. Semua Pemegang Unit tidak membayar cukai untuk bahagian pengagihan pendapatan mereka tersebut daripada akaun penyamaan pengagihan Dana.

### **3.4 Baucar Pengagihan**

Untuk membantu melengkapkan penyata cukai Pemegang Unit, Pengurus akan menghantar kepada setiap Pemegang Unit baucar pengagihan sebagaimana dan apabila pengagihan dibuat. Ia menyenaraikan pelbagai komponen pendapatan yang diagihkan dan jumlah cukai pendapatan berkaitan yang telah dibayar oleh Dana.

### **3.5 Jualan, Pemindahan atau Penebusan Unit**

Pada masa ini, apa-apa laba terealisasi oleh Pemegang Unit daripada penjualan, pemindahan atau penebusan unit-unitnya pada amnya adalah laba modal bebas cukai kecuali jika Pemegang Unit tersebut ialah syarikat insurans, institusi kewangan atau orang yang berdagang atau berurus niaga sekuriti. Pada amnya, laba terealisasi oleh kategori Pemegang Unit ini termasuk pendapatan perniagaan yang cukai kenakan ke atasnya. Pemegang-pemegang Unit harus merujuk penasihat cukai mereka masing-masing berdasarkan profil cukai mereka untuk menentukan sama ada laba daripada penjualan, pemindahan atau penebusan unit-unit adalah laba modal atau laba perdagangan.

### **3.6 Pelaburan Semula Pengagihan**

Pemegang-pemegang Unit yang menerima pengagihan pendapatan mereka melalui pelaburan dalam bentuk pembelian unit-unit baharu akan dianggap telah menerima pengagihan pendapatan mereka dan melaburkan semula jumlah tersebut dalam Dana.

### **3.7 Pecahan Unit**

Pecahan unit yang diterbitkan oleh Dana tidak akan dicukai di tangan Pemegang-pemegang Unit.

### **3.8 Cukai Perkhidmatan**

Berdasarkan Lampiran A Jadual Pertama Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (“Jadual Pertama”), hanya pendapatan boleh cukai yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dikenakan cukai. Pendapatan atau laba pelaburan yang diterima oleh Pemegang Unit bukan merupakan perkhidmatan kena cukai yang ditetapkan dan dengan itu, tidak dikenakan Cukai Perkhidmatan.

Pada masa ini, yuran guaman, yuran perundingan dan yuran pengurusan mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6% jika penyedia perkhidmatan mendaftar untuk Cukai Perkhidmatan. Berkuat kuasa dari 1 Mac 2024, selaras dengan peruntukan subseksyen 10(2) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, perkhidmatan yang disebut di atas akan dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 8%.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa kenyataan-kenyataan yang dibuat dalam surat penasihat cukai ini menggambarkan dengan betul kefahaman dan pentafsiran kami tentang undang-undang cukai Malaysia semasa dan pentafsiran dan amalan berkaitan dengannya, yang kesemuanya mungkin tertakluk kepada perubahan. Ulasan kami di atas bersifat am dan meliputi percukaian dalam konteks undang-undang cukai Malaysia sahaja dan tidak meliputi undang-undang cukai asing. Ulasan ini bukan merupakan nasihat percukaian khusus kepada mana-mana pelabur dan kami menyarankan supaya pelabur-pelabur mendapatkan nasihat bebas mengenai isu-isu percukaian yang berkait dengan pelaburan mereka dalam Dana.

Yang benar



Toh Hong Peir  
Pengarah Eksekutif  
Deloitte Tax Services Sdn Bhd

**Pendapatan Bebas Cukai Amanah Saham (Tidak Lengkap)**

1. Faedah atau diskau yang dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana individu, amanah saham dan dana tertutup tersenarai berhubung dengan yang berikut akan dikecualikan daripada cukai:-

- Sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan; atau
- Debentur atau sukuk, selain stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah simpan dengan, SC; atau
- Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia

[Perenggan 35 Jadual 6 MITA]

2. Pendapatan amanah saham berhubung dengan faedah yang diperoleh dari Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") atau mana-mana institusi kewangan pembangunan yang dikawal atur di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 ("DFIA").

Dengan syarat bahawa pengecualian tidak akan terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada amanah saham yang adalah dana borong yang adalah dana pasaran wang.

[Perenggan 35A Jadual 6 MITA]

3. Faedah berhubung dengan mana-mana sijil simpanan yang diterbitkan oleh Kerajaan.  
[Perenggan 19 Jadual 6 MITA]

4. Faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana orang berhubung dengan Sukuk yang berasal dari Malaysia, selain stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang selain RM dan diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah simpan dengan SC dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan.  
[Perenggan 33B Jadual 6 MITA]

5. Faedah yang diterima berhubung dengan bon dan sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad di dalam dan di luar Malaysia.  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2001]

6. Pendapatan faedah yang diperoleh daripada bon-bon (selain stok pinjaman boleh tukar) yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana syarikat yang tersenarai di Malaysia Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad ("MESDAQ") (kini dikenali sebagai Bursa Securities Berhad ACE Market)  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2001]

7. Pendapatan yang diperoleh daripada Terbitan Sukuk yang telah diterbitkan oleh Malaysia Global Sukuk Inc.  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 31) 2002]

8. Diskau atau keuntungan yang diterima daripada penjualan bon atau sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta Urus Sendirian Berhad di dalam dan di luar Malaysia.  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2003]

9. Pendapatan yang diperoleh daripada Sukuk Ijarah, selain stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh 1Malaysia Sukuk Global Berhad.  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2010]

10. Laba atau keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan dalam sekuriti Islam, selain stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan selaras dengan prinsip Mudharabah, Musyarakah, Ijarah, Istisna' atau mana-mana prinsip lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan oleh SC di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2011]

11. Laba atau keuntungan sebagai ganti faedah, yang diperoleh daripada Sukuk Wakala selaras dengan prinsip Al-Wakala Bil Istithmar, selain stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh Wakala Global Sukuk Berhad.  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2011]
12. Pendapatan yang diperoleh daripada Sukuk Kijang dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan selaras dengan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2013. Untuk tujuan perintah ini, "Sukuk Kijang" bermaksud Sekuriti Islam dengan nilai nominal sehingga dua ratus lima puluh juta dolar Amerika Syarikat (USD\$250,000,000) yang diterbitkan atau akan diterbitkan selaras dengan prinsip Syariah Ijarah oleh BNM Kijang Berhad."  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2013]
13. Laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah, daripada Sukuk Wakala dengan nilai nominal sehingga satu billion lima ratus juta Dolar Amerika Syarikat (US\$1,500,000,000.00) selaras dengan prinsip Wakala Bil Istithmar, selain stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan oleh Malaysia Sovereign Sukuk Berhad.  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2015]
14. Laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah daripada Sukuk Wakala dengan nilai nominal sehingga satu bilion lima ratus juta Dolar Amerika Syarikat (US\$1,500,000,000.00) selaras dengan prinsip Wakala, selain stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan oleh Malaysia Sukuk Global Berhad (dahulunya dikenali sebagai 1Malaysia Sukuk Global Berhad).  
[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2016]

## **12. MAKLUMAT LANJUT**

### **12.1 Kontrak Material**

Tidak ada perjanjian atau kontrak material di luar perjalanan perniagaan biasa telah ditandatangani oleh Pengurus berhubung dengan Dana pada tarikh Prospektus ini.

### **12.2 Persetujuan**

Pemegang Amanah, wakil Pemegang Amanah (kustodian), peguam cara, juruaudit, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pemberi Lesen Indeks telah memberikan persetujuan mereka untuk dimasukkan nama dan penyata mereka dalam bentuk dan konteks yang ia terdapat dalam Prospektus ini dan masih belum selepas itu menarik balik persetujuan tersebut sebelum penerbitan Prospektus ini.

Penasihat cukai telah memberikan persetujuannya untuk dimasukkan nama dan surat penasihat cukainya dalam bentuk dan konteks yang terdapat dalam Prospektus ini dan masih belum selepas itu menarik balik persetujuan tersebut sebelum penerbitan Prospektus ini.

### **12.3 Dokumen untuk Pemeriksaan**

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus dan/atau Pemegang Amanah pada waktu perniagaan biasa:

- (a) Surat ikatan atau surat ikatan tambahan (sekiranya ada);
- (b) laporan tahunan terkini Dana;
- (c) Kontrak material yang dirujuk dalam Seksyen 12.1 Prospektus ini, sekiranya ada;
- (d) Surat penasihat cukai yang dirujuk dalam Seksyen 11 Prospektus ini;
- (e) Setiap persetujuan yang diberikan oleh pihak-pihak sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 12.2 Prospektus ini;
- (f) Prospektus ini dan prospektus tambahan atau penggantian, sekiranya ada; dan
- (g) penyata kewangan beraudit Pengurus dan Dana untuk tiga (3) tahun kewangan paling terkini atau tempoh lebih pendek yang Dana telah wujud, sebelum tarikh Prospektus ini.

### **12.4 Saluran untuk Mendapatkan Nasihat**

Semua soalan, notis dan komunikasi dengan Pengurus perlu dibuat secara bertulis dan diposkan ke alamat berikut:

Tingkat 9, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

No. Tel: 03 – 2032 2888  
No. Faks: 03 – 2031 5210  
E-mel: [enquiries@aminvest.com](mailto:enquiries@aminvest.com)

Maklumat tentang laman web Dana boleh diperoleh daripada laman web Dana, [www.f4gbmetf.com.my](http://www.f4gbmetf.com.my).

## **12.5 Perdagangan Bersilang**

Pengurus boleh melaksanakan perdagangan bersilang di antara dana dan mandat persendirian yang ia uruskan pada masa ini dengan syarat bahawa semua kriteria yang ditetapkan oleh pengawal selia dipatuhi.

Walaupun demikian, perdagangan bersilang di antara akaun peribadi pekerja Pengurus dan akaun Dana dan di antara akaun perdagangan proprietari Pengurus dan akaun Dana adalah dilarang sama sekali. Pelaksanaan perdagangan silang akan dilaporkan kepada jawatankuasa pelaburan dan didedahkan dalam laporan Dana dengan sewajarnya.